

**Bil. 32**

**Khamis  
11 Jun 2015**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KEDUA**

## K A N D U N G A N

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>USUL-USUL:</b>	
- Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 19)
- Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020	(Halaman 19)
- Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M.16(3)	(Halaman 88)
<b>UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:</b>	
■ Rancangan Infrastruktur Daerah Muar - <i>YB. Tuan Er Teck Hwa (Bakri)</i>	(Halaman 88)
■ Van Dilucut Hak Di Bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 - <i>YB. Dr. Michael Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)</i>	(Halaman 90)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - UMNO
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N. [Kuala Krau] - UMNO

**MENTERI**

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan I, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Orang Kaya Indera Shah Bandar, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan I, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. [Cameron Highlands] - MIC
4. “ Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.S.A.P., S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. [Padang Rengas] - UMNO
5. “ Menteri Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M [Sembrong] - UMNO
6. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P. [Bentong] - MCA
7. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K, D.S.A.P, D.M.S.M., J.P. [Semporna] - UMNO
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa Mohamed [Jeli] - UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kota Marudu] - PBS
10. “ Menteri Perusahaan, Perlindungan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S. [Betong] - PBB
11. “ Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K. [Bagan Datok] - UMNO
12. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek [Kemaman] - UMNO
13. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, P.J.N., K.M.N., P.J.K. [Segamat] - MIC
14. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] - UMNO
15. “ Menteri Kewangan II, Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, S.P.M.P., D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. [Tambun] - UMNO

16. Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Haji Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kimanis] - UMNO
17. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. [Jerai] - UMNO
18. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Idris Jala - *Senator*
19. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, P.G.D.K., S.P.D.K., P.S.M., J.P. [Pensiangan] - PBRS
20. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu anak Belaun, P.P.D., P.B.S. [Selangau] – PRS
21. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B. [Batang Lupar] - PBB
22. “ Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S. [Petrajaya] - PBB
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Sri Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., D.S.A.P. [Kuala Pilah] - UMNO
24. “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. [Serian] - SUPP
25. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] - UMNO
26. “ Menteri Pendidikan II, Dato' Seri Haji Idris Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau] - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Abdul Wahid Omar - *Senator*
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kwan - *Senator*
30. “ Menteri Belia dan Sukan, Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] - UMNO
31. “ Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. [Kota Belud] - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Nancy binti Shukri, K.M.N. [Batang Sadong] - PBB
33. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin, P.G.D.K. [Ranau] – UPKO
34. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. [Ayer Hitam] - MCA
35. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mah Siew Keong, A.M.P., D.P.M.P. [Telok Intan] – GERAKAN

### **TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Dato' Noriah binti Kasnon, D.P.S.M., D.S.A.P., S.M.S., P.J.K. [Sungai Besar] - UMNO
2. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Saravanan a/l Murugan [Tapah] - MIC

3. Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] - UMNO
4. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Abdul Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] - UMNO
5. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin, A.D.K., A.S.D.K., J.P., P.G.D.K. [Papar] - UMNO
6. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Razali bin Ibrahim, D.I.M.P., P.K.C. [Muar] - UMNO
7. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
8. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. [Labis] - MCA
9. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. [Mambong] - PBB
10. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M. [Santubong] - PBB
11. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Seri Mahdzir Khalid [Padang Terap] - UMNO
12. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun [Beaufort] – UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun - *Senator*
14. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya [Balik Pulau] - UMNO
15. “ Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. [Tenggara] - UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi, P.J.N., A.M.N., P.I.S. [Sri Gading] - UMNO
17. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah - *Senator*
18. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan - *Senator*
19. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] - UMNO
20. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri, K.M.N., P.P.N. [Ledang] – UMNO
21. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Lee Chee Leong - *Senator*
22. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan, K.M.N., P.J.K. [Hulu Selangor] - MIC
23. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato' Jailani bin Johari, D.S.M.Z., D.I.M.P. [Hulu Terengganu] - UMNO
24. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., J.P. [Tawau] - PBS
25. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, , S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P. [Maran] - UMNO

26. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] - PBB
27. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, D.M.S.M. [Tangga Batu] - UMNO
28. “ Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, [kosong]

#### AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang, P.J.N. [Kanowit] - PRS
2. “ Dato’ Abd. Aziz Sheikh Fadzir, D.S.M.S. [Kulim-Bandar Baharu] - UMNO
3. “ Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] - UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K. [Baling] - UMNO
5. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh, P.G.D.K., J.P. [Kalabakan] - UMNO
6. “ Dato’ Abdul Manan Ismail, D.I.M.P., P.K.C. [Paya Besar] - UMNO
7. “ Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] - UMNO
8. “ Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah, J.B.K., P.G.B.K [Igan] - PBB
9. “ Dato’ Ahmad Fauzi Zahari, D.P.T.J. [Setiawangsa] - UMNO
10. “ Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. [Jasin] - UMNO
11. “ Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N. [Machang] - UMNO
12. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, J.B.K., P.B.S., A.B.S. [Sibuti] - PBB
13. “ Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] - UMNO
14. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Ketereh] - UMNO
15. “ Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] - UMNO
16. “ Tuan Anyi Ngau [Baram] - SPDP
17. “ Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said, D.P.M.K. [Pengerang] - UMNO
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K. [Kinabatangan] - UMNO
19. “ Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh, A.M.N., P.S.K. [Setiu] - UMNO
20. “ Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur, P.G.D.K. [Silam] - UMNO
21. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] - PBB
22. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO
23. “ Dato’ Hasan bin Arifin, D.S.A.P. [Rompin] - UMNO
24. “ Dato’ Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] - PBB
25. “ Dato’ Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P [Tanah Merah] - UMNO
26. “ Dato’ Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim, D.I.M.P., J.M.N., K.M.N., B.C.M., P.B.B., P.J.P., J.P. [Kuala Selangor] - UMNO

27. Yang Berhormat Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok] - UMNO
28. “ Datuk Johari bin Abdul Ghani, P.J.N., D.S.I.S. [Titiwangsa] - UMNO
29. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.M.N., J.P., S.P.D.K., S.S.A.P., P.N.B.S., P.G.D.K. [Keningau] - PBS
30. “ Datuk Joseph Salang anak Gandum, D.S.P.N., A.M.N. [Julau] - PRS
31. “ Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar] - UMNO
32. “ Datuk Juslie bin Haji Ajirol, P.G.D.K., A.S.D.K. [Libaran] - UMNO
33. “ Datuk Koh Nai Kwong, D.M.S.M., D.S.M., B.C.M., P.J.K. [Alor Gajah] - MCA
34. “ Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] - MCA
35. “ Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] - GERAKAN
36. “ Datuk Linda Tsen Thau Lin, J.M.N. [Batu Sapi] - PBS
37. “ Datuk Madius bin Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K. [Tuaran] – UPKO
38. “ Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]
39. “ Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. [Putatan] - UPKO
40. “ Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M [Masjid Tanah] - UMNO
41. “ Tuan Masir Kujat, P.P.B. [Sri Aman] - PRS
42. “ Tuan Haji Mohd Fasihah bin Mohd. Fakeh, P.J.K. [Sabak Bernam] - UMNO
43. “ Tan Sri Mohd. Isa bin Abdul Samad, S.U.M.W., S.P.N.S., P.S.M., D.S.N.S., P.M.C. [Jempol] - UMNO
44. “ Dato’ Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., J.P., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K. [Kubang Pasu] - UMNO
45. “ Dato’ Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. [Parit] - UMNO
46. “ Dato’ Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. [Mukah] - PBB
47. “ Dato’ Ir. Nawawi bin Ahmad, D.S.D.K., A.M.K., B.K.M. [Langkawi] - UMNO
48. “ Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading] - SPDP
49. “ Datuk Seri Haji Noh bin Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] - UMNO
50. “ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] - UMNO
51. “ Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid, D.P.S.M. [Kota Tinggi] - UMNO
52. “ Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis] - PBB
53. “ Dato’ Noraini binti Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] - UMNO
54. “ Puan Hajah Normala binti Abdul Samad, A.M.N. [Pasir Gudang] - UMNO
55. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, P.G.D.K. [Pulai] - UMNO
56. “ Datuk Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. [Tanjong Malim] - MCA
57. “ Dato’ Wira Othman bin Abdul, D.G.M.K., D.S.S.A., S.D.K., A.M.K. [Pendang] - UMNO
58. “ Dato’ Othman bin Aziz, D.S.D.K., B.K.M., A.S.K. [Jerlun] - UMNO
59. “ Datuk Raime Unggi, P.G.D.K. [Tenom] - UMNO

60. Yang Berhormat Datuk Seri Reezal Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] - UMNO
61. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W, P.P.N [Labuan] - UMNO
62. “ Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] - PBB
63. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Sipitang] - UMNO
64. “ Datuk Shabudin bin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] - UMNO
65. “ Ir. Shahrudin bin Ismail, P.M.P., P.J.K. [Kangar] - UMNO
66. “ Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad, P.S.M., S.U.M.W. [Johor Bahru] - UMNO
67. ” Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
68. “ Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.G.S.M., D.S.A.P., D.S.N.S. [Tampin] - UMNO
69. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] - UMNO
70. “ Dato’ Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P. [Bintulu] - SPDP
71. “ Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang] - PRS
72. “ Dato’ Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad, D.P.M.P., A.M.P. [Kuala Kangsar] - UMNO
73. “ Datuk Wee Jeck Seng, D.M.S.M. [Tanjong Piai] - MCA
74. “ Datuk William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. [Lubok Antu] - PRS
75. “ Tan Sri William Mawan Ikom, P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S [Saratok] - SPDP
76. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] - UMNO
77. “ Dato’ Haji Zainudin bin Haji Ismail, A.N.S., P.M.C., P.J.K. [Jelebu] - UMNO

#### **AHLI-AHLI (PKR)**

1. Yang Berhormat Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]
2. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]
3. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]
4. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]
5. “ Dato’ Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. [Indera Mahkota]
6. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]
7. “ Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]
8. “ Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]
9. “ Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]
10. “ Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]
11. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani]
12. “ Dato’ Kamarul Baharin bin Abbas, D.S.S.A. [Telok Kemang]
13. “ Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]



14. Yang Berhormat Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]
15. “ Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]
16. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]
17. “ Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid, P.A.T., P.C.M., S.M.S., A.C.M., A.M.S., K.M.N., K.A.T., P.P.A., P.P.P. [Lumut]
18. “ Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]
19. “ Datuk Mohd Idris bin Jusi, A.M.N., A.M.S., D.S.M., D.M.S.M. [Batu Pahat]
20. “ Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]
21. “ Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]
22. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]
23. “ Tuan R. Sivarasa [Subang]
24. “ Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]
25. “ Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
26. “ Dato' Dr. Tan Kee Kwong, D.M.P.M. [Wangsa Maju]
27. “ Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, D.P.P.N. [Permatang Pauh]
28. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
29. “ Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]
30. “ Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]

#### **AHLI-AHLI (DAP)**

1. Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]
2. “ Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]
3. “ Tuan Er Teck Hwa [Bakri]
4. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]
5. “ Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]
6. “ Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]
7. “ Tuan Ko Chung Sen [Kampar]
8. “ Tuan Liew Chin Tong [Kluang]
9. “ Tuan Lim Guan Eng [Bagan]
10. “ Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]
11. “ Tuan Lim Lip Eng [Segambut]
12. “ Tuan Loke Siew Fook [Seremban]
13. “ Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]
14. “ Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]
15. “ Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]
16. “ Tuan Nga Kor Ming [Taiping]
17. “ Dato' Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas]
18. “ Dr. Ong Kian Ming [Serdang]

19. Yang Berhormat Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]
20. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
21. “ Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]
22. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
23. “ Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]
24. “ Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]
25. “ Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]
26. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]
27. “ Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]
28. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras]
29. “ Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]
30. “ Tuan Teo Kok Seong [Rasah]
31. “ Puan Teo Nie Ching [Kulai]
32. “ Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]
33. “ Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]
34. “ Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]
35. “ Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]
36. “ Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]

#### **AHLI-AHLI (PAS)**

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]
2. “ Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]
3. “ Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]
5. “ Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]
6. “ Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]
7. “ Dato' Kamarudin bin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Tumpat]
8. “ Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]
9. “ Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena]
10. “ Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]
11. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]
12. “ Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P. [Kuala Nerus]
13. “ Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]
14. “ Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]
15. “ Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad, D.J.M.K [Pasir Puteh]
16. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]
17. “ Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah, D.P.M.T [Kuala Terengganu]
18. “ Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]

19. Yang Berhormat Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]
20. “ Dato’ Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
21. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]

**BEBAS**

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato’ Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, P.S.M., D.P.M.S., D.S.A.P. [Bandar Tun Razak]

**DEWAN RAKYAT****Ketua Pentadbir Parlimen**

Tuan Awang Alik bin Jeman

**Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Roosme binti Hamzah

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

Encik Che Seman bin Pachik

**PETUGAS-PETUGAS****CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Siti Norlina binti Ahmad

Noraidah binti Manaf

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mulyati binti Kamarudin

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Ali

Sherliza Maya binti Talkah

Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Hazwani Zarifah binti Anas

Siti Aishah binti Md. Nasir

Ismalinda binti Ismail

Hazliana binti Yahaya

Muhammad Dzulhazmi bin Sha'arin

Amir Arshad bin Ab Samad

Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed

Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KETIGA**  
**MESYUARAT KEDUA**  
**Khamis, 11 Jun 2015**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]** minta Perdana Menteri menyatakan cara untuk meningkatkan dan menambahkan aktiviti ekonomi di kawasan Kampung Baru China di Semenanjung Malaysia.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjong Piai atas soalan yang dikemukakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, kerajaan telah memperkenalkan Skim Pinjaman Khas Penduduk Kampung Baru iaitu (PKBC) bagi membantu penduduk Kampung Baru khususnya bagi mereka yang memerlukan bantuan kewangan dalam membiayai perniagaan kecil untuk meningkatkan taraf hidup penduduk Kampung Baru. Dana berbentuk pusingan sebanyak RM100 juta telah pun disediakan dan dilaksanakan melalui Bank Simpanan Nasional. Dalam hal ini, penduduk kampung yang ingin memulakan perniagaan kecil boleh memohon pinjaman sehingga RM50,000 dari Bank Simpanan Nasional.

Sehingga 31 April 2015, sebanyak RM153,113,960 telah diluluskan kepada seramai 4,736 penduduk kampung untuk menjalankan aktiviti perniagaan kecil di kawasan Kampung Baru. Untuk maklumat Yang Berhormat, PKBC berkemampuan membantu meningkatkan kecekapan dan juga daya saing perniagaan kecil-kecilan supaya menjadi lebih kompetitif. Selain daripada memberi peluang kepada golongan muda untuk memulakan perniagaan baru atau mengembangkan perniagaan sedia ada, PKBC juga berperanan menggalakkan perniagaan kecil untuk menjadi industri penyokong atau pelengkap kepada industri besar, selaras dengan proses pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, selain daripada program PKBC dari tahun 2011 sehingga 28 Mei 2015, kerajaan juga telah menyalurkan peruntukan pembangunan sebanyak RM239 juta untuk menaik taraf infrastruktur fizikal dan sosial di Kampung Baru. Ini bukan sahaja dapat meningkatkan kualiti hidup penduduk di kampung malah secara tidak langsung dapat membantu menjana ekonomi setempat kerana infrastruktur yang baik membolehkan orang ramai berkunjung ke kawasan tarikan pelancong di kawasan Kampung Baru dengan cepat dan selesa.

Dalam pada itu, pelaksanaan projek pembangunan kecil yang diterajui Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) juga membantu menjana ekonomi setempat kerana JKKK mendapatkan bekalan pembinaan dan sewaan peralatan kenderaan daripada pembekal-pembekal setempat. Semua ini secara langsung atau tidak langsung telah membantu meningkatkan aktiviti ekonomi di kawasan Kampung Baru. Terima kasih,

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Menteri. Soalan tambahan, selain daripada pembangunan dalam aspek fizikal dan sosioekonomi, apakah langkah-langkah ataupun pendekatan yang diambil oleh

bagian Kampung Baru untuk menyebarkan maklumat mengenai bantuan-bantuan kerajaan kepada penduduk kampung supaya mereka dapat atau turut dapat menikmati segala kemudahan yang disediakan oleh kerajaan dan sejauh manakah bantuan yang telah diberikan kepada penduduk di kawasan Kampung Baru Cina mencukupi. Adakah kerajaan mencadangkan untuk mengkaji semula dengan menambah beberapa bantuan yang diperlukan khususnya daripada segi kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah didapati juga penghijrahan pemuda pemudi Kampung Baru ke bandar begitu ketara sekali kerana dikatakan kurang peluang pekerjaan. Jadi, saya ingin tahu adakah *master plan* Kampung Baru tahun 2004 masih relevan dan diguna pakai untuk tujuan pembangunan Kampung Baru. Sekian, terima kasih.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Piai atas soalan yang agak komprehensif. Saya akan cuba memberi satu penerangan kepada Yang Berhormat. Pertama, daripada segi penyampaian apa yang telah kita rancang dan juga kebaikan yang bakal diterima oleh penduduk Kampung Baru. Dalam soal ini, kita mempunyai pegawai-pegawai kemajuan perkampungan seramai 70 orang. Jadi kita telah memberi arahan pada tahun lalu supaya mereka menerangkan kepada semua kampung.

Kita ada jumlah 607 kampung-kampung baru termasuk Kampung Rangkaian dan juga Kampung Bagan di mana ianya di bawah portfolio ini. Jadi saya rasa kita bukan sahaja melalui pegawai-pegawai ini, kita juga mensyaratkan dan kita menggalakkan JKKK untuk mengadakan program kemasyarakatan dan kita bagi peruntukan supaya mereka buat penerangan kepada orang-orang kampung, melakukan *engagement* dengan orang-orang kampung. Jadi kita tidak mahu semata-mata kita meluluskan suatu projek fizikal tetapi akhirnya tidak dirasai oleh orang kampung.

#### ■1010

Kita juga mendengar apakah *feedback* dan input yang terbaik daripada orang-orang kampung. Ini yang pertama. Yang kedua kita lihat, bukan sekadar apa yang saya terangkan tadi, skim pinjaman khas untuk mereka yang membuat perniagaan. Sebenarnya kita tidak terbatas kepada sumber yang kita katakan tadi.

Seperti saya bagi satu contoh, baru-baru ini Yang Amat Berhormat juga mengumumkan dalam Bajet 2015. Kita ada 30 juta untuk penaja dan ia tidak terkecuali kepada kampung-kampung, kepada mana-mana penduduk Kampung Baru yang merupakan penaja untuk memohon. Begitu juga baru-baru ini dilancarkan untuk SME *soft loan*, di mana 50 juta khas untuk PKS kaum Cina. Itu juga tidak terbatas dan ia boleh dipohon oleh mereka yang layak.

Jadi, kalau kita campurkan jumlah ini, ini juga satu maklumat yang perlu kita sampaikan melalui penerangan seperti mana yang saya katakan. Bagi mereka yang biasa menjalankan perniagaan tradisi seperti kedai motor dan juga kedai runcit, kita ada Program ATOM dan TUKAR yang mana kita juga boleh menggunakan sumber kewangan yang ada pada kerajaan yang mana sedia membantu mereka untuk melakukan transformasi. Ini juga telah kita lakukan. Jadi, dengan pendek kata, perkara-perkara ini perlu diterangkan melalui program kemasyarakatan yang ada.

Berbalik kepada soalan sama ada cukup atau tidak, kita akan melihat kemampuan kewangan kerajaan. Seperti mana yang telah dimaklumkan atau pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, skim pinjaman ini akan diteruskan. Saya yakin ia adalah satu jumlah yang tidak kurang daripada RMKe-10. Jadi, saya rasa sekurang-kurangnya kita akan teruskan skim yang baik ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya skim ini kita sediakan RM100 juta. Setakat ini sudah kita gunakan modal pusingan ini RM153 juta. Dengan cara ini kita melihat dari segi NPL, *non performing loans*, cuma 2.2%.

Jadi, ini memang banyak membantu mereka untuk memajukan perniagaan. Saya rasa ini adalah satu contoh yang baik dan kita mengalu-alukan sekiranya kemampuan kerajaan lebih dan ia boleh ditambah. Berbalik kepada penghijrahan dengan *master plan* seperti mana diutarakan oleh Yang Berhormat. *Master plan* itu memang kita berpandukan kepada itu. Baru-baru ini kita minta supaya pihak universiti juga melihat. Kita hendak lihat *sustainability* kampung-kampung baru. Mungkin ada kampung-kampung baru yang dikatakan orang yang sudah agak tua, warga tua sahaja duduk di situ. Kita hendak lihat

sama ada ia ada potensi atau tidak untuk kita membangunkan bukan sahaja infrastruktur tetapi dari segi sosial ekonomi.

Jadi, kita akan berpandukan kepada 31 strategi yang telah dihuraikan dalam *master plan* tadi. Penghijrahan orang-orang muda ke kawasan kampung adalah satu fenomena. Kita juga gunakan cara di mana kita sediakan pakej pinjaman kepada mereka untuk mereka duduk di kampung untuk memulakan perniagaan. Jadi, inilah antara usaha yang telah dijalankan oleh kerajaan. Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan bagaimana Yang Berhormat mentafsirkan dengan kriteria untuk 607 kampung itu dari segi aktiviti ekonomi? Bagaimana juga untuk mengelakkan daripada berlakunya penyelewengan di dalam skim pinjaman dan projek naik taraf?

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih tentang takrifan Yang Berhormat Kepong. Sebenarnya kalau kita lihat daripada 607 kampung baru itu, 450 itu dibina pada zaman darurat iaitu pada awal tahun 50-an sebelum merdeka. Jadi, 450 adalah Kampung Baru Tradisi.

Kita juga telah membuat kajian pada tahun 2009 dan dimasukkan Kampung Baru Rangkaian. Di mana kampung-kampung yang telah dibina selepas kemerdekaan dan kian lama ia telah menjadi mirip kepada Kampung Baru juga, jadi ia dinamakan sebagai kampung baru Rangkaian. Kita ada 113 kampung ini dan kita ada juga Kampung Bagan iaitu sebanyak 44. Kampung Bagan ialah kampung nelayan. Di mana penduduknya majoriti adalah kaum Cina. Jadi, kita buat klasifikasi itu, 607 berdasarkan kepada kategori ini.

Kedua, apa yang Yang Berhormat katakan tadi sebenarnya, ya. Kita melihat kampung-kampung ini ada tradisi, ada *characteristics* atau ciri-ciri yang berlainan. Untuk setiap kampung, kita telah membuat kajian. Bagi kampung-kampung yang ada potensi, kita sebagai contoh kalau di Tanjung Malim, ada banyak kampung di mana aktiviti pertanian itu sebagai satu tumpuan kepada pelancong. Seperti kampung-kampung di Johor juga ada kampung-kampung seperti di kawasan saya di Kampung Yong Peng yang memang sebagai satu tempat destinasi pelancongan. Jadi, kita melihat potensi setiap kampung dan ia telah dihuraikan dan kita telah masukkan dalam *website* kita. Yang itu adalah mengenai maklumat tentang kampung. Tentang keberkesanan Yang Berhormat, kita pastikan supaya setiap wang ringgit itu dibelanjakan dengan cara berhemah.

Oleh sebab itu, kita minta JKKK yang dipertanggungjawabkan menjalankan aktiviti fizikal, mereka dapat kelulusan daripada pihak nelayan kampung baru Jabatan Perdana Menteri. Sebelum mereka memulakan sesuatu projek, ia akan dipantau oleh pegawai kemajuan perkampungan. Jadi, setiap ringgit yang telah dibelanjakan akan dibuat pengauditan oleh pihak kita. Kita hendak pastikan semua resit yang dikemukakan dapat disahkan dengan betul. Kita hendak sahkan setiap projek itu dijalankan mengikut apa yang diminta oleh pihak pemohon atau pun projek-projek itu memang ada berlaku di kawasan kampung-kampung baru. Dengan cara ini, ia dapat mengekang apa juga masalah penyelewengan seperti mana Yang Berhormat sebutkan. Terima kasih.

**2. Tuan Lim Guan Eng [Bagan]** minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan usaha-usaha yang dijalankan untuk meningkatkan jumlah pelancong sungguh pun menghadapi tragedi kapal terbang MH17, MH370 dan AirAsia pada 2014 serta penculikan pelawat oleh pengganas Moro di Filipina. Apakah program yang dicadangkan dijalankan di Pulau Pinang.

**Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan. Beliau terpaksa tinggalkan Majlis kerana ada Mesyuarat Raja-raja yang mana Gabenor Pulau Pinang tak boleh masuk kalau dia tidak mengiringinya. Jadi, kita ucap terima kasihlah. Walau bagaimanapun, dia tunggu untuk membolehkan saya jawab.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Tourism Malaysia tetap komited dalam menjalankan pelbagai usaha bagi mengekalkan momentum pembangunan industri pelancongan negara.

Dalam hal ini kementerian telah melaksanakan beberapa pendekatan strategik dalam menghadapi cabaran akibat kejadian insiden MH370, MH17 dan krisis penculikan pelancong di Sabah seperti yang berikut:

- (i) Kita mempertingkatkan promosi di pasaran lain sebagai strategi jangka pendek bagi mengimbangi kejatuhan kedatangan pelancong daripada pasaran China:
- Pertama, pasaran ASEAN, terutamanya Singapura, Indonesia, Thailand, Filipina dan Brunei.
  - Kedua, pasaran Asia Selatan, India, Bangladesh dan Sri Langka.
  - Ketiga, pasaran Asia Barat, Arab Saudi, Kuwait, Oman, Qatar, Emiriah Arab Bersatu dan Bahrain,
  - Keempat, pasaran Oceania iaitu Australia dan
  - kelima, pasaran Eropah, United Kingdom, Perancis, Jerman dan Rusia.

Ini bagi mengimbangi kejatuhan pelancong dari negara China.

- (ii) Mengadakan Jawatankuasa Urusan Krisis di pejabat-pejabat Tourism Malaysia di pasaran China. Fungsi utama jawatankuasa ini adalah untuk berinteraksi secara aktif dengan para pengusaha pelancongan di pasaran China untuk mengembalikan keyakinan pelancong China mengunjungi Malaysia; juga
- (iii) Kita mengadakan kempen yang lebih pesat dan kuat bagi kawasan-kawasan apa yang dianggap sebagai *second tier cities* di China. Di mana laporan tidak begitu meluas berkenaan dengan MH370. Kita merasakan iaitu bahawa kalau kita boleh menarik pelancongan daripada *second tier cities* yang belum pernah datang ke Malaysia, maka ini akan menambahkan lagi jumlah pelancong China datang ke negara kita. Dalam usaha ini juga kita mengadakan perbincangan secara langsung dengan syarikat-syarikat penerbangan untuk mengadakan *charter flight* supaya boleh menerbangkan pelancong-pelancong daripada negara China terus daripada *second tier cities* ini;

#### ■1020

- (iv) Tourism Malaysia telah mengadakan perjumpaan dengan para pengusaha pelancongan tempatan, di Malaysia lah, bagi membincangkan strategi dan program yang boleh dilaksanakan bersama bagi mengurangkan impak atau kesan daripada insiden MH370 ini;
- (v) kita juga berusaha berterusan untuk menghapuskan visa khusus hanya untuk pelancong-pelancong ya, pelancong China yang datang ke Malaysia. Pada peringkat awalnya usaha ini telah berjaya daripada segi kita menghapuskan bayaran visa tetapi dia tidak banyak mendatangkan impak kepada pelancong-pelancong China. Oleh sebab itu, kita berusaha terus untuk menghapus terus visa bagi pelancong-pelancong China ini. Malah, dalam Mesyuarat Kabinet yang telah berlaku pada bulan Mei, Perdana Menteri sendiri telah membangkitkan perkara ini dan keputusannya ialah Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri menerusi Kementerian Dalam Negeri telah diarahkan untuk menyediakan Kertas Kabinet bagi membuatkan cadangan ini selama *trial period* satu tahun. Akan tetapi, kertas ini masih lagi belum dibawa oleh Kementerian Dalam Negeri.



Tuan Yang di-Pertua, Tourism Malaysia juga menjalankan aktiviti dan program promosi dari semasa ke semasa bagi memajukan negeri-negeri di Malaysia.

Ada soalan iaitu soalan kedua Yang Berhormat Bagan bertanya, apakah usaha yang telah kita lakukan bagi negeri Pulau Pinang. Dia tidak ada sini tapi saya hendak memberitahu kepada dia iaitu dia tidak perlu bimbang kerana dalam mempromosikan pelancongan di negara kita, kita tidak kira sama ada negeri itu diperintah oleh parti-parti pembangkang atau sebaliknya. Bagi kita, pelancongan ialah untuk seluruh negara tanpa mengira bentuk pemerintahan di negeri berkenaan.

Malah, untuk menunjukkan usaha kita bagi negeri Pulau Pinang ini memang dilaksanakan, pelancong luar negara yang datang ke Pulau Pinang pada tahun 2013 ialah seramai 2,062,917 orang. Pada ketika itu Pulau Pinang menduduki tempat yang keempat di belakang Kuala Lumpur, Pahang dan Johor. Akan tetapi pada tahun 2014, Tahun Melawat Malaysia, mengikut statistik *Malaysia Hotel Guest by State*, Pulau Pinang telah meningkat kepada nombor dua. Mereka telah mendapat 3,230,399 orang. Ini jelas menunjukkan iaitu bahawa Kerajaan Pusat tidak mengira sama ada negeri itu diperintah oleh pembangkang ataupun tidak. Cuma, apa yang kita laksanakan ialah untuk mempromosi pelancongan di seluruh negara kita di setiap negeri.

Jadi bagi Pulau Pinang ini, Tourism Malaysia telah melaksanakan kerjasama promosi bersama dengan kompleks beli-belah di Pulau Pinang bagi menjayakan Karnival Jualan Mega 1Malaysia dan Jualan Akhir Tahun 1Malaysia untuk menggalakkan aktiviti membeli-belah di kalangan pelancong. Kompleks beli-belah utama yang terlibat dalam kerjasama promosi ini termasuklah *Gurney Paragon, Queensbay Mall, 1st Avenue Mall, Sunway Carnival Mall, Gurney Plaza* dan *Strait Quay Mall*.

Menerusi projek permulaan EPP 1 di bawah NKEA pelancongan iaitu pembangunan *premier shopping precinct*, Tourism Malaysia telah menetapkan Pulau Pinang sebagai zon beli-belah baru yang berpotensi untuk diketengahkan.

Yang ketiga, bersempena kempen MyFest 2015, Tourism Malaysia sedang dan akan melaksanakan pelbagai aktiviti bagi mempromosikan sektor pelancongan di Pulau Pinang. Antara inisiatif yang diambil ialah bekerjasama dengan agensi pelancongan, hotel, pengusaha produk pelancongan serta media. Ini termasuk juga kerjasama pintar yang dijalankan bersama persatuan-persatuan, syarikat penerbangan dan pihak berkuasa tempatan.

Dalam usaha untuk memajukan Pulau Pinang juga, Tourism Malaysia dan kementerian saya telah memutuskan iaitu *World Tourism Conference* yang merupakan satu-satunya *conference* yang dibenarkan oleh UNWTO diadakan di sebuah negeri dan tidak digilir-gilirkan dengan negara-negara lain ialah *World Tourism Conference* yang diadakan tiga tahun sekali. Pada tahun 2013, kita telah mengadakan *conference* ini di negeri Melaka kalau tidak silap saya. Akan tetapi bagi tahun 2016, tahun hadapan, kita telah memutuskan iaitu bahawa Pulau Pinang akan menjadi tuan rumah. Ini di antara usaha yang kita lakukan untuk memajukan Pulau Pinang.

Keempat, banyaklah lagi orang kata produk-produk baru yang diadakan di Pulau Pinang yang disokong oleh kementerian saya seperti *World Curry Conference*. Tak pernah dengar *World Curry Conference* ya. *World Curry Conference* ini dia bermula di Bradford, London di mana penempatan orang-orang diaspora India begitu ramai, mereka mengadakan *World Curry Conference*.

*World Curry Conference* ini telah diadakan pada tahun lepas atas usaha Yang Berhormat Datuk Malik iaitu Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Saya pun tidak pernah dengar lagi apa benda yang dipertandingkan dan apa yang hendak dibincangkan dalam *Curry Conference* ini tapi saya rasa kalau tahun ini punya, kita hendak sokong juga, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat boleh pergi. Pada ketika itu saya percaya di Pulau Pinang itu dalam keadaan yang panas ya kerana *World Curry Conference* ini memang pedas betul lah. Jadi ini merupakan usaha-usaha produk-produk baru di negeri Pulau Pinang yang kita sokong. Jadi itulah di antara usaha yang kita lakukan untuk mempromosi pelancongan di negeri Pulau Pinang.

**Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri berhubung kedatangan pelancong daripada Timur Tengah. Adakah dia makin bertambah terutamanya di negeri Pahang yang banyak

pusat-pusat pelancongan yang menarik, *rainforest*, pantai dan sebagainya? Adakah trendnya meningkat ataupun trendnya makin berkurang daripada negara-negara Timur Tengah?

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Pertama sekali, saya tidak berpeluang hendak mengucapkan selamat datang kepada rakan saya. Kita ucapkan selamat datang sebagai Ahli Parlimen Rompin. Dia pun macam arwah Mat Bulat. Dia pusing-pusing, datang balik. Orang ingat dia dah *out* lama dah. Tahniah Yang Berhormat ya, tahniah. *[Ketawa]*

Jadi Yang Berhormat, saya suka nak sebut di sini sebelum saya menjawab soalan khusus. Pahang ini dulu pada tahun 2013 merupakan negeri yang ketiga ya, yang diminati oleh pelancong-pelancong luar negara. Pada tahun 2013, negeri Pahang mendapat 2,481,302 orang tapi pada tahun 2014 cuma 2,317,011 orang. Akan tetapi saya percaya ini minat orang luar negara kepada negeri Pahang dia stabil lah ya.

Bagi *Middle East* punya *tourist* ini, dia merupakan— saya ada banyaklah. Dia mengikut negeri ya, macam kata Iran, semua ini banyak. Kehadiran mereka pada tahun 2014 dia meningkat dan sudah tentulah seperti mana Yang Berhormat sebut iaitu bahawa negeri Pahang merupakan sebuah negeri yang diminati oleh mereka.

Tapi sekarang ini kalau kita hendak tarik dia, kena buat banyak buka puasa macam di Kuantan hari itu, buat di padang. Sekarang ini dia orang banyak mari ini. Ini bulan puasa sudah dekat, sememangnya pada waktu inilah waktu begitu sangat panas ya di negara mereka. Waktu inilah mereka akan datang dan kita ada buat pakej di mana kita jemput mereka mari dan kita bawa mereka juga untuk, macam baru-baru ini, pakej untuk mendengar musabiqah Al-Quran dan kita ada buka puasa di dataran.

#### ■1030

Kemudian usaha daripada beberapa masjid membawa imam daripada sana untuk mengimamkan sembahyang terawih kita semua. Ini menyebabkan mereka datang. Jadi daripada segi Timur Tengah, saya rasa kita punya tarikan untuk mereka datang ke negara kita bercuti itu memang *stable* kedatangan mereka dan sudah tentu banyak lagi yang boleh kita lakukan. Paling akhir sekali kita menghadiri Dubai Arab Travel Mart yang kita hadiri pada tiap-tiap tahun dan pada tiap-tiap tahun kita tengok meningkat.

Cuma ada permintaan daripada Iran. Kawan saya pun tidak ada sini. Iran ini dahulu kita bagi dia tiga bulan. Apabila dia masuk ke Malaysia, dapat tiga bulan. Sekarang kita kurangkan kepada 14 hari sahaja. Mereka ini minat dengan Malaysia. Jadi dia merasakan apabila dahulu dapat tiga bulan sekarang sudah diberi hanya 14 minggu macam kita tidak suka pada dia. Ini laporan yang saya terima daripada rakan-rakan *travel agent*. Dia minta kalau boleh bagi baliklah tiga bulan. Kalau ada yang buat salah itu bukanlah majoriti mereka kata, bukan saya.

Jadi saya harap rakan saya akan dengarlah juga rayuan ini kerana Iran merupakan sebuah negara yang banyak menghantar pelancong ke negara kita. Memang dia suka negara kita tapi pada tahun lepas mereka telah berkurangan sebanyak 40% tidak silap saya kehadiran mereka. Jadi, pada umumnya kehadiran daripada *Middle East* cukup baik dan saya harap negeri Pahang Yang Berhormat bolehlah buat program-program waktu bulan puasa ini yang menarik perhatian mereka supaya dapat menambah pelancong-pelancong *Middle East* datang ke negara kita. Bukan sahaja datang ke negara kita tapi pergi ke Pahang terutamanya Rompin. Macam-macam ada. Mungkin kita ada pesta buka puasa makan ikan *billfish*. Terima kasih.

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mula-mula sekali saya ingin merakamkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana banyak memberi bantuan dan juga pertolongan kepada beberapa projek pembangunan di negeri Pulau Pinang. Sehubungan dengan itu Yang Berhormat Menteri juga telah baru-baru ini merasmikan satu majlis di Masjid Lebuh Aceh di Pulau Pinang. Jadi, di sini saya hendak mohon Yang Berhormat Menteri memberi pertimbangan kepada projek yang kita bangunkan di bawah Yayasan Islam Pulau Pinang. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Nibong Tebal. Saya telah pergi ke Pulau Pinang atas jemputan Yang Berhormat selaku pengerusi satu jawatankuasa di sana dan juga di atas permintaan Ahli Yang Berhormat daripada Parit

Buntar, pergi untuk melihat satu projek Masjid di Lebuh Aceh. Orang Aceh pun sudah lama lebu Pulau Pinang itu kan. Tetapi ini Lebu Aceh, ini lain.

Jadi saya rasa itu satu tindakan yang cukup baik supaya kita boleh menarik juga perhatian pelancong-pelancong *Middle East* yang datang ke Pulau Pinang sebenarnya mereka suka ke pantai tetapi dalam masa yang sama untuk mengisikan waktu mereka *free*, boleh kita bawa mereka untuk melihat apa yang kita katakan *Muslim tourism* ini. Kita bawa mereka pergi ke tempat-tempat bersejarah seperti masjid di Lebu Aceh. Akan tetapi yang lebih menarik saya tengok di situ ialah di Lebu Aceh itu di situ letaknya bukan sahaja masjid tetapi ada juga gereja, ada juga kuil Hindu dan ada juga tokong Cina yang memaparkan kehidupan kita di Malaysia sebagai sebuah negara berbilang kaum, hidup aman dan damai. Ini satu bukti yang menunjukkan bahawa kita di Malaysia adalah sebuah negara yang berbilang kaum dan agama.

Jadi, ada juga yang saya jumpa dengan pelancong-pelancong dia cukup seronok. Di waktu ini apabila kita dengar di Iraq dan di merata-rata tempat, pergaduhan dan pembunuhan dilakukan oleh orang Islam macam ISIL terhadap orang Kristian dan Yahudi pula dok bantai hari-hari orang Palestin. Akan tetapi di Malaysia aman. Bukan sahaja di antara *Abrahamic religious group* tetapi juga agama-agama lain juga. Jadi ini saya ingat satu perkara yang berlaku di negara kita secara semula jadi (*natural*) dan bukan dipaksa. Ia akan tunjuk kepada dunia bahawa negara kita ini negara berbilang kaum, hidup aman dan damai.

Saya setuju bahawa masjid yang sudah buruk itu kita akan baiki dan kita akan isytiharkan sebagai warisan *in shaa-Allah*. Asalkan kerajaan negeri mengambil tindakan terlebih dahulu mengisytiharkannya iaitu wawasan negeri, setelah itu kita akan isytihar sebagai kawasan negara. Saya telah berjanji kepada Yang Berhormat pada hari itu iaitu kita akan memberikan peruntukan untuk membangun, bukan membangun semula, bagi dia elok balik seperti pada masa-masa yang lepas. Terima kasih.

**3. Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) adakah pihak kementerian mempunyai peruntukan khas bagi pembinaan rumah sementara untuk tempoh mendiami antara 3-5 tahun sementara menunggu Projek Perumahan Rakyat (PPR) siap sepenuhnya khususnya penempatan semula setinggan yang berbaki lebih kurang 1500 keluarga di Bintulu; dan
- (b) apakah perancangan masa depan pihak kementerian dalam usaha untuk menambah PPR bagi mengatasi masalah setinggan di negeri Sarawak lebih-lebih lagi Bintulu memandangkan kekurangan rumah kediaman kos rendah.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Tadi dia datang belakang saya Tuan Yang di-Pertua, dia kata *you* jawab baik-baik ya. *You* jangan kongkalikung. [*Ketawa*] Bergegar saya dengar.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Bintulu. Untuk makluman Yang Berhormat Bintulu, saya menjawab kepada dua persoalan. Soalan (a), pada masa ini kementerian tidak mempunyai sebarang peruntukan khas bagi pembinaan apa-apa rumah sementara bagi menunggu sesuatu projek PPR dilaksanakan. Itu yang pertama.

Bagi mana-mana projek PPR yang telah pun siap Yang Berhormat, kementerian akan menyerahkan projek berkenaan kepada pihak kerajaan negeri dan kerajaan negeri yang akan membuat pemantauan terhadap pemilihan peserta-peserta ataupun penama-penama yang patut dimasukkan dalam mana-mana projek PPR yang dibina oleh kementerian.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, mengenai perancangan kementerian untuk melaksanakan projek PPR di negeri Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat Bintulu,

terdapat dua projek PPR di negeri Sarawak yang sedang dalam pembinaan Tuan Yang di-Pertua yang melibatkan sebanyak 939 unit kediaman seperti berikut iaitu PPR Lambir Miri sebanyak 500 unit, PPR Sungai Tengah Kuching sebanyak 439 unit dan jumlah yang sedang dalam pembinaan ialah 939 unit.

Bagi kawasan Bintulu, kementerian telah pun menyiapkan Tuan Yang di-Pertua satu projek PPR yang merangkumi 1,000 unit kediaman di Kemena, Bintulu dan ini adalah bagi penempatan semula setinggan-setinggan dan juga golongan berpendapatan rendah yang berada di kawasan Bintulu dan ini adalah merupakan antara sebahagian daripada permintaan yang telah pun dipohon oleh Yang Berhormat Bintulu untuk membuat penempatan terhadap setinggan-setinggan yang ada dalam kawasan Bintulu. Saya tahu Yang Berhormat, Yang Berhormat ada jumlah setinggan yang ramai tetapi itu adalah peringkat permulaan ditempatkan 1,000. Ada lagi *balance* yang lain. Projek telah pun siap Tuan Yang di-Pertua, sudah serah kepada kerajaan negeri untuk urusan pengisian.

Bagi maklumat Yang Berhormat, projek yang telah pun disiapkan PPR di negeri Sarawak sehingga Mei 2015 ada sebanyak 3,016 unit. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga mempunyai lima lagi projek PPR yang berada dalam pelbagai peringkat perancangan di mana projek-projek ini dijangka akan dimulakan untuk pelaksanaan pada tahun 2015 ini dan sebanyak 829 unit yang akan dibina.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian dalam Rancangan Malaysia Kesebelas juga telah pun merancang untuk membina lebih banyak lagi projek PPR di seluruh negara bagi memenuhi keperluan dan juga permintaan rakyat yang berpendapatan rendah iaitu yang berpendapatan RM2,500 dan selain daripada juga untuk memberikan penempatan baru kepada setinggan-setinggan.

Senarai-senarai projek yang dicadangkan Tuan Yang di-Pertua telah pun dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan cadangan untuk membina sebanyak 500 lagi tambahan unit PPR di Bintulu telah pun dimasukkan dalam senarai keutamaan yang akan dilaksanakan Yang Berhormat.

#### ■1040

Selain daripada itu, kementerian juga mencadangkan tambahan lagi ke atas janji kementerian kepada Yang Berhormat pada suatu waktu dahulu di kawasan Yang Berhormat untuk selesaikan masalah setinggan dan kita akan dimasukkan dalam *rolling plan* bagi Rancangan Malaysia Kesebelas. Walau bagaimanapun Yang Berhormat, projek-projek ini tertakluk kepada persetujuan kerajaan negeri dan juga kelulusan dan peruntukan daripada agensi pusat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang diberi. Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Tenggara dia cukup ambil perhatian dan turun padang. Saya harap-harap Menteri juga. Adakah Menteri belajar juga, Timbalan Menteri turun padang lihat betul-betul mana masalah. Akan tetapi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini Yang Berhormat Bintulu banyak baiklah ini pagi. *[Ketawa]*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ini hari belum makan lagi. Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya harap ini jawapan-jawapan yang jangan syok sendiri. Mesti mahu dilaksanakan. Saya di sini pun mengucapkan terima kasih juga. Dia turun padang, banyak dia lihat, banyak dia sudah lulus.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Soalan tidak ada, terima kasih. Sila duduk. *[Dewan riuh]*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Memang ada soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila, sila.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tuan Yang di-Pertua, jangan pun kongkalikung. Ini rakyat punya masalah fasal kita kena mahu kasi ingat dahulu. Jangan jawab kita jawab syok sendiri, nanti projek tidak dilaksanakan. Mesti projek mahu dilaksanakan. Contoh macam Yang Berhormat Timbalan Menteri cakap masuk, sekarang

EPU punya Menteri sudah sampai, nanti runding kita dua orang. Runding sama itu Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Itu PPR ini memang terima kasihlah dan...

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ini Yang Berhormat Kota Melaka pun kongkalikung punya. Cakap kosong punya. Terima kasih atas perhatian kerajaan dalam menyediakan projek-projek PPR. Sesungguhnya satu usaha untuk memastikan keperluan dan kebajikan keluarga yang berpendapatan rendah terus diberi perhatian. Contoh macam tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata ini dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, dia mahu hantar ini cadangan kepada EPU untuk melaksanakan lagi 500 unit lagi di kawasan Bintulu dan juga kelulusan daripada Kerajaan Negeri Sarawak.

Saya berharap jangan semua ini syok sendiri. Yang Berhormat Menteri EPU ada sini, minta nanti dua-dua pihak runding *through*. Ini fasal setinggan, masalahnya Tuan Yang di-Pertua jangan kita ini jangan kita kongkalikung, sebab setinggan ini susah. Kalau masuk air, masuk *electricity*, rakyat rasa kita bagi sokongan penuh bagi dia orang buat setinggan. Kalau kita tidak masuk air, tidak masuk *electricity* pun pening juga. Dia marah sama kita sebab kita tidak jaga kepentingan rakyat. Kalau nanti jadi penyakit di kawasan itu, kita juga kena marah. Pembangkang kongkalikung penyakit keluar, dia lari dahulu.

Ini macam Yang Berhormat Kota Melaka lalang mesti lari dahulu. Dia takut mati dahulu. Ini Yang Berhormat Timbalan Menteri faham sudah. Ini *rolling plan* masuk lagi 500 unit mula bila, bila? Soalan kedua, selain daripada menyediakan kemudahan perumahan, apakah kemudahan-kemudahan lain yang disediakan oleh kementerian di setiap PPR. Yang Berhormat Menteri EPU pun tolonglah. Jangan tidak ada wang. Sekian, terima kasih. Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab. Elok-elok tau, jangan kongkalikung.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Yang Berhormat, kerajaan komited dan bertanggungjawab dan kementerian pun komited dan bertanggungjawab kerana ini soal kesejahteraan rakyat bukan syok sendiri dan tidak ada kongkalikung kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bintulu atas rasa hati dan keyakinan dalam pada memberikan peringatan kepada kementerian.

Untuk maklumat Yang Berhormat, 500 lagi kita sudah berikan keutamaan masuk dalam *rolling plan* pertama Rancangan Malaysia Kesebelas. Yang Berhormat Bintulu dan yang lain itu akan masuk dalam *rolling plan* yang seterusnya, itu yang pertama. Kedua Tuan Yang di-Pertua, kementerian bukan sahaja bertanggungjawab untuk membina PPR bagi mereka yang berpendapatan RM2,500 ke bawah dan juga bagi menempatkan setinggan-setinggan tetapi kementerian memastikan Tuan Yang di-Pertua, PPR yang dibina ini adalah PPR yang berkualiti.

Sejak tahun 2006 Yang Berhormat Bintulu, perumahan PPR dilaksanakan dengan segala kemudahan dan dengan ciri-ciri asas perumahan PPR dengan keluasan tidak kurang daripada 700 kaki persegi, tiga bilik tidur, satu ruang tamu, satu dapur dengan dua bilik air dan dengan kemudahan-kemudahan asas lain Tuan Yang di-Pertua, seperti tempat letak kereta, dewan serba guna, taska, surau, gerai, taman permainan, kawasan rekreasi serta kawasan yang mengikut kepada piawaian perancangan pembangunan yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, segala yang dinyatakan ini dia mengikut piawaian perancangan dan juga undang-undang pembangunan yang berkaitan dan Yang Berhormat Bintulu dia juga memenuhi aspek keselamatan, kesihatan, sesuai didiami dan tempat tinggal yang terlindung dan terjamin. Saya ingin memberikan kepastian kepada Yang Berhormat Bintulu jangan bimbang Yang Berhormat, kerana kalau kementerian tidak dapat melaksanakan janji kepada Yang Berhormat inilah dia ruang untuk Yang Berhormat utarakan segala persoalan untuk membangkitkan soal ketelusan dan juga janji yang akan dilaksanakan oleh kementerian. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bintulu.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya sebenarnya adalah mengenai pembiayaan perumahan PPR ini. Memandangkan mereka ini mempunyai pendapatan RM2,500 ke bawah dan mungkin ada

yang tidak bekerja, makan gaji dan bekerja sendiri, untuk rumah PPR seperti ini Yang Berhormat Timbalan Menteri bagaimanakah pembiayaan rumah itu. Apakah rumah ini dijual pada mereka atau sewa beli ataupun apakah kemudahan yang diberikan kepada kumpulan ini. Terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat daripada Kota Raja. Yang Berhormat, untuk maklumat Yang Berhormat, semua projek PPR yang dibina oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar dan Kerajaan Tempatan adalah untuk disewa dan bukan untuk dijual. Untuk disewa dan kita harap mudah-mudahan apabila mereka berupaya duduk dalam PPR dengan dikenakan sewaan hanya sekadar RM124 sebulan sahaja.

Dalam pada itu mereka mungkin boleh buat rancangan masa depan untuk beralih pula kepada perumahan-perumahan yang lebih selesa bagi keluarga mereka kerana saya sudah sebut tadi perumahan PPR ini keluasannya tidak kurang daripada 700 kaki persegi. Semua perumahan PPR yang ada, yang sedang dibina, yang akan dilaksanakan seterusnya adalah merupakan PPR disewa. Terima kasih, Yang Berhormat.

**4. Tuan Er Tech Hwa [Bakri]** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah pelajar yang menerima biasiswa pengajian luar negara mengikut bidang kepakaran, jumlah yang tidak pulang selepas menamatkan pengajian, jumlah ganti rugi yang telah dibayar oleh penerima biasiswa mengikut pecahan bidang kepakaran setiap tahun dari 2010 hingga kini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat dari tahun 2010 hingga 2014 seramai 4,360 orang pelajar lepasan SPM telah ditawarkan Biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam bagi mengikuti pengajian di universiti luar negara. Mereka mengikut pelbagai bidang pengajian iaitu:

- (i) bidang klinikal iaitu seperti perubatan, pergigian, dan farmasi;
- (ii) bidang keutamaan seperti sains dan teknologi, kejuruteraan dan seni bina; dan
- (iii) bidang lain seperti sains sosial dan juga sastera iktisas.

#### ■1050

Bagi penajaan dari tahun 2010 hingga tahun 2014, tiada pemegang biasiswa JPA yang dikenakan tuntutan ganti rugi kerana melanggar kontrak perjanjian. Terima kasih.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Terima kasih Menteri dan Dewan kerana memberi Bakri tanya soalan tambahan. Di sini saya hendak tanya Menteri, adakah kerajaan ada memberikan kaunseling kepada mereka yang terlibat supaya dapat kembali ke negara atau menyenaraihitamkan mereka? Apakah tindakan kerajaan untuk menyelesaikan perhitungan yang berpunca daripada isu ini? Minta penjelasan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat tanya saya dari tahun 2010 sehingga tahun 2014. Sekarang ini mereka belum habis belajar lagi. Jadi tahun ini dijangka sebahagiannya habis belajar dan masa itulah kita akan dapat maklumat sama ada mereka ingin kembali ataupun bekerja di tempat mereka belajar. Jadi, sekarang ini kita belum tahu lagi. Akan tetapi sekiranya mereka tidak kembali maka tindakan untuk mendapatkan balik biasiswa ini akan dibuat kepada pemegang biasiswa yang berkenaan termasuk juga penjamin-penjamin.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua. Tahniahlah Yang Berhormat Menteri walaupun demam, selesema 'sok sek, sok sek' datang juga untuk menjawab soalan kami. [Ketawa] Jadi soalan tambahan saya adalah apabila pelajar-pelajar ini balik nanti, adakah kerajaan bercadang untuk melaksanakan satu sistem atau satu mekanisme baru dalam usaha untuk membantu mereka ini mendapatkan pekerjaan mereka di tanah air? Ini kerana kita kluatir apabila kita hantar mereka ke luar negara dan kemudian apabila mereka balik tidak dapat apa-apa pekerjaan ataupun laluan untuk mendapatkan pekerjaan, kita kluatir mereka akan

menyalahkan kerajaan semula. Diminta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab soalan tambahan saya. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya, saya akan menjawab dan saya tunggu Yang Berhormat kongkalikung tanya soalan. Okey, Yang Berhormat kedudukannya macam ini. Kita hantar ini ke luar negara, kalau Yang Berhormat tengok dari segi angka yang kita hantar ini ialah yang pertama saya sebut bidang kritikal. Jadi kalau bidang kritikal seperti perubatan, pergigian dan farmasi. Kalau yang ini saya ingat Yang Berhormat tentu berkata bahawa mereka ini akan dapat pekerjaan.

Kemudiannya, bidang keutamaan seperti sains dan teknologi, kejuruteraan dan seni bina. Kita hantar mereka ke luar negara ini jumlahnya agak rendah dan saya tidak mahu semua berjanji ya, sudah pasti ia tidak akan mendatangkan masalah daripada segi pekerjaan. Ini yang dapat biasiswa Yang Berhormat, bukan yang pergi sendiri dan sebagainya.

Sebagai contoh Yang Berhormat, Program Ijazah Luar Negara bagi tahun 2014. Jadi, mereka yang dapat biasiswa tidak ramai. Ini daripada pelbagai bidang. Oleh sebab itu saya ingat kalau sekiranya mereka kembali nanti mereka tidak menghadapi banyak masalah dari segi peluang pekerjaan. Saya cuba hendak mendapatkan angka kepada Yang Berhormat bagi mereka yang dapat biasiswa.

Contohnya pada tahun 2014, untuk bidang-bidang ini kita cuma hantar untuk Biasiswa Nasional 210 orang. Kemudian program khas untuk Jerman, Perancis, Jepun dan Korea seramai 900 orang. Kemudian bagi ijazah yang lain, sebanyak 3,250 orang. Ini ialah tajaan daripada JPA yang saya cakap khusus ini ialah Biasiswa Nasional yang bahagian kritikal itu kita tidak ada masalah. Bidang-bidang lain saya tidak dapat maklumat sebab program ini bermula pada tahun 2010 Yang Berhormat. Sekarang 2014, mereka mula memegang ijazah, bagi yang belajar empat tahun, tahun ini mereka mula bekerja. Akan tetapi bagi yang belajar bahagian kritikal, mereka kena tunggu lagi dua tahun, maaf. Kalau dua *plus* lima, tujuh tahun. Jadi mereka masih ada masa lagi untuk berada di luar negara.

Akan tetapi yang lain itu, sebahagiannya akan kembali pada tahun 2014 dan dalam pada itu kita tengok sejauh mana permintaan dan *supply* itu bersamaan ataupun tidak. Sekarang ini kita tidak dapat mengatakan kepada Yang Berhormat bahawa mereka yang balik itu semua akan dapat pekerjaan tetapi berdasarkan kepada jumlah yang kita hantar itu dengan peluang pekerjaan yang ada saya ingat kita tidak ada masalah. Adakah saya menjawab? *[Disampuk]* Kalau itu, terima kasih.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya ingin mengalu-alukan kehadiran rombongan delegasi guru-guru dan juga murid sekolah yang sedang mengikuti persidangan Dewan kita ini terutamanya murid sekolah dari Sekolah Menengah Kebangsaan Methodist (ACS) Negeri Sembilan. *[Tepuk]*

**5. Datuk Wira Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) tahap dan suasana pelaksanaan GST; dan
- (b) sebab-sebab pegawai penguat kuasa dan bekalan mesin tidak mencukupi serta usaha-usaha untuk mendepani semua kelemahan yang ada itu.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jasin. Pelaksanaan GST mulai 1 April 2015 telah berjalan selaras dengan peruntukan undang-undang yang ditetapkan setelah diumumkan dalam Bajet 2014 pada 25 Oktober 2013 iaitu 17 bulan sebelum tarikh pelaksanaan.

Bilangan terkini syarikat dan entiti yang berdaftar sehingga 10 Jun 2015 adalah 380,313 melebihi daripada jangkakan asal 240,000 untuk pendaftaran. Tahap persediaan di kalangan syarikat besar adalah lebih tinggi dan bersedia lebih awal untuk menghadapi

pelaksanaan GST berbanding syarikat-syarikat kecil dan sederhana. Kerajaan sedar tentang situasi ini dan telah melipatgandakan usaha untuk memberi kefahaman tentang pelaksanaan GST pada golongan sasaran melalui Program Penerangan GST dan Program *Hand Holding* dijalankan mengikut sektor-sektor industri secara lebih mendalam.

Sehingga 30 Mei 2015, sebanyak 500 Program *Hand Holding* telah diadakan dengan penyertaan lebih daripada 59,000 orang daripada pelbagai sektor perniagaan. Bagi tempoh bulan-bulan akan datang, Jabatan Kastam akan menganjurkan 250 Program *Hand Holding* lagi untuk memenuhi keperluan entiti perniagaan. Selain itu Jabatan Kastam juga telah menubuhkan *GST Help Desk* di setiap negeri bagi membantu dan membimbing peniaga dalam menguruskan sistem GST.

Jabatan Kastam telah membuat panduan yang menyeluruh di Portal GST [www.customs.gov.my](http://www.customs.gov.my) bagi memudahkan peniaga membuat tuntutan atau pembayaran GST. Di samping itu, akan mengadakan 42 sesi bersama pelanggan di pejabat kastam di seluruh negara mulai 8 Jun hingga 3 Julai bagi membantu para peniaga yang masih ada masalah dalam pelaksanaan GST.

Kerajaan juga telah melaksanakan pelbagai langkah untuk memastikan supaya rakyat akan terus dapat memahami tujuan dan matlamat pelaksanaan GST melalui media cetak, media elektronik, media sosial dan siri jelajah penerangan yang akan diteruskan. Sistem pengkomputeran MyGST telah diuji dan dalam tempoh setahun, dalam proses pendaftaran awal telah dilaksanakan enam bulan sebelum tarikh pelaksanaan GST. Ini bagi memastikan tiada masalah yang timbul.

Selain itu bagi melancarkan pelaksanaan GST, pengambilan pegawai baru seramai 805 orang telah dibuat dan penempatan semula pegawai seramai 1,443 mengikut keperluan GST dan 557 orang untuk audit GST. Seramai 3,000 orang pegawai Kastam membuat penyamaran menjadi *mystery shoppers* ataupun peniaga misteri untuk memantau pematuhan pelaksanaan GST. Di pihak peniaga pula didapati permintaan bagi sistem *point of sales* (POS) yang patuh GST meningkat secara mendadak. Beberapa langkah telah diambil bagi pihak Jabatan Kastam untuk mengatasi isu ini antaranya adalah menghubungi pembekal-pembekal mesin dan memohon kerjasama mereka agar dapat menambah stok mereka dengan kadar segera. Kedua, memberi kelonggaran kepada para peniaga sehingga 30 September 2015 dengan membenarkan mereka untuk mengeluarkan invoice secara manual dengan syarat nombor GST dicetak di *invoice* berkenaan.

#### ■1100

Ketiga, seramai 113 vendor yang diiktiraf, diluluskan oleh kastam untuk menjual *software* GST dan angka ini boleh ditambah. Kerajaan memberikan RM150 juta subsidi untuk pembelian perisian SME PKS dengan jumlah RM1,000 setiap satu perisian, terima kasih.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan jawapan yang cukup baik sekali. GST adalah satu sistem percukaian yang cukup efisien dan kita sangat menyokong baik. Dalam masa yang sama, kerajaan telah meluluskan pertambahan perjawatan sebanyak 1,600 orang kepada kedua-dua jabatan pelaksana kastam dan KPDNKK. Akan tetapi setakat ini apa yang kita lihat, keresahan yang cukup ketara daripada pengguna-pengguna akibat daripada peniaga-peniaga yang menaikkan harga barang-barang yang cukup ketara sekali.

Selain daripada tidak mengeluarkan elemen SST sedia ada dan mereka meletakkan pula sistem GST untuk menambahkan bebanan kepada pengguna-pengguna. Pertambahan perjawatan ini adalah untuk menampung seperti yang Yang Berhormat Menteri sebut tadi sebanyak 383,000 syarikat yang telah berdaftar.

Seterusnya, kita dapat lihat pada ketika ini kerajaan juga telah memberikan peruntukan sebanyak RM150 juta untuk pembelian *accounting software* bagi pelaksanaan GST ini. Dalam masa yang sama, ada juga keperluan daripada Jabatan Kastam untuk menetapkan peniaga-peniaga mestilah menyediakan *cash register*. Jadi sebelum ini saya hendak tanya sama ada wang peruntukan RM150 juta telah habis digunakan dan untuk pembelian *cash register* juga boleh dibenarkan. Apa yang kita dapat lihat, ada lagi 38,000 buah syarikat yang didapati masih lagi tidak membayar cukai selama ini.



Dalam masa yang sama, kita dapati sebanyak 12,000 buah syarikat yang masih tidak menghantar pungutan-pungutan GST yang telah dibuat selama ini. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, setakat bulan April dan bulan Mei, berapakah jumlah pungutan yang telah kita buat dan apakah unjuran untuk sepanjang tahun 2015 kerana kita mahu kalau boleh janji daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mesti ditunaikan. Apa juga pungutan yang telah dibuat daripada GST akan dipulangkan semula untuk kebajikan rakyat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Panjang soalan. Mula-mula tentang kutipan, Tuan Yang di-Pertua. Kutipan GST untuk import setakat semalam ialah RM3,368,937,115.15. Kemudian GST *nett* tempatan RM2,947,984,759.23. Seterusnya mengenai apa yang telah berlaku iaitu kenaikan harga barang dan tidak pematuhan oleh pihak peniaga. Kita telah dimaklumkan oleh KPDNKK, 1 April sehingga 9 Jun 2015 sebanyak 447,236 buah premis perniagaan telah diperiksa dan jumlah keseluruhan kes yang diambil daripada itu ialah 1,282 kes dan kes-kes ini sedang dan akan dibawa ke mahkamah. Itu daripada KPDNKK.

Kemudian dari segi kastam, 207 kertas siasatan dibuka. Antaranya ialah kerana pihak yang berkaitan tidak mengenakan GST. Apa yang mereka buat kerana mereka masih lagi cuba hendak lari daripada cukai. Mereka kata jika bayar GST akan dapat resit, harga lebih tinggi jika tidak bayar GST, tidak dapat resit, harga lebih murah. Jadi kita dengan *mystery shoppers* kita ini tanpa pakaian kastam, telah dapat memastikan banyak kes yang kita dapati penipuan-penipuan seumpama ini.

Agaknya mereka ini lahir sahaja memang sudah menipu sahaja kerjanya. Oleh itu kita akan mengambil tindakan tegas kepada pihak mereka ini dan saya juga difahamkan oleh pihak KPDNKK, bahawa 619 orang penghulu dan penggawa dan pejabat penghulu akan dijadikan sebagai pusat aduan untuk penguatkuasaan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan. Begitu juga anggota RELA yang ratusan ribu jumlahnya di seluruh negara akan diminta untuk memantau dan menyalurkan aduan ke pejabat-pejabat KPDNKK. Daripada RM150 juta subsidi untuk dibeli *software* GST itu, RM90 juta telah dibelanjakan dan bakinya kita akan dapat tuntutan-tuntutan daripada semasa ke semasa tetapi ia tidak digunakan untuk membeli POS, *point of sales*. Terima kasih.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya Timbalan Menteri, sampai bilakah resit GST tulisan tangan atau resit manual boleh digunakan dan selepas itu apakah cara untuk mengurus niaga apabila bekalan elektrik tergendala terutama di Sarawak, bekalan elektrik selalu tergendala. Di *supermarket* yang biasa mempunyai banyak butiran yang perlu diisi apabila pelanggan membeli banyak barangan. Jadi saya ingin minta penjelasan, terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Yang Berhormat Lanang, saya kira tidaklah selalu sangat Sarawak putus elektrik. Isteri saya orang Sarawak, saya pun selalu pergi Sarawak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya dengar isteri-isteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Isteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Itu yang saya terkejut. Betulkan balik isteri ya.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Isteri seorang, kalau Tuan Yang di-Pertua lainlah. Sebagaimana saya sudah maklumkan tadi bahawa *invois* secara manual boleh sehingga 30 September 2015, dengan syarat nombor GST itu mesti dicetak di atas *invois* manual itu. Sebab daripada nombor yang berkaitan itu maka kita boleh mengetahui apakah benar atau tidak nombor itu tepat atau tidak melalui *gst.customs.gov.my*. Masalah kita sekarang ini sebagaimana yang telah kita sebut ialah peniaga memasukkan SST. Dikekalkan SST itu dalam GST dan dicampur dengan GST. SST 10% campur 6% jadi 16%.

Walhal sepatutnya buang 10 tambah enam maka turun 4%. Akan tetapi perkara itu tidak banyak berlaku kecuali pengeluar kereta dan cara yang mudah kita memahami SST ini 5% ialah bekalan makanan diproses SST lama, jadi buang 5 masuk 6. Kemudian 10% ini ialah barang-barang yang tidak boleh dimakan Tuan Yang di-Pertua iaitu pakaian, alatan di rumah, perabot di rumah, pinggan mangkuk, sudu garpu, tuala wanita, *pampers*

bayi, alatan sekolah, kemudian pakaian bayi, pakaian kita daripada A-Z. Cat rumah, bumbung rumah, *tiles* rumah, kayu rumah, tayar kereta, alat ganti kereta, *soft drinks*. Itu semua sekali, dahulu 10% sekarang 6%.

Jadi segala barang-barang itu mesti diturunkan. Petang ini, saya akan pergi ke satu *home depot* yang menurunkan 500 jenis barangan peralatan rumah dalam kedainya. Saya pergi melawat untuk melihat kenapa syarikat itu boleh buat demikian. Puncanya mudah, dahulu peralatan rumah ini 10% SST. SST sudah tidak ada lagi, sudah diganti dengan GST 6%, maka peralatan dalam rumah itu turunlah semua harganya. Termasuklah karpet rumah, katil dalam rumah dan segala-galanya dalam rumah. Segala-galanya itu turun sepatutnya.

Akan tetapi perkara-perkara ini tidak berlaku, inilah kita akan tangkap mereka dan kita disiplinkan mereka dan semalam keputusan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kos Sara Hidup yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, kita akan *highlight* mereka yang kena tangkap ini dalam surat khabar dan segala media massa supaya menjadi pengajaran kepada peniaga yang lain. Terima kasih.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Belum jawab soalan saya.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Sehingga 30 September boleh guna manual.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Cara untuk mengurus niaga selepas 30 September kalau tiada *electricity*.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Tiada elektrik ini hanya sekali sekala sahaja.

■1110

**6. Tuan Haji Wan Hasan bin Mohd. Ramli [Dungun]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan langkah yang diambil terhadap penyalahgunaan dadah dan jumlah perbelanjaan yang telah dikeluarkan bagi menangani musuh negara sepanjang tahun 2014.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, dua agensi utama yang melaksanakan penguatkuasaan dan pencegahan masalah dadah. Kementerian Dalam Negeri melalui Agensi Antidadah Kebangsaan umpamanya, telah mengambil beberapa langkah terhadap penyalahgunaan dadah dan melaksanakan tiga pendekatan. Pendekatan pencegahan, pendekatan rawatan, perubatan dan pemulihan serta pendekatan pengesanan dan pengawasan dalam usaha untuk membanteraskan penagih dadah sehingga ke akar umbi. Di bawah program pencegahan, beberapa usaha telah dilaksanakan dengan mengadakan program yang memberi kesedaran, pengetahuan dan kemahiran kepada masyarakat dengan memberi fokus kepada keluarga, institusi pendidikan, tempat kerja dan komuniti.

Gelombang kesukarelawan juga digerakkan dalam masyarakat bagi memastikan seluruh masyarakat sedar dan bertindak untuk membanteraskan penyalahgunaan dadah. Dalam pendekatan rawatan perubatan dan pemulihan, kerajaan telah memperkenalkan dua program iaitu program rawatan dalam pemulihan dan dalam institusi melalui pemulihan dalam pusat pemulihan dadah di Klinik *Cure and Care 1Malaysia* dan *Cure and Care Rehabilitation Centre (CCRC)*. Serta program rawatan dan pemulihan dalam komuniti melalui *Cure and Care Centre* dan *Caring Community House*.

Pendekatan seterusnya adalah pengesanan dan pengawasan, di mana penagih dadah dan yang enggan menjalani rawatan dan pemulihan secara sukarela di Agensi Antidadah Kebangsaan akan dikesan melalui operasi aduan awam. Selain itu, pemantauan ke atas orang-orang kena pengawasan (OKP) yang menjalani rawatan dan pemulihan dalam komuniti dilaksanakan selama dua hingga tiga tahun. Pengesanan ke atas OKP yang melanggar syarat pengawasan juga diadakan melalui prosedur siasatan dan pendakwaan.

Manakala, Polis Diraja Malaysia sebagai agensi penguat kuasa utama terus memberi fokus utama ke arah membanteras bekalan dan permintaan dadah dalam negara. Sehubungan dengan itu, PDRM telah mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan melalui strategi seperti berikut:

- (i) memperluaskan lagi jaringan kerjasama di peringkat antarabangsa dan berkongsi maklumat risikan dan kemahiran serta perjalanan operasi serantau dan antarabangsa;
- (ii) menubuhkan Special Tactical Intelligence Narcotics Group (STING) untuk membanteras *drug king* serta sindiket pengedaran dadah berskala besar;
- (iii) memperkasakan penguatkuasaan sempadan dengan memperketatkan lagi pemantauan di pintu-pintu masuk utama negara;
- (iv) mempertingkatkan kerjasama dengan agensi penguatkuasaan tempatan dan berkongsi maklumat risikan peralatan dan menjalankan operasi bersepadu;
- (v) mempertingkatkan operasi ke atas kawalan pemesanan bahan kimia bagi aktiviti haram memproses dadah serta kerjasama dengan syarikat utama dalam industri berkaitan.

Bagi penguatkuasaan dan pelaksanaan pencegahan yang lebih menyeluruh Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 juga merupakan satu akta yang membolehkan tahanan pencegahan orang-orang yang ada kaitan dengan apa-apa aktiviti berhubung dengan pengedaran dadah berbahaya. Pendekatan-pendekatan ini menjadi langkah-langkah kementerian dalam memastikan permasalahan penagih dadah dapat dibanteras.

Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan AADK 2014 untuk program-program pengurusan, pembangunan, NKRA dan program khusus yang berkaitan dengan pencegahan rawatan pemulihan dan penguatkuasaan penyalahgunaan dadah adalah sebanyak RM312,266,929.97. Sebagaimana pecahan yang saya sebutkan tadi mengikut pecahan-pecahan perbelanjaan mengurus sebanyak RM295,208,210, perbelanjaan pembangunan sebanyak RM11,204,143 dan perbelanjaan khusus NKRA sebanyak RM1.7,012,234.10 dan program khusus sebanyak RM4,142,032.49. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]:** Terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri berkaitan dengan soal dadah yang telah dikemukakan. Persoalan yang kita lihat hari ini adalah pemulihan terhadap penagih-penagih dadah tegar ini agak sulit. Ini kerana walaupun keluar dari pusat-pusat serenti (PUSPEN), mereka masih dalam keadaan tidak dapat dipulihkan sepenuhnya. Ditambah pula dengan penagih-penagih baru, menyebabkan mungkin kos perbelanjaan kerajaan pada saban tahun akan meningkat. Akan tetapi yang sangat membimbangkan saya ialah terhadap aliran penagih-penagih baru sekarang ini bukan sahaja di bandar tetapi di luar bandar. Melibatkan juga rancangan-rancangan tanah dan juga sekolah-sekolah.

Jadi, apakah tindakan yang diambil, sedang diambil dan akan diambil untuk memastikan pencegahan terhadap kawasan-kawasan tersebut sebagai kawasan panas. Ini akan boleh dilakukan untuk memastikan bahawa tidak berlakunya penambahan kepada penagih-penagih baru seperti yang telah disebut oleh Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan. Ada 178 kawasan panas di bandar, luar bandar, rancangan tanah dan juga sekolah-sekolah disebutkan. Mohon penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat atas soalan. Memang saya amat memahami masalah yang kita hadapi. Pertama, masalah bukan lagi masalah di bandar, bahkan masalah dadah sekarang telah menjadi masalah di luar bandar dan tempat-tempat berkelompok FELDA, kawasan FELDA dan sebagainya, di kampung-kampung, di rumah panjang, khususnya di negeri Sarawak dan juga di Sabah. Jadi, dalam keadaan sedemikian, pihak AADK dan pihak PDRM mengetahui perkara ini dan kita memberikan tumpuan yang khusus untuk menangani masalah penglibatan anak-anak muda kita, khususnya yang di luar bandar dan FELDA.

Untuk menangani masalah ini, kita juga bukan bertindak keseorangan tetapi bersama dengan pihak-pihak tertentu. Semua agensi kerajaan, umpamanya Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan dan sebagainya. Untuk di sekolah-sekolah, kita telah menubuh dalam AADK dan PDRM, telah menubuhkan badan sendiri untuk pergi ke

sekolah-sekolah untuk memberi kesedaran. Akan tetapi apa yang tinggal pada masa sekarang Tuan Yang di-Pertua sebenarnya ialah daripada segi kos dan pengendalian itu sendiri.

Saya telah dilantik menjadi Pengerusi di bawah Majlis Sosial Negara untuk menangani masalah dadah ini dan mempengerusi satu jawatankuasa untuk melihat keperluan yang diperlukan mana-mana agensi untuk membantu kita menangani masalah dadah. Khususnya untuk kesedaran dan memberi pengetahuan kepada umum, masyarakat keseluruhannya dan pihak-pihak belia. Bukan sahaja belia di bangku sekolah dan di universiti tetapi juga belia-belua yang lain di kementerian dan sebagainya.

Jadi, jawatankuasa ini masih bersidang dan kita masih membuat laporan. *Insyallah* apabila Majlis Sosial Negara diadakan persidangan nanti kita akan buat laporan yang menyeluruh untuk memberi bantuan-bantuan tertentu, khususnya untuk gembelng kan guna tenaga sukarelawan yang ada di luar sana, yang boleh membantu kita. Hanya yang kurang daripadanya adalah daripada sumber kewangan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti tersebut. Semua ini telah dikaji kita bersama dalam satu jawatankuasa yang dihadiri oleh semua pihak dan kementerian-kementerian diwakili dalam jawatankuasa ini.

*Insyallah* Tuan Yang di-Pertua, kita akan melihat semua bukan *hot spot* sahaja tetapi *soft spot* pun kita akan lihat bersama untuk menangani masalah dadah ini sebagai satu musuh negara yang nombor satu sekarang ini. Terima kasih.

#### ■1120

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Malaysia telah melalui enam dekad menangani isu dadah atau pun gejala dadah ini berasaskan enam undang-undang. Undang-undang seperti *Dangerous Drug Act 1952* dan *Poison Act 1952* yang telah lebih daripada 60 tahun, telah juga dipinda beberapa kali untuk menangani cabaran-cabaran baru yang dilihat, kerana isu dadah ini bertambah berani dan bertambah ganas.

Mohon izin Tuan Yang di-Pertua, dalam *the 12th Meeting of the AIPA Fact Finding Committee (AIFOCOM) to Combat The Drug Menace* yang telah saya dan beberapa orang Ahli Parlimen dari sebelah sini dan sebelah sana hadiri yang berlangsung di Kuala Lumpur dari 8 hingga 10 Jun baru-baru ini, satu laporan UNODC mengatakan bahawa, di Asia umpamanya, kes-kes yang melibatkan *trafficking, production and consumption* telah meningkat begitu ketara sekali terutamanya melibatkan *methamphetamine*, ATS-ATS yang lain ataupun MPS yang meningkat seolah-olah mereka tidak takut pada undang-undang yang ada.

Begitu juga keadaan di negara kita, dan laporan di negara kita menunjukkan kes-kes meningkat terutamanya *methamphetamine*, penggunaan dadah dan juga ada makmal-makmal haram yang membuat dadah ini. Dan sekarang ini yang terakhir ialah masalah ketum yang juga meningkat.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah kerajaan akan mula melihat polisi-polisi dadah yang telah berjaya? Atau pun *evidence base* seperti polisi dadah di Swiss dan Portugal, yang telah dua dekad, yang telah menempa kejayaan yang melihat isu-isu dadah ini sebagai isu kesihatan dan sosial.

Di negara-negara ini, pengguna-pengguna dadah yang tidak melakukan *violent crime* tidak dipenjarakan malah mereka dibantu melalui program-program yang kita katakan komprehensif yang menitikberatkan pencegahan, rawatan, *harm reduction*- pengurangan kemudatan, dan juga undang-undang yang berat kepada *traffickers* dengan izin, dan juga menyelesaikan masalah sosial, ekonomi dan kerja.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga program ini melibatkan polis, pakar perubatan, *psychologist, psychiatrist*, pekerja sosial, NGO's di bawah satu bumbung, walaupun di penjara-penjara. Apakah Malaysia bersedia melihat polisi-polisi yang *proven success* demi masa depan dan juga keselamatan negara? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya tertarik kerana lama juga tak dengar laporan daripada AIFOCOM itu. Saya pernah terlibat dengan AIFOCOM beberapa tahun semasa saya di Parlimen, dan menghadiri Persidangan AIFOCOM ini di Bali dan juga di Jawa Tengah, Yogyakarta dan di

Jakarta. Dan saya mengetahui pada ketika itu 15 tahun yang dahulu Tuan Yang di-Pertua, di Indonesia dan juga di Brunei, khususnya dalam kawasan kita ini, belum lagi menghadapi masalah dadah sebenarnya. Masalah dadah hanya didengar, kita berlaku di Malaysia, di Thailand, itu sahaja. Akan tetapi sekarang ini, dadah ini telah memasuki semua keseluruhan negara di seluruh *South East Asia* ataupun Timur Jauh bahkan di seluruh dunia.

Dasar dadah dunia juga telah berubah. Saya menghadiri satu konvensyen di Vienna yang mana pengeluaran dadah di *Emerald Triangle* iaitu di *South America* masih berterusan dan dadah bukan dilihat sebagai satu masalah tetapi sebuah industri yang mengeluarkan sumber kewangan yang besar. Begitu juga di *Golden Crescent* iaitu di Iran, Afghanistan dan *Northern Pakistan*, iaitu *Golden Crescent* mengeluarkan dadah ini sebagai satu alternatif kepada mengangkat senjata untuk berperang. Jadi pilihannya mudah sahaja, jual dadah ini lebih mudah, dan dadah ini mudah ditanam dan sebagainya.

*Golden Triangle*- kita juga menasihati supaya negara tersebut yang terlibat dengan penanaman dadah ini, popi dan sebagainya supaya *switch* kepada industri-industri penanaman lain umpamanya macam Malaysia kita tanamkan *palm oil* tetapi mereka masih, *cash crop* ini masih ditanam dengan tiga bulan, empat bulan sudah boleh *harvest*.

Jadi dalam keadaan sedemikian, ia tidak bertukar, industri tidak bertukar dan akhirnya dengan pengeluaran dadah-dadah secara sintetik di Afrika daripada Benua China dan juga dari Filipina yang mengalir ke dalam negara, di kawasan ini ia menjadi begitu apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat sebagai lebih ganas daripada apa yang kita lihat pada tahun 70-an, 80-an dan 90-an. Di negara membangun umpamanya, di *Europe*, dia punya dasar berlainan, sudah banyak *to legitimize* dadah. Jadi itu dia dibahagi secara jelas bahawa dihukum sahaja, hanya mereka yang berdagang dadah secara besar-besaran, dan melawan mereka yang telah terlibat sebagai pengedar dadah.

Kita juga menghala ke arah itu sebenarnya Yang Berhormat, dan undang-undang kita perlu dipinda keseluruhannya. Kita sedang mengkaji untuk meminda semua undang-undang kita supaya dibahagikan dua iaitu untuk menghukumkan mereka- *drug traffickers* dan *kingpin, drug baron* ini kita hukumkan, mengikut undang-undang yang ada, dan kita rawat dan baik pulihkan mereka yang terlibat dengan penggunaan dadah yang telah terjerumus dengan dadah ini.

Jadi hala tuju kita sama Yang Berhormat. Kita melihat juga model-model sebagaimana Yang Berhormat sebut tetapi dalam *environment* di Portugal dan *Spain* itu, nampak berjaya di sana oleh sebab dasar dan perundangan mereka berlainan daripada kita kerana *legitimacy of* dadah itu dibenarkan diguna, jadi maka berkurangan sedikit penglibatan untuk yang kecil-kecilan Yang Berhormat.

Jadi itu, kita juga akan menghala ke arah itu tetapi mungkin sedikit demi sedikit. Kalau dilihat di *South East Asia* ataupun di Asian, kita telah melihat bahkan ada negara-negara sebagai Amerika dan Indonesia telah memikirkan sama ada kita hendak *legitimize* bahawa berapa banyak jenis dadah yang dibolehkan, jenis dadah yang tidak dibolehkan.

Akan tetapi kita, dengan Singapura masih bertegas supaya hukuman berat itu masih dilaksanakan. Akan tetapi dengan bantuan Ahli-ahli Yang Berhormat yang memahami persoalan ini, kepada masyarakat yang umum. *Insyah-Allah* persoalan *psychiatrist*, psikologi ini dalam rancangan kita. Cadangan saya dalam jawatankuasa itu, kita hendak buat di *Northern State* iaitu di Johor dan di Melaka, dan di *central region* di Kuala Lumpur dan sebagainya dan juga di *Northern Region* kita adakan psikiatrik CCRCCNC yang mempunyai psikologi dan psikiatrianya sendiri. Begitu juga di Sarawak dan di Sabah Yang Berhormat.

Jadi saya berharap kerajaan akan merestui apa yang kita pohon menerusi jawatankuasa ini tetapi khususnya kita akan melihat secara menyeluruh apa Yang Berhormat sebutkan tadi, dan terima kasih atas cadangan.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk mengalu-alukan delegasi terdiri daripada pelajar dan pensyarah dari Kolej Sains Bersekutu, Sungai Buloh.

7. **Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, apakah insentif yang diberikan oleh pihak kerajaan bagi menangani kos sara hidup yang kian meningkat bagi pekerja-pekerja swasta, terutamanya golongan yang berpendapatan sederhana kerana kebanyakannya mereka ini tidak layak untuk menerima bantuan BR1M tetapi juga terkesan dengan kenaikan harga barang.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]:** *Bismillaahi Rahmaani Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Pasir Gudang. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya untuk menjawab pertanyaan ini secara bersekali yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kubang Pasu pada 18 Jun kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu menangani kos sara hidup yang kian meningkat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Sebagai kerajaan yang prihatin terhadap rakyat, para peniaga digesa dapat membuat pelarasan semula harga barangan keperluan asas selaras dengan harga pasaran minyak. Kebiasaannya para peniaga akan mengaitkan kenaikan harga minyak petroleum sebagai faktor utama berlakunya kenaikan kos perniagaan. Ini secara langsung akan menyebabkan kenaikan terhadap harga barangan.

Walau bagaimanapun, para peniaga agak keberatan untuk menurunkan harga barangan apabila berlaku penurunan harga minyak. Justeru itu kerajaan peka dan melihat keadaan ini memberi kesan yang amat mendalam terhadap permasalahan kos sara hidup yang terpaksa dihadapi oleh rakyat terutamanya golongan yang berpendapatan sederhana dan rendah.

Oleh itu, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Khas menangani kos sara hidup pada tahun 2014, dan Jawatankuasa Pusat ini dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, dan berperanan untuk menangani isu-isu kos sara hidup dan juga harga barang secara bersepadu serta berterusan.

#### ■1130

Selain daripada itu, *engagement* Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dengan pengilang, pembekal, pemborong dan peruncit dan juga persatuan yang telah kita adakan pada 10 Februari 2015 yang lalu dan sesi berkenaan telah bersetuju untuk menurunkan harga selaras dengan kos operasinya yang telah berkurangan berikutan penurunan harga minyak di pasaran. *Engagement* kementerian amat penting dan adalah sejajar dengan matlamat kerajaan untuk memastikan pihak-pihak peniaga yang terlibat sama-sama memikul tanggungjawab membantu kerajaan untuk meringankan beban kos sara hidup.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, skim kawalan harga musim perayaan juga merupakan salah satu kaedah untuk menyekat kenaikan harga yang tidak munasabah semasa permintaan tinggi semasa musim perayaan. Pada tahun ini, skim kawalan harga musim perayaan telah dilaksanakan semasa Tahun Baru Cina dan skim ini terus dilaksanakan bagi perayaan Hari Gawai, Pesta Kaamatan dan yang paling dekat sekali Hari Raya Puasa yang akan datang dan juga Deepavali dan Krismas.

Semasa skim berkuat kuasa, peniaga dikehendaki menjual barang harga terkawal tidak melebihi harga maksimum yang ditentukan oleh kerajaan. Oleh itu, kerajaan telah menganjurkan kempen penurunan harga pada tahun 2008. Ini semua kempen yang kita buat untuk memastikan pengguna mendapat harga yang rendah dan kita adakan. Ini adalah satu inisiatif kerajaan dengan kerjasama industri peruncitan bagi menawarkan barangan terutama sekali barangan kegunaan harian dan juga barang keperluan pada harga yang sepatutnya.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kita ada juga kempen ataupun setelah kempen ini kita laksana masih terdapat lagi peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab, sebab itu kita adakan gerak-gempur melalui operasi yang kita panggil Ops Catut yang kita bermula pada 15 Januari yang lalu. Di bawah Ops Catut ini, dia ada fasa satu dan banyak kes yang telah kita ambil. Selepas daripada itu, kita ada Ops Catut fasa 2 untuk kita membuat tinjauan di premis-premis yang kita akui memang terdapat peniaga-peniaga yang tidak mengikut arahan-arahan dan ingkar dengan harga yang tidak munasabah. Jadi

tindakan-tindakan ini kita lakukan daripada semasa ke semasa supaya kita dapat memastikan pengguna mendapat harga yang sewajarnya setelah kempen-kempen ini kita adakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Yang Berhormat, selesai sudah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan.

*[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]*

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

11.30 pg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan yang di-pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 6.30 petang dan sehingga selesai ucapan-ucapan penangguhan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Isnin, 15 Jun 2015.”

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

### USUL

#### **RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS 2016-2020**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

**“Bahawa Dewan ini,**

**Menyedari** akan cabaran pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh;

**Merestui** usaha kerajaan untuk meneruskan Dasar Transformasi Nasional atau DTN dalam rangka dan merencana Rancangan Malaysia Kesebelas seterusnya;

**Meluluskan** pelaksanaannya bertunjangan falsafah Dasar Transformasi Nasional dalam ikhtiar menjadi sebuah negara maju pada Tahun 2020 menurut Kertas Perintah 23 Tahun 2015;

**Bahawa** dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesebelas, Dewan yang mulia ini menyeru agar semua pihak bersama-sama dan berusaha menjayakan matlamatnya.” *[10 Jun 2015]*

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat satu penjelasan. Semalam saya ada memfailkan satu usul segera untuk...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Sekiranya saya *just* boleh menjelaskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak perlu Yang Berhormat. Yang Berhormat sila rujuk Peraturan Mesyuarat 18(7) dan (8). P.M.18(7), Tuan Yang di-Pertua telah menolak dalam kamar dan P.M.18(8) tidak boleh lagi dikemukakan semula di dalam Dewan.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, tidak perlulah berdegil-degil Yang Berhormat. Sila duduk.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak dapat penjelasan atas alasan yang diberikan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak perlu. Sudah diberikan penjelasan oleh kementerian yang berkenaan. Sila. Saya jemput Kementerian Dalam Negeri untuk menyambung jawapan.

11.32 pg.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Seri Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Dalam Negeri mempunyai 34 muka setengah Tuan Yang di-Pertua, jawapan. Jadi kalau ada kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, *in shaa-Allah*, saya boleh tamatkan sebelum pukul 1.00.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato Seri Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Kalau banyak penjelasan, saya bimbang kita akan jawab secara bertulis selepas pukul 1.00, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sesi perbahasan yang lalu, saya ulang sedikit satu *paragraph* itu, Yang Berhormat Bagan bertanya mengapa dan berapa keperluan untuk melantik dan menggaji pegawai keselamatan hingga jumlah mereka melebihi anggota polis.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keperluan pengawal keselamatan ini adalah ditentukan oleh permintaan pasaran. Jumlah keperluan pengawal keselamatan adalah meningkat sekiranya berlaku pertambahan premis-premis pekerjaan, premis-premis swasta dan kawasan-kawasan kediaman yang memerlukan pengawasan yang agak lama setiap hari dengan tugas secara giliran ataupun *shift*.

Bagi makluman kepada semua Ahli Yang Berhormat, bidang kuasa pengawal keselamatan di Malaysia adalah tertakluk di bawah seksyen 2(a) Akta Agensi Persendirian 1971 iaitu bagi mengadakan pengawalan dan perlindungan bagi keselamatan orang lain atau keselamatan harta atau penjaga orang lain.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Yang Berhormat Seputeh dan Yang Berhormat Batu bertanya isu aktiviti pelajar bernama Joshua Wong dan Liao Kong Hong yang terlibat dalam pergerakan *Yellow Umbrella* di Hong Kong yang telah dihantar pulang.

Joshua Wong telah dihantar pulang oleh pihak berkuasa pada 26 Mei 2015 semasa ketibaan di Lapangan Terbang Kuala Lumpur kerana beliau dianggap banyak terlibat dengan apa yang berlaku di Hong Kong iaitu *The Uprising of Youth and New Social Activism* juga di Singapura dan Hong Kong. Dengan itu, maka kerajaan telah membuat keputusan supaya beliau dihantar pulang kerana kita Malaysia tidak perlu menerima orang semacam Joshua Wong ini, Yang Berhormat. Jadi Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia tidak pernah mengamalkan sikap pilih kasih terhadap mana-mana pihak termasuk isu yang berkaitan aktivis pelajar yang berumur 18 tahun berkenaan.

Sehubungan dengan itu, pihak polis dan Jabatan Imigresen Malaysia akan mengambil tindakan terhadap mana-mana individu termasuk menolak kemasukan mana-mana warganegara asing yang cuba memasuki negara ini dengan niat untuk mengganggu-gugat keselamatan dan ketenteraman awam. Tindakan menolak tersebut adalah selaras



dengan kerjasama serantau dan global dalam membendung penularan aktiviti-aktiviti yang boleh menjejaskan hubungan dua hala di antara kedua-dua negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan *not to land* ataupun *refused to entry* yang dikenakan ke atas Joshua Wong juga tidak dikecualikan kepada mana-mana warga asing sekiranya mereka boleh mendatangkan ancaman kepada keselamatan negara termasuklah oleh Hong Kong sendiri dan beberapa lokasi lain. Berdasarkan maklumat yang diterima masuk dari negara asal individu berkenaan, aktiviti penama tersebut terbukti menerusi beberapa siri demonstrasi haram beberapa lokasi sekitar Hong Kong menerusi ceramah yang menentang Kerajaan China.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bagan bertanya usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk menjamin keselamatan negara daripada dicerobohi dan kes penculikan rakyat terutama di Sabah tidak berulang.

■1140

Pihak kementerian melalui Polis Diraja Malaysia sentiasa memberi perhatian yang khusus untuk mengendalikan kes penculikan secara serius dengan wujudkan Cawangan Operasi Khas, *Ops Scorpion* untuk menyelesaikan sebarang kes penculikan yang berlaku di dalam negara. Statistik kes penculikan yang berlaku di negeri Sabah bagi tahun 2004 hingga 2014 adalah sebanyak 13 kes. Bagi tahun 2015 hingga Mei adalah 2 kes. Pihak PDRM telah menangkap 2 orang dan telah pun dituduh di mahkamah atas kesalahan menculik.

Bagi menjamin keselamatan Timur Sabah, kerajaan telah menubuhkan *Eastern Sabah Security Zone* atau ESSZONE dan *Eastern Sabah Security Command* ataupun ESSCOM untuk menjamin keselamatan perairan negara dari diceroboh dan mengelak kes penculikan khususnya di Sabah dari berlaku dengan menambahkan aset dan kekuatan pegawai penguat kuasa di kawasan berkenaan.

Yang Berhormat Bachok pula bertanya mengapa pihak polis bertindak berat sebelah dalam isu penahanan dan soal siasatan tahanan sebagai contohnya kes penurunan salib oleh abang kepada Ketua Polis Negara yang hanya disoal siasat selama 4 jam sahaja sedangkan pemimpin Pakatan Rakyat disoal siasat sehari-hari.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berhubung dengan isu perhimpunan bagi membantah kewujudan gereja di kawasan Taman Medan, di Metro Square Taman Medan, Petaling Jaya pada 20 April 2015. Pihak polis telah membuka kertas siasatan berkait Petaling Jaya *report* 54152015 di bawah seksyen 448 dan 511 Kanun Keseksaan atas kesalahan cuba melakukan pencerobohan bangunan.

Dalam kejadian tersebut terdapat lebih kurang 40 orang hadir dan berkumpul di kawasan tersebut. Tidak timbul isu berat sebelah dalam penyiasatan polis memandangkan ke semua mereka yang diarahkan hadir ke balai polis untuk membantu siasatan telah hadir memberi keterangan sepenuhnya. Maka tidak perlu untuk menangkap, ditahan reman atau digari.

Bagi melengkapkan siasatan pihak akan menjalankan siasatan tanpa mengira kedudukan, fahaman politik seseorang. Siasatan yang dijalankan adalah terus *without fear and favour*. Berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat Kota Samarahan berkenaan dengan *response sign* pihak polis di Kota Samarahan.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang Berhormat Menteri, boleh? Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, tentang isu penurunan salib di Taman Medan kawasan saya ini di mana pihak gereja, mereka khuatir tentang insiden ini dan kalau kita tidak ambil tindakan yang tegas terhadap mereka yang buat protes tentang paksaan untuk penurunan salib ini. Sekarang masalah mereka hendak gantung balik salib ini ke tempat asal dan mereka khuatir tentang keselamatan mereka. So, mereka minta jaminan daripada pihak polis. Apakah jaminan polis yang boleh bantu mereka untuk menggantung balik salib itu? Terima kasih.

**Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan Yang Berhormat, soalan ini adalah soalan yang praktikal Tuan Yang di-Pertua.

Saya cukup yakin pihak gereja boleh berbincang dengan pihak polis dan saya telah menjawab soalan ini dalam ucapan penangguhan mengatakan bahawa apabila satu-satu kumpulan sama ada kita hendak bina surau, hendak bina masjid ataupun *temple*, kita mesti dapat kebenaran daripada pihak berkuasa tempatan.

Apabila mendapat kebenaran sedemikian dan maknanya kerajaan telah meluluskan penubuhan satu gereja di tempat tersebut. Jadi keselamatan, pengamalan agama di negara ini adalah dijamin dan saya cukup yakin pihak polis boleh bekerjasama dengan pihak gereja apabila dipinta bantuan daripada pihak polis, Tuan Yang di-Pertua.

Saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Kota Samarahan, sememangnya pihak polis telah menetapkan tempoh antara 8 minit hingga 15 minit bergantung kepada jarak panggilan antara kedudukan terdekat *mobile patrol vehicle* dengan tempat kejadian khususnya di kawasan-kawasan sebagai kawasan yang masih boleh dikatakan *suburban* di Kota Samarahan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pengkalan Chepa bertanya adakah masalah dadah ini hanya melibatkan urusan perniagaan ataupun merupakan agenda kuasa tertentu untuk meruntuhkan negara. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kerajaan masih di bawah pendirian bahawa dadah adalah musuh nombor satu negara. Sehingga kini, motif utama masalah dadah ialah lebih kepada perolehan keuntungan oleh sindiket dadah dan bukan agenda kuasa tertentu untuk meruntuhkan mana-mana negara.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Kerajaan sentiasa memandang serius terhadap isu dadah dan mengambil pelbagai usaha untuk membanteraskan dadah. Polis Diraja Malaysia menjalankan usaha dan penguatkuasaan dengan kerjasama agensi-agensi iaitu Kastam Diraja Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia, selain daripada Agensi Antidadah Kebangsaan.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Tuan Yang di-Pertua, Indera Mahkota. Sini. Indera Mahkota.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mana satu? mana satu? Yang Berhormat Rantau Panjang ataupun mana?

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, saya melihat pusat-pusat serenti ini makin lama makin bertambah. Saya hendak tahu pandangan daripada kerajaan dan Yang Berhormat Menteri sama ada dengan langkah-langkah yang diambil oleh negara kita hingga kini berkenaan dengan penagihan dadah dan penyalahgunaan dadah. Adakah kita berjaya mengurangkan masalah ini ataupun ia masih berterusan meningkat? Terima kasih.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Saya mencelah sikit isu yang sama. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh pihak Yang Berhormat berkenaan dengan langkah yang telah diusahakan oleh kerajaan untuk menangani isu dadah terutama dari sudut pengawalan.

Saya di kawasan sempadan Thailand di mana kita melihat penyeludupan dadah terus berleluasa tidak berkurangan dan perkara ini sangat membimbangkan kita, apa lagi melibatkan remaja-remaja dan pelajar-pelajar sekolah. Apa yang saya sudah tahu dan apa yang saya dapat maklumat secara tidak langsung daripada rakyat, di mana didapati ada juga anggota keselamatan, polis ataupun Kastam dan sebagainya yang bertanggungjawab, yang dibiayai secara bulanan oleh pihak pengedar-pengedar dadah ini.

Jadi sejauh mana pemantauan ini dibuat oleh pihak kementerian untuk memastikan tidak ada seorang pun pegawai keselamatan ataupun pengawal-pengawal terutama di kawasan sempadan yang mengambil rasuah daripada pengedar-pengedar dadah ini menyebabkan mereka boleh melakukan kerja ini secara mudah kerana ada bayaran-bayaran yang dibayar.

Begitu juga serta saya hendak tahu setakat ini apakah ada tindakan, berapa tindakan yang telah diambil oleh pihak kementerian terhadap pegawai-pegawai yang terlibat. Berapa kes yang telah diambil tindakan dan sejauh mana pemantauan dibuat juga kepada pelajar-pelajar sekolah? Ada pengedar dadah menggunakan pelajar-pelajar sekolah untuk pengedaran dadah dan yang paling saya tidak faham sekali kenapa ada jalan-jalan utama yang berisiko tinggi pusat pengedaran, tapi tidak diletakkan kawalan keselamatan.

Saya bagi contoh kalau di Rantau Panjang, jalan melalui Kampung Siram yang sebelum ini ada kawalan polis tapi sekarang sudah tidak ada. Kesannya penyeludupan terus dadah ini keluar daripada sempadan ini terus masuk untuk ke jalan utama tanpa ada sekatan. Jadi kenapa perkara ini berlaku? Minta penjelasan.

**Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih, soalan daripada yang pertama tadi berhubung dengan sama ada penglibatan penggunaan dadah ini berkurangan ataupun tambahan. Tuan Yang di-Pertua, memang kita melihat ancaman dadah ini masih berterusan dan masih makin kuat. Oleh sebab sebagaimana yang saya telah menjawab dalam soalan pada pagi tadi bahawa pendedahan negara kita kepada dadah ini masih amat terdedah. Yang pertamanya dasar-dasar negara-negara pengeluaran dadah.

#### ■1150

Khususnya sebagaimana yang saya sebut awal tadi bahawa di *Emerald Crescent* yang masih melihat dadah ini sebagai satu industri yang besar dan memberikan pulangan yang besar kepada negara mereka, maka dadah ini dikeluarkan begitu rupa dan dieksport begitu rupa dan ini telah tercicir ke negara kita dan begitu juga di *Golden Crescent* iaitu di negara Afghanistan, Iran dan Pakistan. Di kawasan-kawasan *Golden Crescent* ini yang mana pilihannya amat jelas sama ada mereka terlibat dengan perkara yang lebih buruk daripada dadah ataupun penglibatan dengan penanaman dadah sebagai satu industri yang mudah dibuat dan tidak menggunakan kos yang tinggi dan pengeluaran yang kaya.

Juga yang terdekat sekali dengan kita ialah masalah *the Golden Triangle* yang mana Tan Sri sendiri amat mengetahui bahawa negara-negara terlibat belum lagi mahu menukarkan industri mereka daripada penanaman dadah kepada penanaman pokok-pokok, benda-benda lain umpamanya kepada *palm oil* dan sebagainya. Jadi, oleh kerana sedemikian, begitu juga pengeluaran dadah sintetik daripada negara Afrika, negara China dan juga dari Filipina yang telah mengalir masuk ke negara kita sebegitu rupa. Jadi, masukan ini walaupun ditangkap begitu oleh pihak polis dan pihak kastam, berpuluh-puluh juta nilai dadah ini telah ditangkap, kita di lapangan terbang dan sebagainya masih juga boleh mengalir masuk ke negara kita.

Jadi dalam keadaan sedemikian, memang dalam perhatian kita, dia belum lagi ada kesan-kesan penurunan walaupun kita telah menggunakan undang-undang kita dengan begitu rupa dan penguatkuasaan kita banyak dan penangkapan dan rampasan yang kita buat pun begitu banyak juga. Sila Yang Berhormat Indera Mahkota.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Terima kasih, terima kasih. Saya telah mendengar jawapan Yang Berhormat Menteri tadi dan komitmen kerajaan bahawasanya oleh kerana ada pendekatan-pendekatan baru dan mungkin kerajaan akan melaksanakan pendekatan-pendekatan baru untuk mengatasi masalah ini. Saya rasa itu adalah perkara yang boleh disambut baiklah. Saya harap pendekatan baru ini lebih berkesan. Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Pengenalan pendekatan-pendekatan baru ini juga Tuan Yang di-Pertua, masih dalam perancangan kita. Saya tadi pun menjawab dan telah memberi maklumat sedikit. Saya sendiri mempengerusikan satu jawatankuasa di bawah Majlis Sosial Negara yang mana kita dikehendaki mengkaji apakah keperluan sokongan dan bantuan kepada Agensi Antidadah Negara dan supaya AADK itu boleh membantu NGO-NGO dan pihak sukarelawan di seluruh negara untuk membantu kita memerangi dadah.

Ini juga membantu kementerian-kementerian lain khususnya Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Belia dan Sukan supaya kita membawa kesedaran kepada dadah ini bukan sahaja di peringkat mereka yang terlibat dengan dadah dan keluarga-keluarga mereka tetapi juga kepada anak-anak muda yang dalam sekolah, di bangku sekolah yang kita ketahui hingga yang umur di bawah 10 tahun pun kita kesan telah terlibat.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tindakan-tindakan kita sekarang ialah untuk membuat *vetting* di seluruh pelajar daripada peringkat-peringkat sekolah hingga peringkat-peringkat universiti tetapi kekangan yang kita hadapi ialah peruntukan sumber kewangan yang akan kita salurkan menerusi AADK menjalankan tugas mereka bersama dengan sukarelawan dan NGO-NGO.

**Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Tebrau.**

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Boleh saya celah sedikit?

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, saya belum jawab yang daripada soalan tadi. Jadi, satu lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Yang Berhormat, boleh kah saya minta mencelah? Tebrau.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, belum jawab lagi. Panjang jawapan saya ini, itulah yang saya sebut tadi Tan Sri kalau sampai pukul 1 itu panjang sangat untuk kementerian ini. Kita ada beberapa kementerian lagi. Jadi, satu lagi apa yang disebut oleh Yang Berhormat dari Rantau Panjang, saya bersetuju Yang Berhormat. Sebenarnya banyak lubang tikus ataupun lubang-lubang yang dikatakan jalan tikus yang boleh dilalui oleh lori dan gajah ini di sempadan kita bukan sahaja di sempadan utara dan juga kita lihat di Sarawak dan di Sabah.

Dahulunya Kalimantan ataupun Indonesia tidak ada masalah dadah tapi Tan Sri mengetahui, kalau terlibat dengan AIPA bahawa Indonesia sekarang telah menghadapi masalah dadah. Jadi ada kemungkinan kemasukan dadah menerusi jalan-jalan ini masuk ke negara kita dan pengaliran dadah dari negara China dan juga Filipina dan juga Afrika yang memasuki kerana industri yang kita pelopori sekarang ialah industri pelancongan.

Dalam mereka yang datang ini bukan semua dapat 100% yang boleh kita kesan. Walaupun pengesanan kita di peringkat sempadan kita boleh dibuat dengan sebaik yang kita boleh tetapi juga saya cukup yakin dia ada mengalir masuk sedikit sebanyak. Jadi dalam penglibatan pihak berkuasa, penguatkuasaan di sempadan-sempadan dan di sepanjang sempadan, Tuan Yang di-Pertua, percayalah saya sekarang, secara peribadi untuk memperkuat integriti unit dalam tiap-tiap agensi penguatkuasaan dan saya telah berbincang dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk macam mana untuk memperbaiki integriti-integriti tiap-tiap agensi penguatkuasaan menerusi pelaksanaan siap dan juga pelaksanaan agensi-agensi itu sendiri dan bersama dengan pindaan undang-undang yang saya cadangkan kepada Menteri.

Semua cadangan sistem yang dicadangkan itu masih dalam kajian oleh pihak Menteri dan saya berharap kita dalam seberapa dekat yang boleh membuat satu sistem pemantauan yang baik untuk mengatasi masalah kelemahan integriti dalam agensi-agensi penguatkuasaan. Akan tetapi percayalah kita tidak berkompromi dengan siapa sahaja pegawai. Kita tidak kisah apa pangkat dan keturunan mereka di dalam agensi penguatkuasaan yang terlibat dengan mana-mana aktiviti-aktiviti haram ataupun aktiviti yang menyalahi undang-undang ini kita akan ambil tindakan dan kita tidak berkompromi dengan kesalahan-kesalahan demikian. Jadi Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk meneruskanlah. Kalau tidak tak boleh habis Yang Berhormat. KDN sebagai agensi penguat kuasa utama terus memberi fokus utama ke arah membanteras bekalan dan permintaan dadah dalam negara.

Sehubungan dengan itu, KDN telah mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan melalui strategi-strategi berikut iaitu memperluaskan lagi jaringan kerjasama peringkat antarabangsa dan serantau, berkongsi maklumat risikan dan kemahiran serta menjalankan operasi bersama. Menubuhkan *Special Tactical Intelligence Narcotic Group* ataupun STING untuk membanteras *drug king* atau sindiket pengedaran dadah berskala besar.

Ketiga, memperkasakan penguatkuasaan sempadan dengan memperketat lagi pemantauan di pintu-pintu masuk utama negara. Keempat, mempertingkatkan kerjasama dengan agensi penguatkuasaan tempatan dan berkongsi maklumat risikan, peralatan dan perjalanan operasi bersepadu dan kelima, mempertingkatkan operasi ke atas pengawalan pemesongan *precursor* dan bahan kimia bagi aktiviti haram memproses dadah serta kerjasama dengan syarikat utama dalam industri berkaitan. Bagi menguatkuasakan

pelaksanaan pencegahan yang lebih menyeluruh, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 juga merupakan satu akta yang membolehkan tahanan pencegahan orang-orang yang berkaitan dengan apa-apa aktiviti berhubung dengan dadah merbahaya.

Akta Dadah Berbahaya (Perlucutan Harta) 1988 yang berkuat kuasa mula 1988 merupakan suatu akta yang membolehkan penyitaan dan perlucutan harta dilakukan ke atas harta yang diperolehi melalui aktiviti dadah. Kerajaan adalah komited untuk membanteras masalah dadah melalui usaha-usaha diambil dan penguatkuasaan akta-akta yang sedia ada. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kuala Kedah bertanya mengapakah kerajaan tidak berjaya dalam misi membanteras penagihan dadah walaupun statistik penagihan dadah berkurangan namun jumlah penagihan dadah berulang meningkat.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, penagihan dadah merupakan sejenis penyakit kronik yang mudah berulang atau *chronic relapsing disease*. Rawatan dan pemulihan ke atas penagih dadah merupakan suatu proses yang kompleks dan sukar kerana *recovery need* setiap penagih adalah berbeza dan bergantung kepada pelbagai fakta persekitaran, kemasukan tahap keparahan penagihan, latar belakang keluarga, sokongan sosial dan masyarakat serta pelbagai fakta lain. Proses rawatan dan pemulihan memerlukan masa yang panjang kerana pemulihan merupakan proses sepanjang hayat. Bekas penagih dadah perlu mendapat sokongan berpanjangan daripada rakan-rakan pemulihan dan ahli-ahli keluarga agar mereka kekal pulih.

#### ■1200

Penglibatan dalam program dengan komuniti setempat dan mempunyai pekerjaan juga membantu dalam mengembalikan fungsi sosial seseorang bekas penagih dadah. Terdapat beberapa fakta yang menyebabkan seorang bekas penagih dadah kembali menagih semula antaranya:

- (i) pengaruh kawan-kawan;
- (ii) tekanan jiwa;
- (iii) rangsangan;
- (iv) menahan sakit;
- (v) keseronokan;
- (vi) penerimaan oleh keluarga; dan
- (vii) penolakan penerimaan oleh masyarakat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kinabatangan berdiri.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Sila, Yang Berhormat;

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri berbicara soal dadah dan polisi kerajaan dadah ini masih dikategorikan sebagai musuh utama negara dan juga perlu diperangi tetapi sedar kah Yang Berhormat Menteri kita seolah-olah gagal dalam menangani pengurusan dadah berbahaya ini sebab saya boleh dikira setiap ada perbincangan saya membahaskan soal kelemahan penguat kuasa membanteras kemasukan dadah di negara kita.

Peningkatan penagih dadah meningkat bukan sahaja di bandar bahkan di kampung-kampung. Ada sindiket dan kalau di Sabah ini dadah jenis syabu ini saya berani menyatakan dia boleh diperolehi seperti membeli pisang goreng di mana-mana penjuru gelap ada sahaja sindiket menjual dadah, ada pembeli dadah. Jadi persoalannya, rakyat hairan kenapa perkara begini boleh berlaku. Adakah polis tidak memantau ataupun mereka bukan menuduh tetapi adakah polis terlibat dalam sindiket tersebut sebab ia berleluasa, hairan.

Jadi masalah yang dihadapi ramailah di antara remaja-remaja kita ini yang kurang iman, yang seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri cakap tadi keseronokan *for fun*, mungkin mencuba-cuba dan terus terjerumus dan akhirnya pusat pemulihan kita pun tidaklah begitu hebat. Kalau pusat pemulihan kita tidak begitu hebat, tidakkah kementerian mungkin boleh mencadangkan meninjau di mana pusat pemulihan dalam dunia ini yang boleh memulihkan penagih dadah dan tidak lagi berulang. Apa cara kita? Mesti ada cara

sebab dalam al-Quran menyatakan setiap penyakit ada ubatnya kecuali umur. Jadi bermakna menagih ini pun ada ubatnya. Jadi kenapa tidak kita cari sedangkan ia masih musuh utama kita? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri sebelum menjawab dahulu. Saya hendak buat beberapa komen. Untuk meningkatkan perbincangan saya mohon kepada Menteri-menteri apabila berhujah, sekali-kala apabila sampai waktu *pausing* umpamanya tengok di atas perhatikan kiri kanan kalau ada Ahli Yang Berhormat yang ingin mencelah. Jadi kalau dibuat begitu, kalau memanggil Yang Berhormat yang sedang berdiri itu maka itu sebagai kebenaran untuk kasi laluan.

Jadi tidak payahlah Speaker atau Timbalan-timbalan Speaker memanggil Yang Berhormat kerana kadang-kadang kami tidak tahu bila yang berhujah itu buat *pausing* sementara kerana kadang-kadang idea itu lari. Keduanya, sebelum reformasi kita dapat buat seperti yang saya perelaskan beberapa minggu yang lalu. Saya mohon kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dengan serius untuk memikirkan keadaan. Sewaktu mencelah, kita semua tahu peraturan mesyuarat iaitu cuma perkara-perkara yang samar, yang kita tidak faham ataupun perlukan penjelasan daripada Menteri yang menjawab yang kita bangkitkan.

Jangan sama sekali beri pendapat-pendapat baru yang menimbulkan lagi suasana di mana itu perlu juga dibahaskan. Jadi, saya mohon maaf kalau itu menyinggung perasaan Ahli Yang Berhormat tetapi itulah peraturan mesyuarat. Kalau itu dapat kita buat, kita dapat berbahas dengan baik. Sebagai makluman juga, reformasi yang kita buat ini adalah melibatkan Menteri-menteri untuk menjawab soalan-soalan secara spontan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak memerlukan notis dan kita perhatikan di negara-negara lain soalan diajukan tidak lebih daripada satu minit dan Menteri menjawab dalam dua minit selesai dalam tiga minit.

Kemahuan saya reformasi ini mesti dilaksanakan selewat-lewat bulan Mac atau April tahun hadapan. Mula praktis sekarang Ahli-ahli Yang Berhormat. Mula praktis sekarang. Soal tidak sampai satu minit, jawapan Menteri tiga minit.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya punya cara tadi Tuan Yang di-Pertua, sudah betulkan? *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada dia ada melencong sana sini sedikit tetapi dalam keadaan sekarang boleh saya maafkan tetapi apabila sudah saya bercakap tadi ini tidak boleh. Yang Berhormat Pokok Sena tidak boleh sewenang-wenang berdiri terus buat komen selepas itu ini ada *political*. Mulai belajar secara sekarang. Sama-sama kita tengok kita punya diri dahulu. Jadi, kalau mahu atau tidak mahu melibatkan di dalam perbincangan tulis memo kepada saya, "*Yang Berhormat Speaker, saya tidak mahu turut berbahas, boleh kah saya keluar di luar sana bising-bising daripada mengganggu Mesyuarat?*" Terpaksa saya keluarkan. Jangan buat begitu.

Selepas itu buat kenyataan akhbar di luar konon Speaker *emotional*, Speaker tendang saya, Speaker tidak adil. Sebenarnya Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri yang tidak bersikap adil kepada diri masing-masing. Jadi, jangan semua kejahatan itu dilonggokkan kepada saya. Belum cukup lagi kah yang saya buat? Saya sanggup letak jawatan. Jadi, tolong beri kerjasama kepada saya. Jangan main-main lagi. Kita ini semua wakil rakyat. *We must take our responsibility seriously.*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau Ahli Yang Berhormat tidak kerjasama – Yang Berhormat Pokok Sena sudah berdiri lagi. Belum pun saya habis cakap, Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta jaminan, adakah Tuan Yang di-Pertua jamin bahawa bulan Mac dan bulan April ini kita...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak boleh buat jaminan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kalau tidak boleh bagi jaminan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat duduk, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak sekejap. Kalau bulan Mac dan bulan April, kerajaan tidak bersetuju tentang format baru ini. Adakah Tuan Yang di-Pertua akan mengemukakan sekali lagi surat peletakan jawatan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk, Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya tidak tahulah Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, saya cakap sekali bukan macam Yang Berhormat Pokok Sena asyik sindir-menyindir di antara satu sama lain. *Provoke* orang dan sedemikianya, saya tidak pandai *provoke*. Saya sentiasa mengotakan kata. Jadi ambil peringatan kepada ini. Jadi jangan diulang.

Satu lagi yang saya ingin tekankan di sini, kalau buat kenyataan akhbar jangan sewaktu keluar daripada Dewan yang ada laluan ada dua *tape* merah itu apabila diberhentikan oleh pemberita, jangan buat kenyataan akhbar di situ kerana itu menghalang lalu-lalang. Jadi, kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mahu publisiti setiap hari carilah tempat mana yang sesuai buat *publicity*. Jangan ganggu orang lain. Jadi ambil perhatian secara serius kalau tidak saya kerja secara serius. Sila, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih. Tadi Yang Berhormat daripada Kinabatangan menyoal, saya sendiri pun sudah lupa, panjang cerita. Jadi, saya dua jawapanlah bahawa pada kita sentiasa serius untuk menangani masalah dadah di negara ini. Kedua, kita tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak penguat kuasa yang terlibat dengan masalah menyalahi undang-undang termasuk polis.

Jadi yang ketiga, saya berharap agar pihak masyarakat yang mengetahui tolong kalau tidak dapat menghubungi polis, hubungi dengan saya terus *insya-Allah* saya boleh mengambil tindakan seperti mana yang disebutkan tadi, Yang Berhormat.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya sambung sekali lagi. Seorang penagih dadah itu dikatakan pulih setelah menepati kriteria seperti berikut:

- (i) tidak bergantung dari segi fizikal dan psikologi terhadap dadah;
- (ii) telah dapat membina semula dan mengeratkan hubungan dengan keluarga;
- (iii) menyedari terhadap diri, keluarga dan masyarakat;
- (iv) mempunyai pekerjaan untuk menyara diri dan keluarga;
- (v) tidak terlibat dengan aktiviti jenayah;
- (vi) dapat membina kemahiran daya tindak atau *coping skill* untuk menghadapi masalah cabaran;

#### ■1210

- (vii) mampu mengintegrasikan dan menyesuaikan diri dengan masyarakat untuk membina jaringan sosial yang baru dan sihat; dan
- (viii) menyedari dan berupaya untuk mengamalkan hidup sihat.

Program pemulihan dadah telah dilaksanakan di Malaysia, termasuk transformasi yang dijalankan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), diiktiraf di rantau ASEAN dan oleh United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC) sebagai satu model yang terbaik. Oleh itu, usaha kerajaan dalam menangani masalah dadah tidak boleh dianggap sebagai tidak berjaya.

Dalam usaha menangani masalah penagihan yang merupakan sejenis penyakit yang mudah berulang, apa yang penting adalah untuk memberi peluang kepada penagih dadah untuk mendapatkan rawatan dengan mudah dan meningkatkan *accessibility* kepada program yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Putatan bertanya apakah tindakan yang telah diambil ke atas hasil siasatan Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah?

**Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Putih]:** Pencerahan.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti mana yang dimaklumkan pada 3 Disember 2014, kerajaan telah mengumumkan hasil dapatan Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah. Susulan

daripada itu, kerajaan juga telah bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah yang mempunyai dua *tier*.

Satu, Jawatankuasa Induk Pengurusan Warga Asing di Sabah yang di pengerusi bersama oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah dan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri serta Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Warga Asing di Sabah yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, Timbalan Ketua Menteri Sabah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Putih berdiri Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Putih]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih timbalan menteri. Masih bab dadah. Saya ingin menyampuk tentang *chronic relapsing disease*, mengatakan mengambil dadah ini adalah satu penyakit yang kronik dan *relapsing*. Akan tetapi saya ingin tambah ia *is by choice*, ia adalah pilihan. Makna, seseorang itu bukan paksaan untuk dia tidak memilih atau menggunakan dadah. Itu pertama.

Kemudian tentang ada ubatnya. *Likulli dain dawa'*. Setiap penyakit itu ada ubat. Nampaknya kita belum lagi menjumpai ubatnya kerana masalah ini berterusan. Soalan saya, tidakkah kita perhatikan di dalam Al-Quran dan hadis bahawa di sana itu ada ubat untuk dadah ini iaitu ubat kepada penggunaan benda-benda yang "muskir" atau benda-benda yang melalaikan otak ini seperti arak. Ubatnya ialah rotan. Rotan ini kalau seseorang itu minum arak, maka rotannya ialah 40 kali rotan. Ini ubat yang telah dibuat begitu lama dan masalah dadah ini tidak menjadi masalah dahulu. Akan tetapi apabila kita meninggalkan ubat ini, kita mencari ubat-ubat yang lain, maka di situlah masalah yang kita hadapi sekarang tidak ada penyelesaian.

Jadi, tidak bolehkan kita memikirkan semula untuk mengurangkan *demand* kepada dadah. Apabila tidak ada *demand*, tidak ada *supply*. Kalau *demand* itu banyak, *supply* itu akan datang ikut mana-mana. Walaupun sempadan dan penguatkuasaan kita kuat setara mana pun kita tidak mungkin dapat menyekat *supply* itu. Jadi, *we must concentrate on the demand*. *Demand* itu ialah rotan, sesiapa yang ambil dadah, rotan. Bilakah kita boleh laksanakan penguatkuasaan ini? Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya menerima hakikat apa Yang Berhormat sebut daripada Al-Quran itu. Akan tetapi Yang Berhormat, dalam keadaan dunia moden sekarang kita juga ada mempunyai rintangan-rintangan yang tertentu Yang Berhormat, dalam melaksanakan fizikal hukuman sedemikian rupa. Jadi, pada masa sekarang kita ada bekerjasama dengan pihak-pihak yang mengendalikan pusat-pusat pemulihan dadah ini yang menjurus kepada agama, moral dan spiritual.

Akan tetapi soalan penderaan menerusi rotan ini Tuan Yang di-Pertua, belum lagi kita buat dan belum lagi kita kaji sebenarnya. Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang boleh saya jawab atas soalan Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Putatan bertanya, di bawah jawatankuasa ini kerajaan menumpukan perhatian kepada usaha-usaha *way forward*. Bermakna, di antaranya adalah mengemukakan cadangan pembaikan pengurusan warga asing yang berada di Sabah berdasarkan hasil siasatan suruhanjaya, mengkaji pelaksanaan pengurusan warga asing yang sedia ada di negeri Sabah, mengemukakan syor ke atas status keberadaan warga asing di Sabah mengikut undang-undang dan peraturan serta mencadangkan pelan tindakan bagi pengurusan warga asing di Sabah.

Jawatankuasa ini juga diberikan peranan untuk mendapatkan maklum balas daripada masyarakat Sabah berhubung dengan penambahbaikan pengurusan warga asing di Sabah. Justeru, sebarang cadangan dan pandangan berkaitan dengannya boleh disalurkan melalui jawatankuasa teknikal. Beberapa pihak juga telah tampil mengemukakan cadangan serta pandangan. Terdapat di antara yang sedang dalam tindakan penelitian jawatankuasa ini.

Antara pihak yang telah tampil adalah wakil daripada Sabah Law Association serta beberapa individu yang ingin dikenali sebagai The Independent Committee on the RCI Report. Daripada aspek penguatkuasaan, kerajaan melalui jawatankuasa ini juga komited mengadakan usaha untuk membanteras kebanjiran pendatang asing tanpa izin. Ini diperhebat melalui operasi bersepadu yang dianggotai oleh Jabatan Imigresen Malaysia,



Eastern Sabah Security Command, pihak berkuasa tempatan, Polis Diraja Malaysia yang mana diterajui oleh Majlis Keselamatan Negara Negeri Sabah.

Operasi bersepadu ini adalah tambahan kepada operasi harian yang dilaksanakan oleh agensi pelaksana tersebut. Selain itu, operasi bersepadu di kawasan ESSZONE dalam konteks operasi harian dengan tema "Tiada Hari Tanpa Operasi". Sila Yang Berhormat.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Penjelasan. Kita akui bahawa agensi-agensi Yang Berhormat sebutkan tadi itu memang sudah ada langkah-langkah operasi. Akan tetapi kekangannya yang saya difahamkan ialah kekurangan pusat-pusat tahanan. Pusat tahanan yang ada sekarang tidak mencukupi. Pertanyaan saya kepada Yang Berhormat ialah apakah rancangan kerajaan? Adakah peruntukan tersedia untuk membina pusat-pusat tahanan untuk menambah bilangan pusat tahanan yang sedia ada sekarang ini? Terima kasih.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** [Bangun]

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Jenis soalan yang saya amat berterima kasih kerana terus kepada soalan. Kementerian akan mengkaji Yang Berhormat, keperluan untuk mengadakan pusat tahanan yang baru. Walau bagaimanapun, kalau keperluan ini ada dan kalau agensi di Sabah itu memohon, kita cukup yakin menteri mempunyai kuasa untuk mengisytiharkan mana-mana tempat sebagai pusat tahanan sementara.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Yang Berhormat, sebenarnya keperluan bukan lagi mahu dikaji. Pihak ESSCOM sudah memberitahu bahawa operasi bersepadu di pusat-pusat bandar sudah dilaksanakan. Akan tetapi mereka belum lagi masuk ke kawasan ladang sebab tidak ada pusat tahanan untuk PTI ini. Memang ada keperluan. Pihak ESSCOM sudah menyatakan tetapi peruntukan tidak diberi. Itu pertanyaan saya.

Oleh sebab kalau dikaji lagi sampai bila? Ini perlu dilaksanakan sekarang kerana yang di pusat bandar sudah dibuat. Di Lahad Datu sudah dibuat, di Sandakan sudah dibuat, Kota Kinabalu sudah dibuat tetapi mereka belum lagi masuk di ladang. Di ladang lebih ramai Yang Berhormat. Lebih ramai PTI di ladang sebab ada pihak-pihak yang mengambil mereka sebagai pekerja. Akan tetapi kalau mereka masuk ke ladang, di mana mahu diletakkan? Di mana mahu disimpan?

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Menteri, soalan yang sama.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Sila, ringkas Yang Berhormat. Kalau yang sama, Yang Berhormat tidak payah tanya lagi.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Tidak, ini ada sedikit berbeza sebab kita mahu tahu kedua-dua komiti sudah *set up*. Akan tetapi sekarang sudah hampir setahun, enam bulan sudah lepas. Kita tidak dengar apa-apa keputusan dari ini kedua-dua ahli jawatankuasa. Jadi, bila kah, ada *time frame* kah untuk kedua-dua jawatankuasa menumpukan apa-apa resolusi yang boleh memberhentikan keadaan begitu? Kita menunggu-nunggu tetapi nampaknya dua-dua ahli jawatankuasa sudah tubuh tetapi tidak ada apa-apa. Ini minta penjelasan.

■1220

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ambil perhatian kerana di luar daripada jawapan saya, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Tuan Yang di-Pertua sudah bagi panduan.

Penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah telah memberi impak yang positif dan beberapa tindakan penguatkuasaan disenaraikan juga telah diketengahkan di media massa untuk makluman umum.

Yang Berhormat Putatan turut bertanya sama ada statistik pecahan kaum di negeri Sabah yang dikeluarkan pada tahun 1970 hingga 2010 di mana pendatang asing tanpa izin adalah 27.8% iaitu 887,000 orang dan lain-lain bumiputera yang telah diberi kewarganegaraan adalah 20.54% iaitu 640,994 orang adalah benar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik banci penduduk perumahan tahun 2010, peratusan 27.8% adalah merujuk kepada jumlah penduduk bukan warganegara Malaysia di Sabah pada tahun 2010. Dalam hal ini, jumlah sebenar kategori

tersebut adalah 867,190 orang dan bukannya 887,000 orang. Perlu ditekankan bahawa jumlah ini bukan hanya terdiri daripada pendatang asing tanpa izin, sebaliknya turut merangkumi kategori penduduk bukan warganegara Malaysia yang meliputi penduduk tetap, penduduk 'tepat', ekspatriat, keluarga ekspatriat, pelawat, pelajar, pekerja asing dan lain-lain yang telah atau akan tinggal selama enam bulan atau lebih di Malaysia pada tahun 2010.

Bagi kategori pekerja asing, bancian tersebut juga tidak membezakan pekerja asing atau pekerja asing tanpa izin kerana semua maklumat yang dikutip semasa banci termasuk warganegara tidak dirujuk kepada sebarang dokumen rasmi. Selain itu, mengikut rekod Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia, jumlah penganugerahan kewarganegaraan Malaysia kepada pemohon yang mengemukakan permohonan warganegara Malaysia di negeri Sabah dari tahun 1970 hingga 2010 hanyalah seramai 29,136 orang.

Manakala bagi kategori bumiputera lain, ini masih lagi merujuk kepada kumpulan bumiputera bertaraf warganegara Malaysia yang tinggal di Sabah tetapi dikira secara berkelompok. Antara etnik termasuk di bawah kategori ini adalah Balabak, Molbok, Bisaya, Bolongan, Ida'an, Irranun, Kedayan, Lundayuh, Lundayeh, Orang Sungai, Sunggoi, Rungus, Suluk, Tidong dan sebagainya.

Perlu diambil maklum lagi bahawa semua maklumat yang dikutip semasa bancian tahun 2010 termasuk kumpulan etnik yang warganegara adalah mengikut responden sendiri. Oleh yang demikian, maklumat yang tersebut adalah berdasarkan kepada jawapan responden sendiri dan tidak dirujuk kepada sebarang dokumen rasmi.

Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Limbang, Yang Berhormat Tuaran juga ingin mengetahui sama ada cadangan agar kerajaan mengeluarkan kad pengenalan khas untuk orang-orang Sabah dan menyemak semula pemegang-pemegang kad pengenalan melalui projek IC serta menarik balik semua kad pengenalan yang diperoleh secara haram oleh pendatang tanpa izin iaitu PATI.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berhubung dengan cadangan untuk pengeluaran semula kad pengenalan kepada semua penduduk Sabah, kerajaan mengambil maklum bahawa cadangan tersebut perlulah ditangani secara berhemah. Hal ini kerana adalah menjadi tanggungjawab kerajaan juga untuk memastikan bahawa apa jua pelaksanaan cadangan tidak akan mengugut keselamatan, ketenteraman awam, kelangsungan dan kesejahteraan rakyat negeri Sabah.

Pandangan ini juga mengambil kira ulasan dalam Laporan Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah yang menyebut bahawa cadangan seumpama yang pernah dikemukakan beberapa orang saksi sebelum ini tidak meneliti akibat-akibat dari segi perundangan dan Perlembagaan yang mungkin timbul kepada cadangan berkenaan. Laporan tersebut turut menyentuh bahawa terdapat risiko seperti kerumitan daripada segi perundangan. Suruhanjaya Siasatan juga ada mengetengahkan pandangan bahawa terdapat di kalangan saksi-saksi yang memberi cadangan seumpamanya tidak dapat menyediakan butiran-butiran terperinci bagi mekanisme pelaksanaan cadangan tersebut.

Walau bagaimanapun, selaras dengan tanggungjawab yang telah diberi kepada jawatankuasa ini, maka kerajaan terbuka untuk menerima cadangan baru untuk menyelesaikan isu warga negara asing termasuk masalah kebanjiran pendatang asing tanpa izin di Sabah. Ini boleh dikemukakan melalui Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Warga Asing di Sabah.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak menganugerahkan kewarganegaraan Malaysia kepada pendatang asing tanpa izin kerana mereka tidak mempunyai kelayakan untuk memohon pertimbangan kewarganegaraan Malaysia kerana keberadaan mereka di negara ini adalah secara tidak sah.

Yang Berhormat Ipoh Barat pula membangkitkan isu kewarganegaraan 350,000 orang masyarakat India di negara ini yang masih tidak dapat diselesaikan. Adalah dimaklumkan bahawa kementerian ini tidak ada menerima senarai 350,000 orang masyarakat India yang dikatakan masih mempunyai masalah kewarganegaraan.

Berdasarkan Program MyDaftar yang telah dilaksanakan daripada 9 Februari 2011 hingga 26 Februari 2011, didapati hanya 9,529 orang India yang tampil mengemukakan permohonan dan meminta nasihat berhubung dokumen pengenalan diri mereka. Dalam hal ini, perlu diambil maklum bahawa kementerian tidak menghalang mana-mana individu yang

memenuhi syarat yang termaktub dalam Bahagian Ketiga Perlembagaan Persekutuan untuk memohon kewarganegaraan Malaysia di mana-mana Pejabat Cawangan Pendaftaran yang berhampiran.

Walaupun bagaimanapun, perlu dijelaskan bahawa penganugerahan kewarganegaraan Malaysia kepada warga asing merupakan anugerah tertinggi yang sangat bernilai kepada Kerajaan Persekutuan, tidak ditawarkan dan dianugerahkan dengan sewenang-wenangnya. Oleh itu, kerajaan akan membuat pertimbangan dan penelitian yang terperinci ke atas setiap permohonan dan kewarganegaraan Malaysia hanya akan dianugerahkan kepada individu yang benar-benar layak.

Dalam hal ini, perlu difahamkan bahawa bebanan bukti yang menunjukkan bahawa pemohon yang benar-benar layak untuk dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia adalah menjadi tanggungjawab individu itu sendiri.

Selain itu, bagi memudahkan masyarakat mengemukakan dokumen pengenalan diri, beberapa inisiatif telah diambil oleh Jabatan Pendaftaran Negara seperti berikut:

- (i) Mengadakan program *outreach* yang merangkumi program MyDaftar, program turun padang, program pendaftaran penggerak oleh unit khas bergerak Sabah dan Sarawak untuk memudahkan penduduk di kawasan pedalaman serta unit *mobile* Semenanjung Malaysia;
- (ii) membuka kaunter-kaunter ibu pejabat pendaftaran negeri-negeri cawangan Pusat Transformasi Bandar (UTC), Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) di setiap negeri hari Isnin sehingga hari Ahad; dan
- (iii) mengadakan hari bertemu pelanggan Kementerian dalam Negeri dan Jabatan Pendaftaran Negara.

Oleh itu, untuk menggalakkan penyertaan semua, Ahli-ahli Yang Berhormat adalah dialu-alukan untuk memanjangkan maklumat ini kepada mereka yang berkenaan.

Selain itu, mengenai dakwaan Ahli Yang Berhormat Ipoh Barat bahawa terdapat 350,000 orang masyarakat India yang menjadi *stateless*, sukacita sekiranya Yang Berhormat dapat mengemukakan maklumat terperinci individu berkenaan bagi membolehkan kementerian ini mengambil tindakan selanjutnya.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Sebenarnya angka 350,000 bukan saya ambil dari *thin air*. Itu adalah dari NGO-NGO di negara ini yang telah mengemukakan beberapa kali dan mengatakan ini adalah sebanyak 350,000 orang yang tidak mempunyai kad pengenalan biru atau menjadi warganegara Malaysia .

#### ■1230

Asasnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya, walaupun ada inisiatif-inisiatif yang dikatakan daftar baru, turun bawah dan sebagainya, tetapi bila mereka mohon, ada macam-macam kesusahan untuk mereka memperolehi kewarganegaraan. Di antaranya, mengambil masa sangat lama. Saya ada satu kes di kawasan saya sendiri, dia dilahirkan masa pada tahun yang sama dengan saya. Dia ada *red IC*. Sampai sekarang dia tidak dapat kewarganegaraan. Beberapa *interview* telah dijalankan, dia dinafikan dan anak-anak mereka pun, anak dia pun telah berkahwin. Ini bukan satu kes spesifik yang luar biasa tetapi *on average*. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, kalau kita katakan kewarganegaraan, tidak perlu pergi jauh saya sendiri tidak ada kewarganegaraan semasa mendapat IC. *I'm also affected by the system of UMNO*. Bila saya dapat IC merah, selepas itu memohon mendapat IC biru, kewarganegaraan.

Kalau saya- *I went through the process*. Nasib baik dalam estet saya, ada kemudahan-kemudahan yang tertentu, maka saya dapat IC biru, menjadi warganegara, dan dapat menjadi Ahli Parlimen, berada di sini untuk menanya soalan kepada seorang dari Sarawak. Ini semua kerana kejadian-kejadian yang luar biasa, tetapi pada hakikatnya, ramai di antara orang menghadapi masalah ini. Jadi khusus Yang Berhormat, *get use your open hearted, must get down to the ground*, menolong mereka, dan Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa, kalau Yang Berhormat Ipoh Barat ada, tolong kemukakan,

senang saya. Bagi kerajaan kepada kita, kita boleh buat selesaikan. Itu tak ada hal- dalam 100 hari.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Tuan Yang di-Pertua mohon *just* jadi tambahan lagi satu...

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar [Santubong]:** Yang Berhormat kalau panjang ucapan saya...

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Tidak saya sedikit sahaja. Saya tambah sedikit sahaja. Sebab ini yang memohon ini warganegara, Sabah *I think* yang paling banyak sebab yang bapanya warganegara mama bukan. Jadi anak-anaknya tidak boleh memohon kewarganegaraanlah, tetapi masalahnya di sini, kita yang anak itu, telah berulang-ulang kali mohon tetapi tidak lulus. Akan tetapi sampai sekarang, sudah 21 tahun, kita pergi jumpa pegawai, pegawai bilang, "*Oh! Ini sudah tidak boleh mohon.*" Akan tetapi sebelum ini dia pergi mohon. Jadi, bagaimana dia sudah mohon daripada usia 12 tahun, sampai sekarang mahu masuk 10 tahun tetapi sudah beberapa kali *reject*. Akan tetapi sekarang pegawai beritahu kita, kalau dia sebelum umur 21 tahun, dia boleh - pakai 15A, dia bilang. Kalau begitu, dia sudah 10 tahun memohon- berulang-ulang kali mohon tetapi tidak kasi lulus, kasi *reject* tetapi sekarang sudah sampai umur 21 tahun, dia bilang, "Boleh mohon. Kenapa tidak dari awal?" Jadi bagaimana bah? Harap Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan ini.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya penjelasan semuanya ada dalam Perlembagaan Malaysia. Jadi sistem kalau- pertama sama ada perkahwinan di antara suami-isteri itu telah dilaporkan kepada pendaftaran. Kalau tidak dilapor perkahwinan ini, dan tidak ada rekod di Jabatan Pendaftaran Negara, maknanya perkahwinan itu telah berlangsung di luar negara ataupun dengan orang asing, anak itu lahir, mengikut ibu dia. Kalau lahir mengikut ibu dia. Makna kalau ibu dia orang Indonesia, Indonesialah anak itu. Kalau ibu dia Filipina, Filipinalah anak itu. Ini masalah yang banyak berlaku di Sabah Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab perkahwinan kadang-kadang tidak berdaftar.

Walaupun undang-undang kita mengiktiraf perkahwinan adat, seperti di Sarawak dan juga di Sabah itu, diiktiraf oleh Perlembagaan, dan Perlembagaan Persekutuan, tetapi pelaporan perkahwinan tidak dilaksanakan. Jadi dia mengikut garis panduan Perlembagaan. Jadi inilah telah merumitkan. Jadi permohonan adalah berlainan. Kalau dia berlaku kepada anak ini- kalau dia melebihi umur- lagi satu di bawah Perlembagaan, satu peraturan yang lain. Dia punya SOP, tiap-tiap permohonan itu berlainan Tuan Yang di-Pertua, mengikut umur dan mengikut status kelahiran itu sendiri. Ini saya memahami kerumitan-kerumitan ini dihadapi oleh pihak masyarakat.

Jadi Yang Berhormat, kepada Yang Berhormat Ipoh Barat tadi, saya mudahkan. Bukan saya kata oleh sebab permohonan ini daripada Yang Berhormat Ipoh Barat boleh dilihat. Saya melihat contoh yang dibuat oleh ramai Wakil Rakyat yang telah menghantar permohonan kepada saya, yang saya minta Jabatan Kajian kaji semula sama ada permohonan ini telah ditolak ataupun belum ditolak, ataupun permohonan yang baru yang dihantarkan kepada saya. Saya beri arahan kepada pihak agensi tertentu untuk membuat *screening* mengikut prosedur-prosedur yang tertentu di bawah Perlembagaan dan perundangan yang ada pada kita sekarang ini. Jadi saya mohon kerjasama dengan Yang Berhormat. Jadi saya tidak hendaklah mempolitikkan perkara ini. Kalau untuk memudahkan rakyat, biarlah kita mengetepikan soal politik Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Timbalan Menteri ...

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Jadi hantarkan permohonan itu sama ada ke pejabat saya, ataupun ke pejabat pusat khidmat saya di pejabat saya di sini ataupun dihantarkan ke Parlimen ini, kepada saya. *Insya-Allah* kalau ada kelemahan dari sudut pengisian borang-borang itu nanti pegawai saya boleh membantu Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Timbalan Menteri minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Tadi Timbalan Menteri ada menyebut bahawa di bawah Program MyDaftar yang dilancarkan beberapa tahun yang lalu, didapati bahawa lebih kurang 9,000 daripada kalangan masyarakat India telah tampil ke hadapan untuk membuat permohonan kewarganegaraan.

Saya hendak dapatkan maklumat tambahan berkaitan dengan perkara ini. Setakat ini berapakah orang yang telah mendaftarkan di bawah MyDaftar ini telah pun mendapat kewarganegaraan? Dan berapakah yang masih dalam proses? Minta penjelasan daripada Timbalan Menteri.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya sebut tadi 9,529 orang India tampil mengemukakan permohonan, dan minta nasihat berhubung dokumen pengenalan diri. Bukan semuanya 9,000 itu adalah permohonan Tuan Yang di-Pertua. Ada yang bertanya, datang ke pejabat bertanya macam mana untuk memohon, dan ada juga yang bertanya, dapat tidak saya menjadi warganegara dan sebagainya. Permohonan dan pertanyaan khidmat nasihat ini termasuk dalam ini, kerana rekod kita menunjukkan begitu. Bukan semuanya telah memohon Tuan Yang di-Pertua, tetapi sebenarnya Tuan Yang di-Pertua saya...

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Timbalan Menteri jadi berapa yang sebenarnya telah memohon?

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat sebenarnya semalam saya minta pegawai saya untuk memberi pecahan kepada jawapan 9,529 ini untuk diberi kepada saya. Saya telah menyangka Yang Berhormat, ada orang akan bertanya soalan ini nanti. Jadi *in shaa-Allah*, saya akan maju kepada Yang Berhormat jawapannya secara terperinci mengikut pecahan yang telah disebutkan tadi.

Okey Yang Berhormat, ada di sini baru sampai semalam saya minta, pagi semalam pagi kelmarin. Permohonan sebanyak 6,527. Permohonan tidak lengkap - 1,980; permohonan lengkap - 4,547; dilulus - 4,177; dan ditolak - 3,370 sahaja ditolak Yang Berhormat. Makna sebahagian besar yang permohonan 6,527 itu ditolak, yang lain itu yang bertanya kelewatan kelahiran, pindah sijil lahir, anak-anak angkat, perkahwinan, kad pengenalan dan termasuk ada orang yang berkahwin dua Yang Berhormat.

Dia kahwin satu lepas itu dia tidak beranak kerana mandul ataupun sebagainya dia cuba hendak kahwin dengan perempuan lain. Bila dia dapat dengan kahwin lain ini beranak. Lepas itu dia hendak minta anak ini supaya jadi anak dia. Akan tetapi khususnya dalam undang-undang bukan agama Islam, tidak boleh berkahwin dua, dia kahwin satu sahaja. Makna perkahwinan yang kedua itu adalah tidak sah dengan sendirinya anak kalau dia kahwin dengan orang dari India jadi anak India, kalau dia kahwin dengan orang dari China jadi anak China Yang Berhormat.

Saya sebut anak China, anak India ini bukan orang Malaysia Yang Berhormat maknanya betul-betul orang China, dan orang India.

Jadi itulah masalah yang kita kadang-kadang dapat. Datang ke pejabat kita berjumpa. Jadi Yang Berhormat Beruas, sila.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada segi undang-undang, kita hanya ada dua jenis *citizenship*- kewarganegaraan. Satu *by operation of law* dan satu melalui permohonan. Jadi kalau *by operation of law* memang Perlembagaan Persekutuan kita sudah jelas, siapa berhak untuk mendapat kewarganegaraan. Akan tetapi masalahnya ialah daripada pengalaman kami, didapati kerajaan lambat sangat ataupun kes-kes yang memang mesti diberikan kewarganegaraan, kerana budak itu memang orang Malaysia, duduk di Malaysia, tidak ada lain lagi negara yang boleh mereka pergi.

#### ■1240

Permohonan mereka ditolak banyak kali terutamanya kes di tangan saya ada beberapa kes di mana orang India dianakangkatkan oleh orang Cina kerana zaman dahulu mereka tak melalui cara undang-undang pergi mahkamah, mereka masukkan terus nama ibu bapa Cina dan apabila mereka sampai umur 12 tahun, didapati kulit anak itu lebih hitam daripada ibu bapa. Sampai hari ini mereka tidak dapat menjadi warganegara dan tidak dapat juga status *permanent resident* ataupun *red IC* tetapi diberikan kad hijau. Mereka tak tahu apa nak buat dengan *their life*. Jadi, masalah ini mesti diselesaikan padahal mereka memanglah anak orang India orang Malaysia tetapi dulu caranya dibuat secara tak formal melalui undang-undang. Kita mesti selesaikan kes-kes ini.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya faham. Saya berjumpa sendiri keluarga yang disebut oleh Yang Berhormat Beruas. Saya tak payahlah sebut nama keluarga itu dan anak itu. Apabila keluarga ini suami isteri ini pergi ke hospital 15 tahun yang lepas Tan Sri, ini cerita benar berlaku. 15 tahun yang lepas berjumpa dengan seorang kawan doktor, keluarga ini keluarga Cina dan ada anak tersadai di atas buaian yang tak ada tahu ibu bapa dia. Jadi doktor itu kata, kata dia, *'Eh cuba you tengok anak. Cantik betul budak ini, sayang. Ambillah, you tak ada anak-anak'*. Jadi keluarga ini pun ambillah anak itu bawa kembali ke rumah dia sehinggalah umur 14 tahun. Sewaktu anak itu berumur 13 tahun, dia memohon kad pengenalan tetapi anak itu diberi nama Lee Kim Shim umpamanya, minta maaf nama itu nama *factitious*. Dia nama anak Cina tapi bila lahir nanti muka dia betul-betul macam anak orang India.

Kulit pun gelap sedikit daripada keluarga itu sendiri. Jadi pihak pendaftaran memang tidak boleh menerima hakikat. DNA pun berlainan, semua berlainan. Jadi dalam keadaan sedemikian, ditolak tiga kali Tuan Yang di-Pertua hingga keluarga itu berjumpa dengan saya. Jadi saya nasihatkan keluarga itu pergi berjumpa dengan peguam, angkatkan anak ini sebagai anak angkat menerusi mahkamah supaya *Guardian Ad Litem* dia dilantik daripada orang yang kementerian, bukan daripada ibu bapa dia. Yang Berhormat faham apa yang saya sebut itu.

Lepas itu pengangkatan itu dah dibuat, sekarang proses untuk mengangkat anak ini dah diluluskan oleh mahkamah dan hanya tinggal satu lagi kewarganegaraan dia masih diproses. *Insyah-Allah* kita akan luluskan juga, Tuan Yang di-Pertua. Jadi Tuan Yang di-Pertua, memang prosesnya panjang tetapi kita mesti mengetahui macam mana dia dilaksanakan. Saya menerima hakikat bahawa kadang-kadang pegawai sendiri pun dan prosedur ini adalah di luar garis panduan yang ada di hadapan mereka. Jadi dalam keadaan sedemikian, Yang Berhormat boleh menasihatkan keluarga-keluarga sedemikian ini untuk mendapatkan kewarganegaraan mereka. Jadi, Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Mengenai isu ini Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya sambung. Memang budak yang dikatakan memohon untuk keluarga dan memohon untuk kewarganegaraan untuk anak ini sudah lebih 10 tahun mohon tetapi ditolak berkali-kali sehinggalah sekarang ibu bapa pun sudah meninggal dan budak ini sudah menjadi orang dewasa. Jadi inilah masalahnya. Kenapakah pihak kerajaan berkali-kali menolak permohonan sedemikian padahal kita tahu inilah budak daripada kecil lagi membesar dengan keluarga ini dan tidak memberikan apa-apa masalah kepada negara.

Jadi kes yang saya sudah pun bangkitkan dalam Parlimen, sampai hari ini dia tak tahu apa dan mana nak pergi. Ada harta ibu bapa yang hendak diberikan kepada beliau, beliau tidak boleh daripada segi undang-undang terima kerana dia tidak ada kewarganegaraan dan dia bukan orang kita katakan *permanent resident*. Dia tak tahu bagaimana nak hidup lagi. Jadi saya nak minta satu penyelesaian dalam kes-kes sedemikian.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Yang Berhormat mengetahui kes ini adalah kes spesifik, saya berharap Yang Berhormat bawa orang ini sama berjumpa saya, *insya-Allah* saya boleh bagi nasihat macam mana untuk membantu. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi, keluarga yang saya sebut itu masih dalam proses. Saya cukup yakin dalam masa dua-tiga bulan, dia punya surat kelulusan untuk menjadi warganegara Malaysia dan menjadi anak angkat kepada keluarga si Lee itu tadi akan dilaksanakan.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Sekejap, sikit sahaja. Minta, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pasal warganegara juga?

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Ya, ya pasal kewarganegaraan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mengenai proses untuk mendapat kewarganegaraan dan dokumen sebagainya, saya agak bila Timbalan Menteri sendiri kata bila berjumpa Timbalan Menteri barulah nampak jalan apa yang nak buat. Kebanyakan mereka yang minta ini tak tahu *what are the steps to be taken*. Tidakkah ada satu khidmat nasihat bagi mereka *sincerely try to help them* Timbalan Menteri, untuk membantu mereka untuk mendapatnya. Setiap kali kita dengar kekecewaan ini kerana bila pergi kepada Jabatan Pendaftaran Negara, mungkin tidak ada orang yang boleh memberi dan menunjukkan jalan *what to do, what's next* dan berapa peratus

kemungkinan untuk mereka mendapat ini ataupun *whatever you do, there's no way you can become* warganegara. Macam mana?

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya menerima baik cadangan Yang Berhormat. Saya akan nasihatkan pegawai pendaftaran saya untuk mengetahui mekanisme-mekanisme yang saya sebutkan tadi. Ada satu kisah Tuan Yang di-Pertua yang saya sebut itu betul, kisah betul berlaku. Keluarga mandul 12 tahun kahwin tak ada anak. Jadi suami bertanya dengan isteri, boleh tak saya kahwin dua? Isteri kata kalau *you* nak dapat anak, bolehlah kahwin dua tetapi dia tak sedar undang-undang menghalang dia kahwin dua oleh kerana bukan orang Islam. Jadi dia berkahwin lagi dengan China *doll* dan dapat seorang anak. Dapat seorang anak lepas itu nak daftar atas nama dia tak didapati oleh kerana perkahwinan yang kedua itu adalah tidak sah daripada sudut undang-undang Malaysia. Jadi dengan sendiri anak itu adalah mengikut ibu dia kerana Perlembagaan kita sebagai anak orang Cina dari negara China, jadi dengan sendirinya tak dapat.

Jadi saya nasihatkan dia balik *you* dengan isteri *you* ke rumah dan beri nasihat ini dengarkan, *you* dengan isteri *you* minta angkat anak ini. Anak *you* dengan China *doll* ini angkatkan dan kalau disetujui tiga pihak iaitu isteri yang nombor dua bersetuju anak ini diangkat oleh suami ini bersama dengan isteri nombor satu dan selepas itu baru kewarganegaraan boleh kita bincangkan. Akan tetapi malangnya Tuan Yang di-Pertua, yang isteri nombor dua itu bawa anak itu balik ke negeri China, dia kata dia dah sayang dah, tak jadi nak bagi. Jadi tak dapatlah.

Jadi kita bagi nasihat. *Sometimes* Yang Berhormat, *we have to walk extra miles and do the extra hours to give* khidmat nasihat kepada masyarakat supaya mendapatkan perkara-perkara yang terbaik untuk masyarakat. *Insya-Allah* saya terima nasihat Yang Berhormat Kota Raja.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang amat penting lagi Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Seputeh yang berada dalam Dewan sekarang bertanya apakah status pelaksanaan berkaitan dengan pengumuman yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri pada 8 April 2015 berhubung penubuhan agensi di bawah MAMPU untuk menguruskan pembaharuan permit kerja asing demi memecahkan monopoli MyEG Services Berhad. Jadi, untuk makluman Yang Berhormat, saya ada petikan, Tuan Yang di-Pertua [*Menunjukkan petikan di tangan beliau*]. Itu gambar saya, *handsome* juga nampaknya. Wan Junaidi berkata sistem NERS dan MyEG adalah dua sistem yang berbeza, gambar fail itu. "Kuala Lumpur - kerajaan sedang mengkaji alternatif baru bagi menggantikan MyEG untuk proses pembaharuan permit pekerja asing bagi mengelak berlakunya monopoli. Menurut Timbalan Menteri Dalam Negeri, Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata syarikat baru adalah di bawah unit Pembangunan Pentadbiran Perancangan Pengurusan (MAMPU). Oleh itu, kerajaan sekarang sedang meneliti atau alternatif kepada MyEG ini di bawah MAMPU dan oleh kerajaan."

Jadi ini masih dalam peringkat kajian. Jawapan yang terkini ialah Yang Berhormat, kajian ini masih diteruskan untuk melihat macam mana boleh MAMPU melaksanakan satu lagi sistem yang boleh sebagai alternatif ataupun bersama dengan MyEG. Jadi kajian ini belum siap dan pada masa sekarang ini, MyEG masih diguna pakai sebagai yang terbaik dan kita tidak boleh mengelak Tuan Yang di-Pertua, menggunakan sistem teknologi yang canggih ini kerana memang telah diramalkan 30 tahun yang lepas pada satu ketika nanti semua sistem fizikal yang dilaksanakan oleh manusia ini akan digantikan dengan sistem-sistem alternatif teknologi canggih masa hadapan.

#### ■1250

Ini Jacquard cakap tahun 1985 dahulu dan ini menjadi satu realiti sekarang. Yang Berhormat Seputeh sila.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memang ikut ucapan saya. Sebenarnya, isu yang dipertikaikan oleh orang ramai ialah selama ini kita ada agensi yang menguruskan semua permit pekerja, yang tolong orang uruskan semua ini. Sekarang mereka ini semua hilang kerja dan tiba-tiba kerajaan pergi *outsourc*e. Menswastakan perkhidmatan yang sepatutnya dilakukan oleh imigresen kepada satu syarikat monopoli.

Jadi orang hendak tahu mengapakah monopoli ini diberikan kepada MyEG. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya juga ada sebut beberapa kes yang mana mereka mendapati yang MyEG *delivery system* ini lebih teruk daripada imigresen dan ia juga mengakibatkan pihak majikan kena bayar denda kepada pihak polis kerana yang mereka sudah hantar kepada MyEG sudah satu bulan masih belum dapat lagi. Hari itu bila saya pergi melawat ke Jabatan Imigresen di Putrajaya, ada salah seorang pemilik agensi pekerjaan dia kata dahulu kalau hendak memperbaharui permohonan permit untuk *maid* atau pembantu rumah, setengah hari sudah cukup. Sekarang satu minggu pun belum dapat permit semula kerana MyEG pergi buat semua kerja yang agensi pekerja asing ini buat. Jadi soalan saya ialah kenapakah kita *outsources immigration service* kepada satu syarikat dan dijadikan sebagai monopoli?

**Dato Seri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya Yang Berhormat Seputeh menyoal jawapan yang masih belum saya baca sebab itu permulaan menjawab Yang Berhormat Seputeh tadi.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, dalam pelaksanaan MyEG ini yang telah mengambil kira semua pandangan dan maklum balas yang diterima daripada pelbagai pihak terutamanya golongan majikan, para pekerja dan orang awam dalam memastikan satu kaedah terbaik dikenal pasti memelihara kepentingan semua pihak. Setelah penelitian dan pertimbangan dibuat kerajaan telah bersetuju agar kadar perkhidmatan yang dikenakan untuk perkhidmatan-perkhidmatan berkaitan tidak perlu dibayar oleh majikan dan dilaksanakan secara menyeluruh bermula 2 Mei 2015.

Pelaksanaan penyeragaman pembaharuan Pas Lawatan Kerja (PLKS) untuk semua sektor pekerja asing menerusi perkhidmatan atas talian ataupun MyEG secara dasarnya adalah untuk menangani isu penyelewengan dan persepsi negatif terhadap Jabatan Imigresen, meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan dan pengurangan kesesakan di pejabat-pejabat imigresen. Dalam pelaksanaan sistem MyEG kuasa pertimbangan dan meluluskan adalah di bawah kuasa tanggungjawab Jabatan Imigresen itu sendiri sepenuhnya. MyEG hanya bertindak sebagai perkhidmatan *front line* untuk memudahkan urusan dengan orang awam.

Pelaksanaan ini diharapkan dapat membuktikan keupayaan untuk meningkatkan kemudahan dan nilai tambah kepada pengguna dan pihak pekerja. Pihak kementerian sentiasa prihatin dan penguatkuasaan pekerja asing dan akan memastikan penambahan secara berterusan. Walau bagaimanapun, kerajaan turut dan sedang meneliti apa yang disebutkan tadi, meneliti beberapa cadangan daripada beberapa syarikat untuk memberikan perkhidmatan seumpamanya yang disediakan oleh MyEG. Penilaian terhadap cadangan-cadangan ini sedang dibuat berdasarkan aspek teknikal, keperluan keselamatan dan keupayaan syarikat serta perlu memenuhi syarat-syarat yang ditentukan oleh pihak kerajaan.

Yang Berhormat Seputeh juga bertanya mengapa kerajaan tidak melaksanakan pengumuman yang dibuat oleh Yang Berhormat Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Jabatan Perdana Menteri berhubung pembukaan kaunter Imigresen untuk pembaharuan permit pekerja asing dan penyerapan RM35 pemprosesan dikenakan oleh MyEG. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kaunter Imigresen masih dibuka untuk memproses pembaharuan Permit Lawatan Kerja Sementara yang bermasalah. Manakala bagi pembaharuan PLK yang tidak mempunyai masalah, kerajaan telah memutuskan supaya ia di *counter* secara *online* melalui syarikat yang dilantik.

Berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat berkaitan dengan prosedur pembayaran balik amaun kutipan hasil daripada pembaharuan permit pekerja asing sebanyak RM3.15 bilion daripada MyEG kepada pihak kerajaan, kutipan hasil tersebut diremitkan seterusnya secara talian atau *online*. Yang Berhormat Seputeh turut bertanya mengapakah kerajaan menyerahkan perkhidmatan yang mendatangkan pendapatan sebanyak RM73.6 juta setahun kepada sebuah syarikat iaitu MyEG Servis Bhd. dan tidak dilakukan sendiri oleh pegawai imigresen. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan penyeragaman pembaharuan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) untuk semua sektor pekerja asing menerusi perkhidmatan atas talian oleh MyEG secara dasarnya adalah untuk menangani isu penyelewengan dan persepsi negatif terhadap Jabatan Imigresen Malaysia, meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan dan mengurangkan kesesakan di pejabat imigresen.



Dalam pelaksanaan sistem MyEG, kuasa pertimbangan dan meluluskan adalah di bawah kuasa tanggungjawab JIM sepenuhnya. MyEG hanya bertindak sebagai perkhidmatan *front line* untuk memudahkan urusan dengan orang awam. Yang Berhormat Seputeh juga bertanya berhubung dengan dokumen majikan pekerja yang asing merupakan dokumen sulit, sama ada kakitangan MyEG dilatih untuk menjalankan urusan tersebut serta mengikut *standard operating procedure* Jabatan Imigresen dari segi pemrosesan PLK pekerja asing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat majikan hanya boleh diguna bagi tujuan pembaharuan PLK sahaja. Setiap pegawai MyEG yang berurusan dengan Jabatan Imigresen Malaysia wajib melepasi tapisan keselamatan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Malaysia. Pengeluaran PLKS melalui permohonan secara *online* adalah tertakluk kepada SOP dan syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Manakala setiap kakitangan MyEG yang mengurus pembaharuan PLKS hendaklah lulus tapisan keselamatan daripada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia dan perlu melalui SOP yang ketat.

Jabatan Imigresen Malaysia tidak akan berkompromi terhadap penyelewengan kuasa dan korupsi oleh pekerja MYEG. Selain itu, terikat dengan *Integrity Pact* sebagaimana yang digariskan oleh Kementerian Kewangan bagi setiap perolehan kerajaan maka tuduhan Yang Berhormat Seputeh mengenai sama ada kerajaan membenarkan penyelewengan kuasa korupsi berlaku melalui pekerja MyEG adalah tidak benar. Yang Berhormat Seputeh bertanya mengapa MyEG dibenar untuk mengeluarkan *special pass* sedangkan mengikut Akta Imigresen hanya pegawai imigresen sahaja dibenarkan mengeluarkan *special pass* kepada pekerja asing adalah peruntukan undang-undang yang diguna pakai oleh MyEG. Sekali lagi tuduhan Yang Berhormat tidak benar. MyEG tidak pernah diberikan kebenaran untuk mengeluarkan *special pass*. Pengeluaran *special pass* hanya boleh dibuat di kaunter Imigresen Malaysia.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri pergi ke kaunter imigresen tengah hari kelmarin untuk melihat sendiri bahawa memang perlu borang itu di *sign* oleh pegawai imigresen dan diproses oleh pegawai imigresen sendiri Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan isu tambahan RM100 sebagai fi *special pass* oleh MyEG kepada sebuah kilang di Johor baru, *special pass* tersebut hanya dikeluarkan bagi kes PLKS yang telah tamat tempoh. Yang Berhormat Seputeh juga membangkitkan kes Construction Labor Exchange Berhad (CLAB) yang terpaksa membayar kompaun atas *overstay* bagi pekerja mereka kepada Jabatan Imigresen demi mendapat permit baru juga CLP menghadapi masalah pemulangan fi kepada MyEG.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat permohonan daripada CLP yang dikembalikan kerana didapati mempunyai senarai hitam dengan Jabatan Imigresen Malaysia. MyEG hanya memproses permohonan lanjut yang tidak bermasalah bagi mengelakkan *overstay* majikan serta dijangka supaya tidak memperbaharui PLK di saat-saat akhir.

Yang Berhormat Seputeh membangkitkan juga MyEG mengenai *motor boy* sebagai penghantar permit pekerja asing kepada pihak majikan sama ada *motor boy* ini akan menjadi pengeluar permit pekerja palsu PATI ataupun *overstay* di Malaysia. Ini kita nafikan Tuan Yang di-Pertua. Jam sudah pukul 1.00 dan sebagaimana yang saya janji tadi Tuan Yang di-Pertua supaya semua jawapan yang berikutnya kita hantar secara bertulis. Sebenarnya apa yang dikatakan dengan *motor boy* itu adalah *customer service officer* bagi pihak MyEG dan menerusi semua proses keselamatan kita laksanakan kepada tiap-tiap apa yang dikatakan Yang Berhormat tentang *motor boy* itu. Sebenarnya *customer service officer* bagi pihak MyEG. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan yang tidak dijawab itu saya hantar secara bertulis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat kita tangguhkan sehingga jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

**[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 petang]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat.*]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Giliran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Sila Yang Berhormat Menteri.

**2.32 ptg.**

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada setiap Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan pelbagai perkara dan isu di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semasa perbahasan Rancangan Malaysia Kesebelas. Kementerian amat menghargai segala pandangan, saranan, keprihatinan dan teguran membina daripada sembilan orang Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap perkara-perkara berkaitan yang telah dibangkitkan dan akan mengambil tindakan sewajarnya ke atas semua input berkenaan.

Izinkan saya menjelaskan perbahasan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Pengerang, Yang Berhormat Ampang, Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Titiwangsa, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Kulai, Yang Berhormat Batu Kawan dan Yang Berhormat Kota Raja. Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pengerang mengenai 30% orang wanita dalam sektor korporat. Dasar sekurang-kurangnya 30% orang wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat telah pun diumumkan oleh kerajaan pada tahun 2011.

Ia menggunakan *indicator*, pengukuran wanita yang berada di kedudukan Ahli Lembaga Pengarah di syarikat awam iaitu merangkumi syarikat tersenarai awam dan tidak tersenarai awam. Buat masa ini bagi syarikat tersenarai awam, kerajaan menggunakan *persuasive approach* menerusi *Malaysian Code on Corporate Governance 2012* untuk menggalakkan pihak syarikat meletakkan lebih ramai wanita sebagai Ahli Lembaga Pengarah. Selain itu penubuhan 30% buah kelab yang telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 8 Mei 2015 merupakan salah satu inisiatif untuk mencapai sasaran 30% penglibatan wanita di peringkat pengurusan tertinggi dan lembaga pengarah syarikat awam.

Melalui pendekatan kaedah *persuasive* ini, jumlah penempatan di peringkat pembuat keputusan di sektor korporat dapat dipertingkatkan di mana penubuhan kelab ini diharap akan mendapat *buy in* daripada sektor korporat untuk meningkatkan peratusan wanita di peringkat pengurusan tertinggi dan lembaga pengarah. Selain itu semasa pelancaran 30 Peratus Kelab Malaysia pada 8 Mei 2015, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan supaya syarikat berkaitan kerajaan membenarkan eksekutif mereka untuk memegang jawatan Ahli Lembaga Pengarah di syarikat tersenarai awam.

Pada masa hadapan, PLC juga perlu menyenaraikan dan mengumumkan komposisi dan diversiti Ahli Lembaga Pengarah Syarikat serta pengurusan tertinggi daripada segi gender, etnik dan umur dan perkara ini akan dipantau secara berkala oleh Bursa Malaysia. Program Pengarah Wanita dan pewujudan *Women Director Registry*, contoh komitmen kerajaan untuk terus menggalakkan pihak swasta terutamanya pengurus syarikat untuk memberi peluang kepada lebih ramai wanita yang berkecenderungan untuk memegang jawatan Pengarah Syarikat.

Pendekatan-pendekatan yang dinyatakan merupakan antara amalan terbaik global dan kerajaan belum bercadang untuk menguatkuasakan satu undang-undang berkenaan perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pengerang juga menyentuh, wanita dalam politik dan sektor swasta. Dasar wanita negara dan pelan tindakan pembangunan wanita yang digubal pada tahun 2009 telah menggariskan objektif dan strategi bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam peringkat pembuat keputusan dalam sektor politik dan sektor swasta.

Ia bertujuan membangunkan potensi dan mendaya upayakan wanita dalam semua sektor bagi memastikan pandangan serta suara wanita diterima pakai dalam proses

membuat keputusan di semua peringkat. Parti-parti politik yang merupakan *stakeholder* utama perlu mengambil perhatian dengan meningkatkan penyertaan wanita dalam bidang politik terutamanya di peringkat *entry point* iaitu sebagai calon pilihan raya.

Walau bagaimanapun, perlu diakui bahawa penyertaan wanita di Parlimen tertakluk juga kepada beberapa faktor lain iaitu keputusan pilihan raya bagi Dewan Rakyat dan pencalonan bagi pelantikan Senator bagi Dewan Negara. Yang Berhormat Ampang menyentuh masalah *Global Gender Gap Indexs*. *Global Gender Gap Indexs* dikira berdasarkan kepada empat kriteria iaitu pencapaian wanita dalam pendidikan, penyertaan sebagai tenaga produktif dalam ekonomi, *accessibility* kepada kemudahan kesihatan dan penyertaan dalam politik.

Sehubungan ini, Malaysia telah berjaya dalam pendekatan ekonomi dan kesihatan tetapi wajaran yang menyebabkan kedudukan negara jatuh ialah termasuk penyertaan dalam politik. Sehubungan itu, *gender mainstreaming* di kalangan parti-parti wajar diusahakan secara dalam supaya usaha memperkasa wanita dalam politik dapat dicapai. Dokumen RMKe-11 sememangnya mempunyai hala tuju, dasar yang menekankan elemen gender dalam semua aspek pembangunan negara.

Dengan pelaksanaan yang telah dirancang, kerajaan yakin skor negara akan semakin baik dari tahun-tahun sebelumnya. Bukan sahaja di *Global Gender Gap Indexs* dan *Malaysia Global Gender Gap Indexs* tetapi juga di indeks-indeks jurang gender yang lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Rantau Panjang bangun Yang Berhormat.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat. Saya ingin minta penjelasan, setakat ini daripada analisa yang telah dibuat oleh pihak kementerian, berapakah pencapaian kita setakat ini sebagai mana Yang Berhormat sebut sasaran kita mula capai 30%? Dan apakah perancangan kementerian untuk memastikan pencapaian indeks yang kita hendak capai ini dapat dilaksanakan dalam masa yang terdekat? Terima kasih.

■1440

Kalau kita membandingkan pencapaian wanita dalam PRU-13 dan PRU-12, calon bertanding pada PRU-13 iaitu 168 orang wanita, itu 8.8%. Kalau kita membandingkannya dengan PRU-12 iaitu 120 orang, iaitu sama dengan 7.5%, ada peningkatan yang amat besar. Apa status pencapaian dari sudut ekonomi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Parit Sulong bangun Yang Berhormat.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Saya belum habis lagi.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih, minta maaf. Akan tetapi saya rasa soalan saya hendak tambah ini ada kaitan sikit dengan apa yang tadi Yang Berhormat Rantau Panjang nyatakan. Sebab kalau kita hendak ikut, ini adalah satu dasar yang dibuat oleh pihak kementerian.

Sepatutnya kita mesti mencapai sasaran 30% ini selewat-lewatnya pada tahun 2016, tahun depan. Ini yang dikehendaki dalam akta agenda wanita. Saya berkata daripada aspek untuk menjadi Ahli Lembaga Pengarah. Jadinya, sudah semestinya kementerian sepatutnya ada satu hala tuju untuk menuju ke arah itu. Kalau Yang Berhormat boleh berkongsi dengan kita bagaimanakah dan apakah yang telah dibuat oleh kementerian dalam usaha untuk mencapai sasaran untuk mendapat 30% ini, kami harap dapat dikongsi di dalam Dewan ini. Terima kasih.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Parit Sulong. Sebenarnya tadi bila saya baca jawapan saya, saya telah pun sentuh beberapa perkara dan inisiatif telah pun diambil oleh kementerian iaitu termasuk 30% sasaran itu telah pun kita mengadakan. Itu satu inisiatif yang mana kita dapatkan sokongan daripada korporat supaya mereka ambil satu langkah atau *approach* iaitu *buy in approach*, supaya mereka letak, dan melantik lebih lagi wanita jadi Ahli Lembaga mereka.

Di samping itu, kita juga melalui program seperti *Career Comeback Program* untuk kita memastikan syarikat-syarikat ambil langkah-langkah atau tindakan untuk dapat atau

melantik lebih lagi kaum wanita dalam kerjaya. Di samping itu, memang di bawah kementerian, kita selalu mengkaji balik apakah itu langkah yang patut kita ambil. Dengan itu, kita juga mengalu-alukan cadangan-cadangan, sekiranya Ahli Parlimen ada cadangan yang baik, kita akan timbang. Bukan sahaja itu, kita juga mengadakan, mewujudkan lebih lagi taska supaya kita mewujudkan satu persekitaran yang lebih kondusif, mesra kepada wanita. Ini melalui inisiatif dan langkah-langkah dan pendekatan yang diambil oleh kementerian, kita rasa kita juga perlu bantuan daripada pihak swasta dan juga semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Rantau Panjang juga menyentuh sistem sokongan untuk wanita. Antara sistem sokongan yang disediakan bagi meningkatkan peranan wanita ialah:

- (i) pengecualian cukai 10% setahun bagi majikan di sektor swasta ke atas kos keseluruhan pembinaan atau pembelian bangunan untuk penubuhan taska di tempat kerja bagi tempoh 10 tahun;
- (ii) pengecualian cukai pendapatan bagi tempoh lima tahun dan elaun pembangunan industri pada kadar 10% setahun kepada pengusaha taska dan pusat jagaan kanak-kanak swasta;
- (iii) inisiatif kepada majikan dalam sektor swasta melalui pemotongan cukai sebanyak dua kali ke atas elaun atau subsidi yang diberikan kepada pekerja dan perbelanjaan penyelenggaraan kemudahan taska dan pusat jagaan kanak-kanak;
- (iv) pewujudan portal *flexiworklife.my* yang telah dilancarkan pada 8 Julai 2013 oleh TalentCorp dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Wanita melalui perkongsian bijak dengan pihak *The Star*. Portal ini berperanan sebagai jaringan bagi membantu majikan dalam mengoptimalkan bakat wanita melalui integrasi kerja dan kehidupan melalui dua pendekatan seperti berikut:-
  - a) memaparkan pekerjaan yang menawarkan *flexi job*;
  - b) amalan terbaik *flexi working arrangement* dan kemudahan yang mesra keluarga bagi rujukan dan kegunaan syarikat lain.
- (v) selain daripada itu, kita juga menyediakan inisiatif cukai bagi majikan menyokong pelaksanaan *flexible working arrangement* yang mengambil dan melatih semula wanita yang mengambil *career break* dan melaksanakan, meningkatkan lagi amaran FWA;
- (vi) memberi inisiatif cukai berganda dan geran bagi menggalakkan wanita untuk kembali kerja iaitu apa yang tadi saya sebut, *career comeback grant*. Kemudahan ini diberi kepada majikan yang berjaya mewujudkan persekitaran kerja yang *women friendly*; dan
- (vii) cuti bersalin bagi pekerja sektor perbankan di bawah Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Bank dipanjangkan kepada 90 hari melalui Ogos 2010.

Yang Berhormat Kota Raja menyentuh masalah program khusus untuk wanita dalam RMKe-11.

KPWKM berhasrat melaksanakan program-program khusus yang sesuai dengan keperluan wanita daripada berbagai-bagai kumpulan sasar melibatkan kerjasama strategik iaitu NBOS dengan pelbagai jabatan, agensi dan NGO.

Program-program tersebut berbentuk advokasi dan keusahawanan merangkumi:

- (i) wanita muda belajar sekolah dan mahasiswa institut pengajian tinggi;
- (ii) suri rumah;
- (iii) ibu tunggal; dan

- (iv) pegawai sektor awam dan swasta, dan juga bakal pesara sektor awam.

Sehubungan ini, kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita akan melaksanakan program-program seperti berikut:

- (i) *smart home manager* sebagai pembantu rumah, penyertaan, latihan keusahawanan di *Program One Maid*, melatih wanita sebagai *caregiver* bagi menguruskan perkhidmatan menjaga warga emas di rumah dan penubuhan *social enterprise* dalam perniagaan kerepek ubi, keropok dan menjahit baju bagi ibu tunggal dan suri rumah dalam kategori B40.

Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rantau Panjang bangun Yang Berhormat.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin penjelasan daripada apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi tentang inisiatif yang telah disediakan oleh kerajaan untuk membantu menggalakkan penglibatan wanita dalam sektor pekerjaan sama ada awam atau swasta.

Apa yang saya ingin penjelasan ialah, setakat ini dalam analisa kementerian, berapakah buah syarikat atau pun majikan yang telah menyediakan persekitaran yang mesra wanita ini? Jadi, saya kira perkara ini adalah sangat baik. Sejauh mana perkara ini telah diambil berat, terutama di bawah agensi-agensi kerajaan sendiri? Kita tidak mahu melihat suasana ini biar menekan. Saya bagi contohlah. Contoh apa yang terkini melibatkan pekerja-pekerja MAS. Bukan sahaja tak *friendly* wanita, ramai di antara mereka terpaksa menanggung kos tanggungan anak-anak dan sebagainya. Ada yang menangis, mungkin cukup tertekan, terutama kepada kakitangan wanita. Jadi sejauh mana perkara ini diambil perhatian oleh pihak kerajaan?

#### ■1450

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat. Mengenai masalah pekerja MAS, ia adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Pengangkutan. Namun begitu, apa-apa perkara yang terlibat dengan wanita, kementerian kita memang ambil berat dan kita akan sentiasa ambil perhatian jikalau ada yang perlukan bantuan daripada kementerian kita.

Untuk makluman Yang Berhormat, mengenai mana syarikat yang terlibat dalam program kita, inisiatif kita untuk— bagi contohnya, senarai ahli *Founding Chair* bagi 30% Kelab Malaysia termasuk, pertama, Tan Sri Megat Zaharuddin Megat Mohd Nor, Pengerusi Maybank; kedua, Tan Sri Jeffrey Cheah, Pengasas dan Pengerusi Kumpulan Sunway; dan Tan Sri Zarinah Anwar, Pengerusi *Malaysia Debt Ventures Capital Development Council*. Ini hanya untuk permulaan, dan kita yakin ada lagi banyak korporat akan ambil bahagian dalam projek kita ini.

Selain daripada itu, mengenai *flexi work*, sebuah syarikat yang amat berjaya dalam program ini adalah ExxonMobil. Saya tidak ada senarai sepenuhnya yang mana syarikat terlibat dalam program sebegini tetapi memang kita melalui kerjasama dengan Bursa Malaysia dan juga dengan syarikat atau korporat melalui *Directorship Program* kita juga kita akan meneruskan usaha kita untuk berbincang dan juga mempromosikan dan juga dapatkan sokongan daripada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Titiwangsa menyentuh masalah kajian semula kadar bantuan. Pendapatan garis kemiskinan (PGK) yang ditetapkan oleh pihak EPU, JPM dan digunakan sebagai asas pemberian bantuan kewangan JKM juga mengambil kira komposisi keperluan asas iaitu makanan dan bukan makanan bagi ahli isi rumah. Pengukuran PGK juga telah mengambil kira perbezaan harga mengikut kawasan dan negeri. Dalam masa yang sama, pihak KPWKM juga mengkaji syarat-syarat pemberian bantuan dari semasa ke semasa.

Sebagai makluman, falsafah pemberian bantuan kebajikan bukanlah untuk menampung sepenuhnya kos sara hidup seseorang. Sebaliknya, bantuan itu bertujuan untuk meringankan beban buat sementara waktu sehingga penerima bantuan dapat keluar daripada kepompong kemiskinan dan mampu hidup berdikari.

Setakat ini, kadar minimum bantuan tidak ditetapkan pada kadar RM300 kerana dalam beberapa keadaan tertentu, jumlah yang diperlukan adalah di bawah RM300. Contohnya, Bantuan Am Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, kadar yang boleh dipertimbangkan adalah antara RM80 hingga RM350 bagi menampung keperluan keluarga miskin yang tidak diliputi skim bantuan lain.

KPWKM sentiasa meneliti dan mengkaji syarat-syarat kelayakan pemberian bantuan kebajikan agar relevan dan bersesuaian dengan keperluan rakyat. Pada Januari 2008 misalnya, syarat kelayakan had pendapatan OKU yang bekerja telah dinaikkan daripada RM750 kepada RM1,200. Dengan kenaikan ini, lebih ramai OKU yang bekerja telah layak menikmati Elaun Pekerja Cacat (EPC). EPC yang terkini adalah sebanyak RM350.

Sementara itu, salah satu kriteria kelayakan am permohonan bantuan pendapatan keluarga yang tidak melebihi pendapatan garis kemiskinan. Namun, faktor-faktor lain juga diambil kira bagi mempertimbangkan suatu permohonan bantuan seperti bilangan anak tanggungan, tahap keupayaan, ketua atau ahli keluarga, kelengkapan rumah dan lain-lain faktor yang munasabah yang boleh memberi gambaran kedudukan kewangan pemohon.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Batu Kawan menyentuh masalah bantuan wang...

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rantau Panjang bangun lagi Yang Berhormat.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Minta maaf Yang Berhormat. Saya ingin tahu daripada segi jumlah bantuan am yang disebut oleh Yang Berhormat tadi antara RM80 hingga RM300 sebulan, sejak tahun bila lagi perkara ini dilaksanakan, dan adakah kajian dibuat? RM80 sangat kecil terutama bagi ibu tunggal yang miskin terutama di kawasan di luar bandar, adalah kajian untuk tingkatkan nilai bantuan.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Untuk makluman Yang Berhormat, bantuan am ini sebenarnya bantuan di bawah negeri. Dia bukan bantuan di bawah *Federal*. Akan tetapi, hanya untuk Wilayah Persekutuan, ia adalah di bawah *Federal*. Oleh itu, kadar bantuan am ini tertakluk kepada keputusan negeri masing-masing.

Bagi Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, kami memang sentiasa kaji. Sekiranya ada keperluan, kita akan mengkaji balik dan kita akan menaikkan. Saya tidak dapat memberitahu sejak bilakah itu, tetapi memang kita akan mengkaji beberapa tahun selepas kita menaikkan. Mungkin saya akan beri jawapan secara bertulis.

Yang Berhormat Batu Kawan menyentuh mengenai masalah bantuan wang segera. Bantuan segera kawasan Parlimen diberikan kepada keluarga miskin yang berpendapatan di bawah RM1,000. Kadar bantuan segera sekali gus dengan had maksimum adalah seperti berikut:

- (i) bantuan kematian sebanyak RM300;
- (ii) bantuan membaiki rumah akibat bencana sebanyak RM500;
- (iii) bantuan mangsa terdampar sebanyak RM200;
- (iv) bantuan kepada pesakit kronik sebanyak RM500;
- (v) bantuan kepada mangsa bencana sebanyak RM200; dan
- (vi) bantuan kepada keluarga miskin sebanyak RM200.

Walaupun begitu, pada tahun 2015, BKSP tidak lagi dapat diteruskan disebabkan tiada peruntukan di bawah program tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Titiwangsa menyentuh juga cadangan bantuan pembayaran sewa rumah. Tujuan pemberian bantuan kebajikan adalah bagi memenuhi keperluan asas kehidupan dan supaya penerima bantuan dapat meneruskan kelangsungan hidup. Buat masa ini, pihak kementerian belum bercadang untuk memperkenalkan bantuan pembayaran sewa rumah kerana bantuan kewangan sedia ada telah mengambil kira kos tersebut. Tambahan pula, terdapat juga agensi lain yang memberi bantuan sewa rumah seperti Pusat Zakat.

Yang Berhormat Lenggong menyentuh masalah orang kurang upaya. Kerajaan amat prihatin terhadap cabaran yang dihadapi oleh golongan orang kurang upaya terutamanya daripada segi peluang pekerjaan. Menyedari bahawa pekerjaan merupakan aspek penting bagi membolehkan seseorang individu termasuk OKU menjalani kehidupan yang berkualiti dan berdikari serta diintegrasikan dalam masyarakat, kerajaan telah memperkenalkan dasar 1% peluang pekerjaan di sektor awam kepada OKU pada tahun 1988.

Dasar 1% peluang pekerjaan ini telah diperkukuhkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2010 yang mula berkuat kuasa pada 15 Disember 2010. Dasar ini juga adalah selaras dengan objektif dan strategi Dasar OKU. Pencapaian dasar ini bergantung kepada permohonan yang dikemukakan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam atau melalui pengenalpastian oleh kementerian atau agensi di bawah kementerian.

Pelantikan OKU dalam sektor awam boleh dilaksanakan apabila calon memenuhi syarat-syarat lantikan yang ditetapkan dalam satu skim perkhidmatan, kesesuaian calon dengan bidang tugas jawatan serta kemudahan yang disediakan oleh agensi yang berkenaan. Berdasarkan rekod dari Jabatan Perkhidmatan Awam hingga bulan Disember 2014, seramai 3,741 orang penjawat awam dalam kalangan OKU sedang berkhidmat dalam pelbagai kumpulan perkhidmatan di pelbagai kementerian, jabatan, agensi kerajaan termasuk Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

#### ■1500

Dengan hasrat memperkukuhkan lagi kesejahteraan OKU, RMKe-11 menyasarkan peningkatan penyertaan OKU dalam sektor awam dengan mengisi lebih 16,000 jawatan dalam sektor awam melalui pertimbangan khas. Komitmen yang diberikan oleh kerajaan ini adalah yang menggalakkan integrasi serta penyertaan penuh dan efektif OKU dalam masyarakat. Seterusnya bersama-sama menyumbang kepada pembangunan negara.

Mengenai Program Bantuan OKU di dalam...

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kulai bangun.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Saya hendak tanya sedikit. Saya menyambut baik tentang cadangan Timbalan Menteri bahawa memang Kerajaan Pusat ada satu hasrat untuk memberi lebih peluang pekerjaan kepada OKU. Akan tetapi saya hendak tanya kalau ini polisi untuk membekalkan 1% peluang pekerjaan di sektor awam kepada OKU, sampai hari ini saya rasa tidak sampai 4,000 orang OKU yang sedang kerja untuk kerajaan.

Maksudnya sekarang saya rasa saiz untuk penjawat awam kita sekurang-kurangnya melebihi 1 juta. Jadi sepatutnya kita pada masa ini sepatutnya ada sekurang-kurangnya 10,000 orang OKU yang kerja untuk kerajaan. Akan tetapi apa itu sebab bahawa sampai hari ini perjawatan yang dipegang oleh OKU tidak sampai 4,000 orang. Jadi saya hendak tanya kita cakap bahawa RMKe-11 ini berhasrat membekalkan lagi 16,000 pekerjaan kepada OKU. Apa itu cara dan rancangan kita untuk memastikan bahawa perjawatan baru ini memang diisi oleh golongan OKU.

Tentang isu OKU ini saya juga hendak tanya. Tadi saya rasa untuk OKU ini kita bukan cakap bahawa golongan dewasa. Golongan budak-budak ini pun penting tetapi setakat ini di bawah JKM kami hanya ada satu taska autisme iaitu di Sibul. Pada dua minggu lalu saya berpeluang untuk pergi ke Sibul melawat taska autisme ini. Saya rasa ini usaha yang cukup baik. Saya di sini hendak ucap tahniah kepada Kementerian Pembangunan Wanita tetapi permintaan saya adalah satu taska autisme di seluruh Malaysia mana cukup. Memang tidak cukup.

Jadi saya hendak tanya ada atau tidak Kementerian Pembangunan Wanita ada rancangan untuk mendirikan lebih banyak taska autisme di seluruh Malaysia. Saya rasa bukan sahaja Sibul perlukan satu. Sibul satu, Kuching pun perlu, Sabah pun perlu, Kulai saya pun harap ada. Selangor pun perlu, Pulau Pinang pun perlu. Saya rasa ini satu permintaan untuk menjaga kebajikan budak-budak autisme ini. Jadi soalan ini minta penjelasan daripada Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ampang pun bangun juga Yang Berhormat.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Manakah Yang Berhormat Ampang? Oh okey.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Ampang bukan dekat belakang sana, dekat depan sini. Okey terima kasih...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Mahu pasti sebelah ini Yang Berhormat.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** [Ketawa] Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ya Menteri bercakap tentang OKU dan sebagainya apa yang saya ucapkan dalam hujah saya tempoh hari bahawa untuk kita mencapai negara maju pada tahun 2020, saya percaya mesti ada satu *benchmark* juga untuk kita memberikan tentang prestasi kita dalam mengendalikan usul-usul kita untuk mendayakan OKU-OKU ini dan memberikan ilmu dan memberikan pencapaian yang lebih hebat kepada OKU ini agar mereka menjadi rakyat yang lebih bermanfaat pada tahun 2020.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Kulai dan Yang Berhormat Ampang. Okey mengenai, apakah itu pendekatan dan cara untuk kita memastikan kita dapat mencapai 16,000 orang pekerja OKU di sektor awam, kita memang mengakui untuk kita menambah atau kita masukkan lebih pekerja OKU, kita masih menghadapi masalah yang banyak dan bukan kementerian kita boleh mengatasi dengan sendirinya. Kita perlukan kerjasama dari semua pihak termasuk sektor awam dan semua kementerian dan juga sektor swasta.

Oleh sebab sekarang kita telah pun mengadakan hampir semua kementerian kita semua berada di Putrajaya, maka dengan itu kita rasa lebih senang bagi kerajaan untuk mengadakan satu pendekatan atau satu cara untuk beri lebih lagi peluang pekerjaan kepada OKU yang mana lebih senang untuk kita mengatasi masalah seperti tempat duduk mereka dan *transportation* mereka. Kalau kita boleh mengumpulkan mereka di tempat yang berkenaan, berikan kuarters dan semua maka dengan itu mungkin kita boleh menyediakan *shuttle bus* dan semua. Ini akan beri kemudahan kepada OKU.

Kesedaran orang awam dan juga semua pihak juga perlu ditingkatkan lagi supaya mereka memahami walaupun OKU, mereka mungkin ada kurang upaya tetapi kebanyakan korporat-korporat telah pun mereka ambil pekerja OKU itu, mereka telah pun beri satu *feedback* yang begitu menggalakkan kerana OKU ini mereka lebih tumpu kepada kerja mereka dan prestasi mereka adalah lebih baik.

Untuk makluman Yang Berhormat mengenai taska OKU, buat setakat ini kita ada enam buah taska OKU iaitu Taska OKU Down Syndrome, Taska OKU Masalah Pembelajaran, Taska OKU Masalah Pendengaran, Taska Autisme, Taska OKU Fizikal, Taska OKU Penglihatan. Oleh itu tidak betullah yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Sekarang kita ada enam buah.

Selain daripada itu, saya hendak menegaskan di sini selain daripada taska kita juga telah menyediakan PDK atau Pusat Pemulihan Dalam Komuniti yang mana kita juga beri pelajaran atau pendidikan khas untuk anak-anak OKU. Selain daripada itu tanggungjawab ini juga tanggungjawab bersama kementerian kita dan juga Kementerian Pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai program bagi OKU di dalam RMKe-11, program-program khusus untuk OKU di bawah RMKe-11 termasuk:

- (i) bangunan kerajaan sedia ada akan ditambah baik bagi pematuhan kepada undang-undang;
- (ii) penubuhan *independent living centre* berasaskan penglibatan NGO dengan pengurusannya oleh OKU;
- (iii) penguatkuasaan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 akan diperkukuh bagi memastikan kepada reka bentuk sejagat dan mewujudkan persekitaran fizikal yang mesra OKU;
- (iv) penambahbaikan sistem maklumat OKU untuk menyokong perancangan, pemantauan dan penilaian program sedia ada



- untuk memperluaskan latihan dan pembangunan kemahiran bagi meningkatkan kebolehpasaran;
- (v) akses yang lebih luas kepada pendidikan asas dan latihan kemahiran;
- (vi) menaik taraf PLPP sebagai pusat kecemerlangan dan latihan bagi OKU;
- (vii) membangunkan pelan induk inklusif PBT agar semua PBT mengambil langkah untuk menjaga mesra OKU;
- (viii) Jabatan Pembangunan OKU sebagai *curling house*, hab atau pusat rujukan untuk OKU mendaftar dan mengenal pasti OKU yang mempunyai kelayakan dan berminat menyertai sektor awam untuk mencapai dasar 1%; dan
- (ix) program perkhidmatan *Job Coach* kepada OKU oleh individu terlatih bagi menggalakkan pekerjaan yang berkekalan kepada OKU.

#### ■1510

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Rantau Panjang dan Yang Berhormat Lenggong menyentuh masalah mengenai taska. KPWKM melalui agensi di bawahnya iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa memastikan penubuhan setiap taska wajib didaftarkan dengan JKM dan wajib memenuhi standard minimum yang dinyatakan di dalam Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 (Pindaan) 2008 serta Peraturan-peraturan Taman Asuhan Kanak-kanak 2012. Sehingga April 2015, sebanyak 3,864 buah taska di seluruh negara berdaftar dengan JKM. Pada masa ini JKM melalui Bahagian Penguatkuasaan dan Perundangan yang diwujudkan melalui Januari 2014, sedang mempergiatkan pemeriksaan berkala setiap tiga bulan sekali ke taska-taska berdaftar di seluruh negara. JKM turut memberi khidmat bimbingan dan nasihat untuk membantu pihak pengurusan taska supaya pengoperasian taska dapat dilaksanakan dengan mematuhi akta dan peraturan taska.

Jika didapati terdapat mana-mana taska tidak berdaftar atau taska berdaftar tidak mematuhi Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984, Peraturan-peraturan Pusat Jagaan (Pengkompaunan Kesalahan) 2011 dan Peraturan-peraturan Taman Asuhan Kanak-kanak 2012 boleh dikenakan tindakan seperti berikut:

- (i) kompaun maksimum RM5,000 bagi setiap kesalahan;
- (ii) pembatalan pendaftaran;
- (iii) arahan taska ditutup sementara; dan
- (iv) lak atau *seal*, pusat jagaan tidak berdaftar.

Selain itu, tindakan pendakwaan boleh diambil sekiranya pengusaha taska masih gagal mematuhi syarat-syarat yang dikenakan walaupun setelah diberi bimbingan dan nasihat. JKM juga mewajibkan setiap pengusaha, pengurus, penyelia dan pengasuh yang bekerja di dalam industri taska ini menghadiri dan lulus Kursus Asuhan PERMATA bagi memastikan taska mencapai tahap kualiti yang tinggi.

Modul KAP menitikberatkan aspek perkembangan awal kanak-kanak termasuk aspek pembelajaran, keselamatan, komunikasi, pertumbuhan fizikal kanak-kanak dan emosi. Bagi meningkatkan kualiti sesebuah taska demi menjamin keselesaan dan keselamatan kanak-kanak setiap taska wajib mematuhi aspek nisbah pengasuh. Aspek nisbah pengasuh ini sangat penting mengikut kategori umur agar kanak-kanak yang berada di taska mendapat perhatian yang sepenuhnya daripada pengasuh.

JKM bersama dengan tiga buah agensi yang lain iaitu pihak berkuasa tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Jabatan Kesihatan juga membuat pemantauan ke atas taska yang berdaftar bagi memastikan tahap keselamatan dan kebersihan taska diuruskan dengan baik.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Kota Raja...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kota Raja bangun.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Saya habiskan ini dahulu. Selain daripada itu, perlu wujud kesedaran di kalangan ibu bapa untuk menghantar anak-anak ke taska berdaftar. Hal ini adalah kerana kebanyakan kes kematian kanak-kanak berlaku di rumah pengasuh ataupun di taska yang tidak berdaftar. Silakan.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita bercakap berkenaan RMKe-11, sepatutnya kita hendak dengar apakah lonjakan dalam polisi JKM terhadap misalnya orang OKU dan sebagainya. Apa Yang Berhormat Timbalan Menteri bentangkan hari ini, menjawab ini tidak menunjukkan apa-apa perbezaan. Sudah lima hingga enam tahun sudah kita duduk dekat Parlimen ini, hendak masuk RMKe-11 ini apa lonjakannya, apakah polisi baru? Apakah penambahbaikan yang berlainan sedikit daripada RMKe-10? Terima kasih.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Saya menyediakan jawapan ini dengan ikut apa yang telah pun dibahaskan oleh Yang Berhormat. Oleh itu kalau secara dasarnya apa yang tadi saya telah pun jawab memang dengan ikut polisi atau dasar yang telah disediakan dan *approach* yang kita akan ambil sekarang ini adalah *affirmative action* yang kita akan lebih tumpu daripada segi mikro untuk memastikan macam mana polisi yang telah kita sediakan. Kita dapat tunaikan atau kita dapat kerjasama dari PBT dan juga semua pihak yang terlibat supaya kesemua bekerjasama untuk kita menunaikan sasaran yang telah pun ditetapkan.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Berkaitan dengan apa yang saya tanya tadi. Terima kasih, Yang Berhormat. Saya tertarik dengan apa Yang Berhormat sebut tadi tentang program yang telah disediakan di bawah taska dan kita memang setiap tahun, kalau seingat saya tahun lepas kita dapati lebih daripada tujuh kes kematian yang melibatkan kanak-kanak di taska. Mungkin ini melibatkan taska-taska yang tidak berdaftar. Soalnya sekarang, antara isu dilema yang dihadapi oleh pengusaha taska ialah apabila mereka hendak meletakkan satu kualiti standard yang baik maka ia memerlukan kos yang tinggi.

Saya bagi contoh, yang kami telah melawat taska yang telah dibina, yang telah dibuat oleh Puspanita di Parlimen. Saya ucap tahniah, begitu bagus daripada segi susunannya, Daripada segi modulnya dengan tenaga pengajarnya tetapi soalnya sekarang kos. Untuk kita pihak pengusaha taska mengendalikan taska yang baik memerlukan pekerja yang baik, kelulusan yang tinggi yang mungkin di tahap diploma dan sebagainya sudah tentulah gaji mereka mahal sedangkan kos yang mereka dapat daripada tidak berbaloi. Jadi, mungkin ada perancangan jangka panjang untuk membantu, untuk memberi perkhidmatan yang terbaik di bawah taska-taska di seluruh negara yang sekali gus memberi sistem sokongan yang baik kepada pekerja wanita. Minta penjelasan.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Yang Berhormat memang fasih dalam perkara ini dan sekarang saya akan jawab secara teliti apa yang kita telah rancang dan apakah langkah-langkah yang kita telah pun ambil sekarang. Tuan Yang di-Pertua, KPWK komited untuk membangunkan taska di tempat kerja bagi menggalakkan lebih ramai wanita untuk kembali bekerja selaras dengan hasrat kerajaan untuk mencapai sasaran 55% penyertaan wanita dalam pasaran buruh sebelum 2015.

Sehubungan itu, KPWK telah menubuhkan *task force ramping up the early childhood and early childcare and education or ECCE industry* bertujuan bagi membincangkan isu-isu cabaran dan penambahbaikan secara holistik pengoperasian dan kualiti taska di Malaysia. Ini bermakna kalau kita hendak mengatasi atau menyelesaikan masalah mengenai yuran yang rendah tetapi kos yang tinggi dan juga nisbah yang perlu diikuti dengan di bawah syarat, kita mesti kaji secara holistik supaya kita dapat mewujudkan satu persekitaran yang semua pihak dapat bekerjasama.

Bukan sahaja Kementerian Pembangunan Wanita iaitu JKM tetapi juga dengan kerjasama dari PBT kerana pihak berkuasa tempatan inilah yang juga memainkan peranan

yang begitu penting kerana merekalah yang beri permit dan mereka yang akan menentukan adakah mereka boleh didaftarkan atau diberi kelulusan untuk mengguna premis-premis yang tertentu atau untuk tukar kegunaan bangunan dan kadar lesen dan juga kadar untuk mereka tukar kegunaan bangunan itu, kita juga perlu berbincang dengan PBT supaya mereka mengurangkan kadar dan beli lebih kemudahan untuk pengusaha.

#### ■1520

Objektif penubuhan Taskforce Ramping Up the ECCE Industry adalah memantau dan menambah baik implementasi operasi dan kaedah pengurusan taska di Malaysia selaras dengan Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 dan akta yang berkaitan. Antara perkara yang dibincangkan dalam *task force* ini adalah berhubung cadangan peraturan penyediaan ruang taska di premis, flat dan kondominium yang baru oleh pihak berkuasa tempatan. Walau bagaimanapun, cadangan untuk mengeluarkan satu peraturan baru khusus untuk mewajibkan pihak kilang dan swasta mewujudkan taska perlu diperhalusi dengan Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, keperluan kepada perkhidmatan taska bagi kawasan bandar dan luar bandar adalah berbeza. Keperluan perkhidmatan taska di kawasan bandar adalah lebih tinggi kerana kebanyakan ibu bapa bekerja dan tiada ahli keluarga lain untuk membantu dalam urusan penjagaan anak. Malahan di kawasan luar bandar bagi ibu bapa yang bekerja lebih mudah mendapat khidmat pengasuh di rumah di kalangan suri rumah tangga.

Walaupun bagaimanapun kerajaan telah menubuhkan taska komuniti sebagai alternatif penjagaan kanak-kanak bagi ibu bapa berpendapatan rendah di kawasan bandar dan luar bandar. Penubuhan taska komuniti telah diumumkan semasa Hari Wanita 2005 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia. Sebanyak 10 buah taska komuniti telah dikhususkan sebagai projek perintis untuk tahun 2006. Taska komuniti pertama telah ditubuhkan di Kompleks Penyayang Bakti Sungai Buloh Selangor.

Semasa pembentangan Bajet 2011, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan penjenamaan semula taska komuniti dan meluluskan tambahan 30 buah taska. Sehingga kini terdapat 44 buah taska komuniti sedang beroperasi yang memberi pengasuhan berkualiti kepada kanak-kanak bagi keluarga berpendapatan rendah di seluruh Malaysia. Selain itu terdapat juga taska yang di kendali oleh KEMAS iaitu 448 buah taska di bawah KEMAS, 88 buah taska di bawah Permata, Jabatan Perpaduan Negara dan Integriti Nasional ada 40 buah taska dan Yayasan Pembangunan Keluarga Negeri Terengganu 64 buah taska.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Rantau Panjang menyentuh masalah warga emas. KPWKM komited dan akan terus memastikan warga emas mendapat hak daripada segi fizikal mahupun kerohanian demi meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan golongan tersebut ke arah penuaan sihat, produktif dan aktif. Sehubungan hal ini juga KPWKM memastikan bahawa hak warga emas dari sudut kerohanian dipelihara sepenuhnya. Seorang Pembantu Hal Ehwal Islam di tempatkan di setiap Rumah Seri Kenangan untuk melaksanakan program dan aktiviti kerohanian mengikut modul yang disediakan. Bagi penghuni-penghuni yang bukan beragama Islam pula bahagian NGO mengikut agama masing-masing yang datang ke institusi untuk melaksanakan aktiviti keagamaan masing-masing.

Selain daripada itu di Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) juga program-program pendidikan dan kerohanian sentiasa dianjurkan. Ia adalah sejajar dengan strategik yang termaktub di dalam dasar warga emas negara di mana pembelajaran sepanjang hayat diberikan keutamaan untuk memberi peluang kepada warga emas untuk melengkapkan dan meningkatkan potensi diri dan ilmu pengetahuan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kulai dan juga Yang Berhormat Batu Kawan menyentuh masalah kes rogol dan keganasan seksual. Sebagai negara ahli kepada Konvensyen Antarabangsa Bagi Menghapuskan Sebarang Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita atau CEDAW, kerajaan bertanggungjawab untuk memastikan bahawa pesalah laku jenayah dikenakan hukuman setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. Definisi rogol adalah termaktub di bawah seksyen 375 Akta Kanun Keseksaan peruntukan undang-undang di bawah seliaan Kementerian Dalam Negeri.

Dalam kes untuk mengkaji semula definisi rogol ini KPWKM juga melalui surat Yang Berhormat Menteri kepada Yang Berhormat Menteri KDN bertarikh 22 Mei 2015 telah memohon agar KDN mengkaji semula definisi rogol mengikut kesesuaian semasa dan perubahan sosial untuk memberi perlindungan lebih menyeluruh kepada kanak-kanak perempuan mahupun wanita atau lelaki yang menjadi mangsa rogol.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja penerangan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kulai bangun Yang Berhormat. Ya Yang Berhormat Kulai.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Saya hendak tanya selain daripada mengkaji definisi rogol itu di bawah Kanun Keseksaan saya rasa, saya mintalah bantuan daripada Timbalan Menteri untuk membantu kita supaya memastikan bahawa kes-kes rogol ini yang dibawa ke mahkamah yang pada akhirnya didapati bersalah itu menjadi lebih sedikit. Ini kerana kalau ikut satu jawapan yang saya terima di antara tahun 2005 hinggalah tahun 2014 jumlah kes rogol sebanyak 28,471 kes. Akan tetapi masalahnya kes yang dituduh dan disabit di mahkamah hanya 765 kes iaitu tidak sampai 3%. Jadi ini maksudnya bahawa kita sudah tahu kes rogol ini yang memang berani, mangsa yang berani untuk pergi ke balai polis untuk buat laporan, sebenarnya di antara 10 mungkin hanya satu atau dua yang berani pergi ke balai polis untuk buat laporan.

Akan tetapi pada akhirnya antara mereka yang berani untuk pergi ke balai polis untuk buat laporan akhirnya tidak sampai 3% pun yang bolehlah bahawa perogol itu boleh disabit kesalahan. Jadi saya rasa ini satu isu yang cukup serius. Selain daripada itu kita ada *marital rape* (rogol dalam perkahwinan). Memang betul semalam kita ada seorang Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri menyatakan bahawa kita sekarang walaupun suami itu tidak boleh didakwa di bawah seksyen 376 tetapi kami ada satu seksyen 375(A). Di mana bahawa suami itu boleh didakwa di mahkamah kerana menggunakan keganasan terhadap isteri. Akan tetapi masalahnya walaupun seksyen yang baru ini berkuat kuasa mulai 7 September 2007 sampai sekarang sudah tujuh tahun, lapan tahun tidak ada seorang pun yang didakwa di bawah seksyen ini.

Jadi kita ada undang-undang ini tetapi nampaknya tidak berguna punya, tidak pernah dikuatkuasakan. Kes yang dibawa ke mahkamah untuk seksyen yang baru ini zero dan untuk kes rogol ada yang dibawa ke mahkamah tetapi kes yang disabit salah cukup rendah. Jadi saya rasa sebagai kementerian yang menjaga kepentingan wanita jadi saya mintalah bantuan daripada Timbalan Menteri dan juga daripada Menteri. Apa itu *solution* ataupun pendekatan yang kita boleh membantu mangsa-mangsa rogol ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita memang mengakui dan ada kelemahannya juga kita sentiasa bermesyuarat dengan NGO. Ahli Yang Berhormat Kulai juga sebagai seorang peguam boleh beri pandangan dan berkongsi dengan kita macam mana kita boleh meningkatkan lagi keberkesanan apa itu akta-akta kita dan undang-undang kita. Saya rasa ini bukan sahaja kita perlu meningkatkan kesedaran orang awam dan kita juga dapat meningkatkan kesedaran di antara agensi kerajaan. Begitu juga kita perlu mengkaji balik macam mana kita boleh mengatasi masalah yang telah pun disebut. Saya sambut baik apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dan itu satu perkara yang amat penting. Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** [Bangun]

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** [Bangun]

■1530

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Parit Sulong dan Yang Berhormat Ampang bangun, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ya. Yang Berhormat Parit Sulong dulu ya.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Saya hendak mengambil kesempatan ini juga untuk memuji sikap yang daripada pegawai-pegawai di bawah kementerian Yang Berhormat. Bukan sahaja prihatin

terhadap wanita tapi juga prihatin terhadap masyarakat, terutamanya apabila mereka ditimpa bencana.

Jadinya, saya hendak ucapkan terima kasih banyak-banyak kepada kementerian, terutamanya JKM dalam kejadian ribut di kawasan Parlimen Parit Sulong baru-baru ini. Sebanyak 68 buah rumah terlibat, JKM begitu prihatin. Untuk makluman Yang Berhormat, *insya-Allah* dengan bantuan JKM dapat meringankan mangsa-mangsa ini. Itu sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Parit Sulong. Saya rasa satu suntikan semangat yang begitu kuat kepada semua penjawat awam Jabatan Kebajikan Masyarakat. Saya percaya semua penjawat awam di Jabatan Kebajikan Masyarakat akan meneruskan usaha mereka untuk menjaga kebajikan orang ramai. Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ampang bangun, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin bangkitkan satu isu yang saya bangkit dalam bahas saya iaitu satu isu yang besar. Satu isu yang akan memberikan satu penanda aras sama ada kita boleh capai negara maju. Oleh sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri ada membuat *statement* mengatakan bahawa kerisauan kadar kelahiran. Ini akan membawa Malaysia satu tahap ketidakseimbangan umur di masa akan datang.

Jadi, apakah perancangan kementerian untuk memastikan kelahiran ini terjadi? Dalam keadaan ekonomi yang terhimpit, tersepit, GST dan sebagainya. Apakah perancangan kementerian untuk memastikan bahawa ibu-ibu itu melahirkan anak dengan perancangan agar mereka diberi insentif ke apa atau sebagainya? Terima kasih.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Okey, Terima kasih Yang Berhormat Ampang. Sebenarnya melalui Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga iaitu LPPKN, kami telah pun menyediakan banyak kursus supaya kita boleh bekerjasama dengan NGO. Bukan sahaja kita menggalakkan NGO untuk buat permohonan dengan kementerian tetapi kementerian LPPKN juga telah pun menganjurkan banyak modul dan kursus. Termasuk kursus pra-perkahwinan, kursus *parenting at work* dan kursus keluarga. Di mana mereka boleh diberi kemahiran macam mana mereka menguruskan kewangan keluarga. Kita juga beri kesedaran iaitu *family planning* bukan untuk kita mengurangkan anak. *Family planning* itu maknanya kita melahirkan anak dengan ikut keupayaan, ikut rancangan *family*, keluarga yang baik.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Akan tetapi isunya yang saya bangkitkan, memanglah itu kursus dan sebagainya. Isu yang saya bangkitkan adalah apakah perancangan kementerian untuk memastikan bahawa laungan yang diberikan oleh kementerian bahawa perlu melahirkan anak sekarang ini. Oleh sebab untuk menambahkan kelahiran agar kita ada *balance population* di masa akan datang, dengan izin.

Apakah perancangannya? Kalau cakap tadi tentang perkahwinanlah, itu saya ingat itu cerita yang sudah lepas. Akan tetapi yang ke depan ini apa yang hendak dilaksanakan? Dalam keadaan ekonomi yang menyusahkan rakyat ini, dengan GST dan sebagainya.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Untuk menyelesaikan masalah ini saya rasa bukan sahaja Kementerian Pembangunan Wanita yang akan mengadakan program. Akan tetapi ini kita masuk juga kementerian yang lain. Baru-baru ini Kementerian Pendidikan pun telah melancarkan satu program iaitu untuk *investment* kah apa? Saya tidak pasti, baru-baru ini.

Dengan itu, saya rasa kita akan beri sebanyak sedikit bantuan kepada keluarga. Tadi bila saya sebut kursus pra-perkahwinan dan semua ini, kerana sekarang ramai pasangan mereka bimbang. Memang bimbang kalau mereka melahirkan anak yang banyak, mereka mungkin tidak dapat beri pendidikan yang kualiti kepada mereka. Akan tetapi kalau dengan adanya kursus supaya mereka dapat tahu macam mana menguruskan kewangan mereka dan mereka diberitahu apakah itu bantuan boleh didapati melalui agensi-agensi kerajaan, maka dengan itu mereka akan lebih rela untuk melahirkan anak. *Family planning* tadi saya telah sebut, ia bukan untuk kita mengurangkan kelahiran anak tetapi untuk kita buat satu rancangan yang baik. Sekiranya *family* atau keluarga mereka dapat ada keupayaan untuk mendapatkan anak lebih, mereka boleh. Silakan Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih, mungkin yang terakhir saya ya. Saya tertarik dengan apa yang disebut ialah macam mana negara kita perlu kepada satu pendekatan untuk kita penambah populasi negara kita. Sebab seingat saya apa disebut oleh Yang Berhormat Menteri hari itu, kadar kelahiran menjelang 2020 hanya 1.5 satu keluarga.

Ini satu angka yang sangat kecil. Jadi, saya hendak cadangkan sebagaimana pernah sekarang ini pun kita laksanakan di negeri Kelantan iaitu satu program khas untuk menggalakkan remaja atau pun anak muda kita berkahwin dengan program Az-Ziwaaj ataupun memberi bantuan untuk meringankan beban bagi perkahwinan anak-anak muda untuk kahwin kali pertama, bukan kahwin kali kedua.

Satu inisiatif yang baik di mana, setiap pasangan diberi satu insentif khas. Terutama bagi anak muda yang kurang pendapatan. Jadi, apakah kerajaan boleh mempertimbangkan program seumpama ini boleh di buat di bawah Kementerian Wanita untuk memastikan supaya galakkan anak-anak muda hari ini supaya dapat mereka berkahwin dalam usia yang sepatutnya mereka sudah berumah tangga, bukan di usia tua.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Terima kasih, cadangan kita ambil maklum. Kita akan berbincang dalam kementerian. Tuan Yang di-Pertua, saya berharap penjelasan tadi dapat memberi gambaran yang lebih jelas terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang tugas dan peranan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Jutaan terima kasih sekali lagi diucapkan kepada setiap Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu berkenaan. Kementerian akan mengambil perhatian terhadap teguran dan pandangan yang telah diutarakan oleh setiap Ahli-ahli Yang Berhormat dan seterusnya diterjemahkan melalui tindakan yang sewajarnya. Saya juga ingin menyeru kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat untuk terus menyokong usaha-usaha kerajaan. Khususnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi memastikan rakyat mendapat faedah dan menerima impak yang maksimum. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekarang giliran Kementerian Kerja Raya. Sila Yang Berhormat Menteri.

### 3.38 ptg.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada seramai 41 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbincangan Rancangan Malaysia Ke-11 tempoh hari yang turut menyentuh isu-isu di bawah *portfolio* dan bidang kuasa Kementerian Kerja Raya.

Isu-isu yang telah dibangkitkan ini telah diberikan perhatian dan akan dijawab dengan sebaik mungkin *insya-Allah*. Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ke-11 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 21 Mei 2015 yang lalu merupakan bukti dan komitmen kerajaan untuk mencapai status negara maju iaitu menerusi perancangan strategik untuk pusingan lima tahun terakhir sebelum tahun 2020.

Sebagai agensi peneraju utama sektor pembinaan negara, Kementerian Kerja Raya amat komited dan bersedia untuk menggalas tanggungjawab melaksanakan strategi-strategi Rancangan Malaysia yang Ke-11 yang telah digariskan, khususnya strategi kelima iaitu pembangunan infrastruktur. Terdapat lima projek utama yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan Rancangan Malaysia yang Ke-11 tempoh hari. Projek Lebuhraya Pan Borneo, Projek Jalan Central Spine, Projek Jalan Kota Bharu ke Kuala Krai, Projek Lebuhraya Pantai Barat dan pembinaan rangkaian jalan di Kompleks Petroleum Bersepadu atau RAPID di Pengerang. Pelaksanaan kelima-lima projek ini tentulah akan memberikan impak yang positif untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara menerusi kesan rantaian industri pembinaan.

## ■1540

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sektor pembinaan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas dianggarkan bakal berkembang pada kadar 10.3% setahun dengan nilai sumbangan sebanyak RM327 bilion atau 5.5% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang tahun 2020. Pertumbuhan sektor pembinaan ini disebabkan permintaan yang tinggi terhadap infrastruktur moden dan cekap iaitu untuk mencapai status negara maju. Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, kerajaan juga dijangka akan memperkenalkan Program Transformasi Industri Pembinaan atau dengan izin, *Construction Industry Transformation Plan (CITP) 2016-2020* bagi maksud mentransformasikan sektor pembinaan negara ke arah industri yang lebih produktif, mapan dan kompetitif secara global.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerja Raya sememangnya mengambil maklum mengenai cadangan-cadangan projek-projek baru Rancangan Malaysia Kesebelas yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa sesi perbahasan yang lalu. Projek-projek ini melibatkan cadangan membina dan menaik taraf jalan persekutuan di mana ia akan diperhalusi oleh kementerian ini.

Antara cadangan-cadangan projek-projek tersebut ialah seperti berikut:

- (i) menaik taraf KM 15 hingga KM 20 Jalan Putra di antara Kubang Pasu, Kota Setar ke sempadan Perlis oleh Yang Berhormat Jerlun;
- (ii) projek membina jalan baru menghubungkan Gurun ke Pulau Bunting, Yan, Kedah oleh Yang Berhormat Kubang Pasu;
- (iii) projek menaik taraf jalan dari Jeniang ke Sik dan naik taraf jalan dari Sik ke Nami oleh Yang Berhormat Sik;
- (iv) cadangan membina jalan pesisir Pantai Langkawi oleh Yang Berhormat Langkawi;
- (v) projek "*missing-link*" jalan Simpang Pulai ke Lojing ke Gua Musang seterusnya ke Kuala Berang dan cadangan projek menaik taraf jalan persekutuan dari Bahau ke Keratong ke Rompin oleh Yang Berhormat Marang;
- (vi) projek naik taraf jalan persekutuan FT60 dari Damar Laut ke Taiping oleh Yang Berhormat Beruas;
- (vii) projek menaik taraf Jalan Persekutuan 1 dari Tanjung Malim ke Bidor, Perak oleh Yang Berhormat Tanjung Malim;
- (viii) projek membina jalan baru menghubungi Ipoh ke Kuantan melalui kawasan-kawasan di bahagian Pahang Barat oleh Yang Berhormat Lipis;
- (ix) projek menaik taraf jalan Jerantut ke Kuala Lipis, jalan Jerantut ke Kuala Krau seterusnya ke Temerloh dan jalan Jerantut ke Bandar Pusat Jengka oleh Yang Berhormat Jerantut;
- (x) projek membina jalan dari Sungai Lembing ke Jerantut oleh Yang Berhormat Paya Besar;
- (xi) projek menaik taraf jalan Pelabuhan Indah ke Pulau Indah, Klang oleh Yang Berhormat Selayang;
- (xii) projek menaik taraf ke jalan besar Sri Kembangan FT3215 ke Lebuhraya Sungai Besi oleh Yang Berhormat Serdang;
- (xiii) projek jalan pintas baru dari Kampung Chennah, Titi, Negeri Sembilan ke Triang Hilir oleh Yang Berhormat Jelebu;
- (xiv) projek membina jalan pintas Masjid Tanah ke Tanjung Bidara, Alor Gajah oleh Yang Berhormat Masjid Tanah;
- (xv) projek menaik taraf jalan Bemban ke Jasin seterusnya ke Tangkak fasa 2 dan 3;

- (xvi) projek jalan pesisiran Pantai Melaka dan projek menaik taraf jalan Ayer Keroh ke Bandar Melaka oleh Yang Berhormat Jasin;
- (xvii) projek menaik taraf jalan Tangkak ke Segamat iaitu fasa 3, Jementah ke Sagil, projek menaik taraf jalan Kuantan ke Gambang seterusnya ke Segamat dan projek naik taraf Jalan Persekutuan 23 di Buloh Kasap oleh Yang Berhormat Sekijang;
- (xviii) projek membina jalan pintas Johor Bahru ke Pekan Nanas seterusnya ke Pontian oleh Yang Berhormat Tanjong Piai.
- (xix) projek jalan-jalan persekutuan yang baru di Pulau Labuan oleh Yang Berhormat Labuan; dan
- (xx) cadangan menaik taraf jalan dari Kota Samarahan ke Asa Jaya oleh Yang Berhormat Kota Samarahan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Beruas bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Ya, Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu yang saya bangkitkan tentang naik taraf jalan dari Damar Laut ke Changkat Jering, jawapan tadi mengatakan kerajaan merancang untuk menaik taraf jalan ini bukannya suatu jawapan. Ini kerana jalan ini telah diluluskan dalam RMKe-9. Kita sekarang hendak masuk RMKe-11 dan pada tahun 2008, Menteri Pengangkutan pada ketika itu sudah umumkan telah diluluskan RM600 juta untuk projek ini. Ke manakah wang ini? Sudah hilang kah? Ke manakah wang ini sudah diperuntukkan? Jadi jawapan kata hendak rancang ini tidak menjawab perkara yang saya bangkitkan. Kenapakah tidak dilaksanakan terus projek ini?

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Yang Berhormat, dalam isu ini Yang Berhormat, memang benar jalan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ini telah dilakukan kajian dan kajiannya telah pun siap. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita juga di peringkat kementerian telah menyenaraikan jalan ini di bawah perancangan Rancangan Malaysia Kesebelas untuk dipertimbangkan oleh agensi pusat, Yang Berhormat. Kita agensi pelaksana. Agensi pusatnya Kementerian Kewangan. Jadi saya harapkan Yang Berhormat jawapan ini, inilah status terakhir...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Maksud saya ini, dulu diumumkan RM600 juta ini sudah diluluskan. Ke manakah duit itu? Saya hendak dapatkan penjelasan, ke manakah RM600 juta yang diumumkan telah diluluskan itu? Ke manakah wang itu sudah pergi?

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Yang Berhormat, Yang Berhormat juga mengetahui dalam kita merancang program-program atau projek-projek, sudah tentu ada terdapat keutamaan dan ada juga projek yang akan dilaksanakan mengikut keperluan. Jadi saya kira Yang Berhormat, dalam perangan Rancangan Malaysia Kesebelas, perkara ini perlu dirujuk kepada negeri dan perkara ini akan dibincangkan. Saya melihat program atau pun projek ini akan diberikan perhatian yang sewajarnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bakri dan Yang Berhormat Kluang bangun.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Silakan Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Bakri.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di sini saya hendak minta penjelasan, adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk menaik taraf jalan Muar ke Yong Peng dan jalan Muar ke Pagoh kepada empat buah lorong memandangkan keadaan jalan ini semakin padat dengan kenderaan setiap hari? Minta penjelasan.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** [Bangun]

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat Bakri. Yang Berhormat Bakri membangkitkan perkara yang baru. Saya mohon untuk dirujuk



perkara ini dan akan memberikan Yang Berhormat jawapan secara bertulis kerana daripada 41 orang Ahli Yang Berhormat yang telah berbahas tetapi Yang Berhormat Bakri tidak merupakan salah seorangnya. Jadi saya mohon notis dan *insya-Allah* saya akan berikan jawapan secara bertulis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kluang bangun Yang Berhormat.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Ya, Yang Berhormat Kluang.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Kementerian bersedia untuk umumkan senarai di Parlimen dan juga di luar Parlimen supaya kita faham, tidak perlu tanya semacam ini dan kita boleh *track* tempoh kerja bersama dan bukan dengan cara ini. Saya rasa cara ini baik, saya ucapkan terima kasih kepada Kementerian, tetapi saya rasa lebih baik Kementerian adakan senarai dan umumkan senarai dalam lima tahun yang akan datang dengan jangka masa siap kepada semua.

Saya bertanya kerana dahulu saya sudah tanya beberapa kali *divider* jalan Batu Pahat dari Ayer Hitam ke Kluang belum dirancang dan juga projek naik taraf jalan Lebuhraya Pasir Gudang yang belum siap sejak RMKe-9. Saya minta penjelasan.

Juga, dalam ucapan saya, saya pernah bangkit bab 7, muka surat tiga di mana Kementerian atau pun RMKe-11 kata sejumlah 93,000 kilometer jalan baru telah dibina dalam tempoh RMKe-10. Saya minta Kementerian jawab. Terima kasih.

■1550

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat Kluang atas isu yang dibangkitkan. Untuk menjawab persoalan ini Yang Berhormat segala senarai yang disediakan khusus untuk Rancangan Malaysia Kesebelas ini merupakan hasil perbincangan di antara Kerajaan Pusat dan juga kerajaan negeri.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Adakah Kementerian umumkan untuk semua?

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Ini merupakan dasar kita Yang Berhormat. Yang Berhormat harus faham kita selaku agensi pelaksana kita akan membuat cadangan dan cadangan tersebut itu berdasarkan *priority* negeri berkenaan. Jadi untuk mengumumkan Yang Berhormat saya kira Yang Berhormat kita pun tak lama lagi bulan Oktober ada *insya-Allah* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mengumumkan bajet nanti *insya-Allah* mungkin kita boleh melihat apakah projek-projek yang bakal dilaksanakan mengikut rancangan lima tahun.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah benar, dulu dalam RMKe-9 dan sebut sebelum itu tiap-tiap Rancangan Malaysia ia akan senaraikan projek-projek yang akan dijalankan dan dengan jadual yang spesifik. Akan tetapi selepas RMKe-10 dan RMKe-11 tidak ada senarai itu. Saya minta Kementerian balik kepada amalan sebelum ini. Terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Okey, cadangan itu akan dipertimbangkan Yang Berhormat. Untuk menjawab kepada persoalan yang kedua iaitu yang melibatkan 93,000, kita akan memberikan jawapan selepas ini Yang Berhormat ya. Harap Yang Berhormat akan ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Akan tetapi dalam ucapan Yang Berhormat...

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Dalam ucapan Yang Berhormat dan saya akan jawab selepas ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Bintulu dan Yang Berhormat Pasir Gudang bangun Yang Berhormat.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Yang Berhormat Bintulu dan seterusnya Yang Berhormat Pasir Gudang.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah sentuh mengenai Pan Borneo. Saya mahu ucapkan terima kasihlah kepada Kerajaan Pusat

cuba ambil perhatian mengenai isu masalah-masalah selalu kemalangan atas jalan raya di atas ini isu selalu dibangkitkan. Mengenai di Pan Borneo ini, saya cuma mahu tanya sahaja. Diterangkan sekarang dia punya Pan Borneo punya *alignment* macam mana? Dia ikut *alignment* lamakah ataupun ada punya sebahagian *alignment* lama, sebahagian *alignment* baru.

Kenapakah saya sentuh isu ini? Fasal adanya *alignment* banyak *sharp corner* ataupun *sharp bank*. Bila kalau kita tidak *alignment* dalam *sharp bank* ini kita tidak pertimbangkan kemalangan-kemalangan selalu berlaku itu bila ini tidak diambil perhatian. Kalau kita mahu ikut saya difahamkan dalam Bintulu sekarang itu kerja raya beritahu sama saya kemungkinan dia orang banyak ikut *alignment* lama. Kalau ikut *alignment* lama, tidak boleh mencapai *super highway*. Kalau *super highway*, patut jalan raya lurus.

Kalau masih lagi ikut bengkok macam ular, nanti treler satu kali itu jalan atas jalan raya banyak treler. Kalau treler *brake* satu kali depan *brake* sama depan punya *brake* lain sistem. Kalau dia depan *brake*, *brake* berhenti belakang punya *brake* tak berhenti memang kita treler akan sapu tepi kiri kanan punya kereta. So, inilah cari satu masalah tidak boleh mengurangkan kemalangan. Kalau ini kita tak ambil perhatian, esok lagi pembangkang macam Bandar Kuching balun sama kita lagi. Ini kepala lembangan lagi atas, kiri, kanan lagi ada. Bersetuju kah tidak Yang Berhormat Bandar Kuching, ha ini dia setuju. Kita mesti ambil perhatian jangan bagi peluang dia, nanti dia balun sama kita lagi. Ini mustahak okey. Sekian, terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Sebenarnya Yang Berhormat saya belum sampai lagi ke Pan Borneo tetapi saya ingin menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan. Untuk persoalan Yang Berhormat timbulkan tadi saya menjawab belum dimuktamadkan Yang Berhormat iaitu jajaran Pan Borneo untuk negeri Sarawak dan negeri Sabah belum lagi muktamadkan. Sudah tentu setiap cadangan yang diberikan pertimbangan yang sewajarnya Yang Berhormat yang secara serius kerana saya difahamkan oleh pihak JKR negeri dan juga pihak kementerian, Yang Berhormat merupakan salah seorang Ahli Yang Berhormat yang banyak membantu kementerian terutama dalam menyampaikan beberapa perkara ataupun cadangan yang bernas dan telah diimplementasikan pun sebahagiannya. Jadi terima kasih Yang Berhormat atas cadangan yang dikemukakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Pasir Gudang.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Yang Berhormat Pasir Gudang, ya.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tadi dengar-dengar macam tak dengar nama Pasir Gudang untuk tambahan jalan fasa 3 ini. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri perincian. Terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Yang Berhormat sebenarnya untuk menjawab isu Yang Berhormat itu saya akan ke isu tersebut sebentar lagi. Mohon Yang Berhormat *bear with me* lah ya, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat pada masa kini senarai akhir projek-projek Rancangan Malaysia Kesebelas masih sedang diteliti dan masih sedang diperhalusi oleh Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri. Ini kerana kerajaan memerlukan masa bagi menentukan keutamaan pelaksanaan setiap projek. Lima projek utama yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tempoh hari hanyalah merupakan sebahagian daripada keseluruhan projek Rancangan Malaysia Kesebelas yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh kerajaan dalam tempoh lima tahun akan datang secara langsung menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kluang.

Sehubungan itu, projek-projek yang dicadangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di atas telah diambil perhatian bagi maksud pertimbangan pihak kerajaan. Kementerian ini akan menjangkakan senarai projek Rancangan Malaysia Kesebelas akan diumumkan secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan dalam tempoh lima tahun iaitu bermula

dengan Belanjawan 2016 yang akan dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Kewangan pada bulan Oktober 2015 nanti.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan projek-projek yang di luar daripada bidang kuasa kementerian ini. Jalan-jalan ini telah disemak adalah didapati berstatus kerajaan negeri iaitu berstatus jalan negeri iaitu di bawah bidang kuasa pihak kerajaan negeri. Antaranya cadangan menaik taraf Jalan Tengah Nipah di Lahad Datu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Silam. Cadangan pemasangan lampu jalan di jalan negeri J10 dari persimpangan Masai ke persimpangan Taman Cendana oleh Ahli Yang Berhormat Pasir Gudang, cadangan menaik taraf jalan dan pemasangan lampu jalan di Jalan Kongkong ke Masai J10 yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tebrau.

Projek pembinaan jambatan dari Kampung Bharu ke Kampung Teluk Manjung, Ayer Tawar, Perak yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Beruas dan projek membina jalan Bonggol Donas di Kuala Terengganu oleh Ahli Yang Berhormat Kuala Terengganu. Begitu juga permintaan daripada Ahli Yang Berhormat Kota Samarahan supaya kerajaan menaik taraf jambatan-jambatan di laluan jalan persisiran pantai Kota Samarahan. Permintaan Ahli Yang Berhormat Hulu Rajang supaya kerajaan membina projek jalan ke kawasan rumah panjang di sekitar Hulu Rajang dan juga mempercepatkan pelaksanaan projek jalan dari Kapit ke Sibu.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, jalan-jalan yang diwartakan sebagai jalan negeri dan jalan perbandaran terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT). Berdasarkan peruntukan di bawah Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Pusat menerusi Kementerian Kewangan akan memberikan geran peruntukan MARRIS setiap tahun kepada kerajaan negeri untuk tujuan senggara dan naik taraf jalan-jalan berkenaan. Oleh itu permohonan atau isu-isu berkaitan projek-projek yang disebutkan tadi perlu dirujuk dan disalurkan kepada kerajaan negeri berkenaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Beruas bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Namun begitu izinkan saya untuk menghabiskan ini. Nanti saya akan jemput Yang Berhormat Beruas. Namun begitu, kementerian ini bersedia membantu dan berbincang dengan kerajaan negeri untuk memastikan peruntukan MARRIS itu dibelanjakan mengikut keutamaan dan kepentingan awam.

#### ■1600

Manakala projek jalan Kapit ke Sibu yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Hulu Rajang ialah projek di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Kementerian ini akan memanjangkan permohonan Ahli Yang Berhormat tersebut kepada pihak KKLW. Yang Berhormat Beruas.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Projek yang saya utarakan iaitu membina jambatan bernilai RM17.3 juta merentasi Sungai Ayer Tawar menghubungkan Kampung Baru Lumut ke Kampung Teluk merupakan satu pembinaan projek yang baru, bukannya penyelenggaraan jalan. Jadi, saya rasa ini bukan di bawah peruntukan- dan semua jambatan yang hendak dibuat ini, semua kita kata, *the block* semua sudah ada di sana. Hanya hendak dicantumkan menjadi jambatan sahaja. Kenapakah terbengkalai?

Adakah kontraktor lari atau kerajaan tidak beri duit? Itu yang saya hendak satu jawapan kerana ini bukan penyelenggaraan tetapi satu projek baru yang telah dirasmikan oleh Menteri Pengangkutan pada bulan Oktober 2012, pada masa itu Dato' Seri Kong Cho Ha. Jadi, boleh dapatkan maklumat kenapa tidak siap? Semua barang sudah ada di tempat itu.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Kalau Yang Berhormat meneliti ucapan saya tadi, saya mengatakan projek pembinaan jambatan dari Kampung Bharu ke Kampung Teluk Manjung, Ayer Tawar, Perak. Jadi ia merupakan projek baru Yang Berhormat. Akan tetapi seperti yang saya katakan tadi, ini merupakan di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kota Kinabalu.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Mahu tanya kah Yang Berhormat?

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Ya, mahu tanya itu jalan sebelum ke PA jambatan. Saya mahu tanya, adakah program untuk bina satu *coastal highway*, sampai Batu 4, Jalan Apas. Ini satu rancangan sudah lama dicadangkan, dari Rancangan Malaysia Keenam sudah dicadangkan. Itulah pertanyaan saya, adakah cadangan untuk membina satu *coastal highway*- sampai Batu 4, Apas. Adakah?

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Kinabalu, sahabat saya yang sering bergaduh dengan saya apabila berjumpa. Yang Berhormat Kota Kinabalu membangkitkan isu yang baru, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon notis dan akan memberikan Yang Berhormat jawapan selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Marang dan Yang Berhormat Rantau Panjang pula mendesak Kerajaan Pusat supaya memberikan tumpuan dan peruntukan yang lebih besar untuk pembangunan rangkaian jalan raya di Wilayah Pantai Timur Semenanjung iaitu melibatkan laluan-laluan utama seperti Jalan *Central Spine* termasuk Jalan Kota Bharu ke Kuala Krai, cadangan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 3 dan cadangan melengkapkan pakej Jalan Simpang Pulai ke Lojing ke Gua Musang seterusnya Kuala Berang.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rancangan Malaysia Kesebelas dirangka antara lain dengan mengambil kira pertumbuhan pembangunan yang bersifat *inclusive* iaitu berasaskan prinsip pertumbuhan dengan kesaksamaan atau *growth with equity*, dengan izin. Ini bermakna tiada kawasan atau wilayah yang akan dipinggirkan daripada menerima arus pembangunan yang dirancang oleh Kerajaan Pusat. Ini termasuklah di Pantai Timur Semenanjung.

Hal ini boleh dibuktikan melalui ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri semasa pembentangan Rancangan Malaysia Kesebelas di mana projek *Jalan Central Spine*, dengan izin, yang menghubungkan Kuala Krai ke Simpang Pelangai, Pahang dan Lebuhraya Kota Bharu ke Kuala Krai merupakan antara projek yang menjadi komitmen kerajaan untuk dibina dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Projek-projek ini termasuklah Jalan Simpang Pulai ke Lojing, ke Gua Musang dan seterusnya ke Kuala Berang dijangka akan menambah baik hubung jalin di Semenanjung Malaysia dan seterusnya menjadi pemangkin pertumbuhan di Wilayah Pantai Timur.

Ini belum lagi mengambil kira cadangan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 3 di negeri Kelantan yang masih dipertimbangkan oleh Kerajaan. Mengenai status *Jalan Central Spine* yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian. Untuk makluman, projek menaik taraf *Jalan Central Spine* ini melibatkan laluan Jalan Persekutuan 8 dari Bentong ke Raub, ke Lipis ke Gua Musang dan seterusnya ke Kuala Krai sepanjang 390 kilometer. Projek dengan nilai RM6.6 bilion ini telah diluluskan secara berperingkat melalui Rancangan Malaysia Kesepuluh. Pelaksanaan projek ini dipecahkan kepada enam pakej utama iaitu:

- (i) Pakej 1: Kuala Krai ke Jambatan Sungai Lakit, Kelantan sejauh 51 kilometer;
- (ii) Pakej 2: Jambatan Sungai Lakit ke Gua Musang, Kelantan, 63 kilometer;
- (iii) Pakej 3: Gua Musang ke Kampung Relong, Kuala Lipis, Pahang, 107 kilometer;
- (iv) Pakej 4 : Kampung Relong, Kuala Lipis ke Raub, Pahang, 56 kilometer;
- (v) Pakej 5 : Raub ke Bentong Pahang, 60 kilometer; dan
- (vi) Pakej 6 : Bentong ke Simpang Pelangai, Pahang, 53 kilometer.

Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini, keutamaan kerajaan ialah untuk melaksanakan Pakej 3 terlebih dahulu iaitu melibatkan skop membina dan menaik taraf jalan di antara Merapoh ke Kampung Relong, di Lipis Pahang. Ini kerana laluan tersebut telah dikenal pasti sebagai kawasan yang kerap berlaku kemalangan atau *black spot area*, dengan izin. Setakat ini, sepanjang 13.6 kilometer jalan baru telah siap dibina dan dibuka kepada lalu lintas iaitu melibatkan laluan dari Kampung Kubang Rusa ke Felda Chegar

Perah 2, Kuala Lipis. Manakala 24.2 kilometer lagi iaitu dari Felda Chegar Perah 2 ke Felda Telang dan seterusnya ke Kampung Kecur, Kuala Lipis di mana ia dijangka akan disiapkan secara berperingkat-peringkat selewat-lewatnya Jun 2015. Manakala pakej-pakej lain, Jalan *Central Spine* ini akan di tender dan dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas di antara 2016-2020.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Ketereh iaitu supaya reka bentuk jalan projek Lebuhraya Kota Bharu ke Kuala Krai perlu mengambil kira kehendak dan keperluan penduduk setempat. Perkara ini diambil maklum dan akan diambil perhatian oleh pasukan projek khas JKR yang terlibat. Ini kerana pelaksanaan projek sepanjang 70.4 kilometer ini akan dilaksanakan secara berfasa seperti berikut:

- (i) Pakej 1: dari Wakaf Siku ke Kadok sepanjang 10.8 kilometer iaitu di peringkat pembinaan kini melibatkan Fasa 1A dari Pasir Hor ke Kadok dan Fasa 2B dari Kadok ke Ketereh;
- (ii) Pakej 2: dari Kadok ke Bukit Tiu, Machang sepanjang 28.9 kilometer. Pembinaan dijangkakan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas; dan
- (iii) Pakej 3: dari Bukit Tiu, Machang ke Kampung Rahmat, Kuala Krai sepanjang 30.7 kilometer iaitu dijangkakan pembinaannya dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat dari Sabah dan Sarawak iaitu Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat Limbang, Yang Berhormat Sepanggar, Yang Berhormat Sipitang, Yang Berhormat Tuaran, Yang Berhormat Kota Kinabalu dan Yang Berhormat Sandakan telah membangkitkan mengenai isu pembinaan Lebuhraya Pan Borneo yang bakal meningkatkan hubung jalin bandar-bandar utama di Sabah dan Sarawak.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Bintulu dan juga Yang Berhormat Limbang, projek Lebuhraya Pan Borneo di negeri Sarawak akan melibatkan cadangan membina dan menaik taraf jalan sepanjang 936 kilometer. Skop projek ini melibatkan gabungan menaik taraf jalan sedia ada, iaitu anggaran 85% daripada jarak keseluruhan dan 15% lagi melibatkan pembinaan jalan yang baru. Perkara ini telah diputuskan setelah Kerajaan Pusat berbincang dan berunding dengan Kerajaan Negeri Sarawak.

Geometri reka bentuk projek ini akan mengambil kira ciri-ciri keselesaan dan keselamatan pengguna termasuk meluruskan laluan yang berselekeh dan menaik taraf kawasan-kawasan *black spots*. Pelaksanaan projek Pan Borneo di Sarawak ini akan dibuat secara dua fasa.

#### ■1610

Fasa pertama melibatkan laluan dari Teluk Melano ke Sematan ke Kuching ke Serian ke Sibul ke Bintulu dan seterusnya ke Miri. Manakala fasa 2 pula melibatkan laluan di bahagian Limbang dan Lawas yang dijangkakan akan dimulakan pada tahun 2018. Pembinaan projek berskala besar ini akan turut melibatkan pengagihan kontrak kerja kepada kontraktor-kontraktor tempatan termasuk juru perunding dan juga pembekal bahan binaan daripada kedua-dua negeri berkenaan.

Pada masa kini, projek *kick off* Lebuhraya Pan Borneo Sarawak telah dimulakan pada 31 Mac 2015 yang lalu iaitu melibatkan laluan dari Persimpangan Nyabau ke Persimpangan Bakun sepanjang 43 kilometer. Projek kedua pula melibatkan laluan dari Teluk Melano ke Sematan sepanjang 33 kilometer di mana ia dijangka akan dimulakan pada bulan Oktober 2015 ini.

Manakala segmen-segmen laluan yang lain untuk fasa pertama akan dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun hadapan iaitu 2016. Keseluruhan projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak akan mengambil tempoh lapan tahun untuk disiapkan iaitu dijangka siap dan beroperasi sepenuhnya pada awal tahun 2023.

Tuan Yang di-Pertua, untuk projek Lebuhraya Pan Borneo di negeri Sabah pula, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya dari Sipitang, Tuaran dan Sandakan, skop projek ini melibatkan projek membina dan menaik taraf jalan sedia ada di Sabah dengan jarak keseluruhan sepanjang 727 kilometer. Pada masa kini, fasa rundingan

dengan kerajaan negeri dan pihak-pihak yang lain yang berkepentingan telah memasuki pusingan baru iaitu mengambil kira cadangan balas daripada pihak kerajaan negeri. Perjanjian konsesi Lebuhraya Pan Borneo di Sabah akan dimuktamadkan selewat-lewatnya pada akhir tahun ini dan pembinaan fizikal pula akan dimulakan pada tahun hadapan. Ia dijangka akan mengambil masa enam hingga lapan tahun untuk disiapkan secara keseluruhan.

Ahli Yang Berhormat dari Sepanggar pula telah membangkitkan sama ada skop pembinaan jejambat atau *flyover*, dengan izin di Pekan Inanam akan dimasukkan dalam skop projek menaik taraf jalan lintas Kota Kinabalu, Sabah. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM262 juta bagi tujuan menaiktarafkan dua buah persimpangan di jalan lintas Kota Kinabalu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tuaran bangun.

**Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin:** Silakan Yang Berhormat Tuaran.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya berterima kasih atas jawapan tadi. Saya ingin tahu daripada segi skop jalan Pan Borneo ini, berapakah *lane* sebenarnya akan dibina? Dan sekiranya setakat dua *lane*, adakah ini bererti Jajaran Kota Kinabalu-Tamparuli itu tidak perlu dinaiktarafkan ataupun adakah ia lebih daripada itu? Terima kasih.

**Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin:** Yang Berhormat Tuaran telah membangkitkan satu isu yang sangat relevan kepada isu Pan Borneo ini. Untuk menjawab yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, walaupun jajarannya belum lagi dapat dimuktamadkan namun saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa perancangan Kementerian adalah untuk menaiktarafkan jalan daripada dua buah lorong kepada empat buah lorong dan yang empat buah lorong sedia ada kepada enam lorong, Yang Berhormat. Terima kasih atas soalan yang dibangkitkan.

Kembali kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sepanggar. Skop projek ini termasuklah menaiktarafkan jalan enam buah lorong dua hala sepanjang 6.3 kilometer mengikut piawaian reka bentuk JKR R5. Ia termasuklah skop menaiktarafkan Jambatan di Batu Lima, Jalan Tuaran berhampiran Wisma Fook Loi untuk kemudahan dan kelancaran trafik dari arah Pekan Inanam. Projek membina dua buah persimpangan di jalan lintas ini merupakan sebahagian daripada skop projek Jalan Lingkaran Luar Kota Kinabalu atau, dengan izin, *Kota Kinabalu Outer Ring Road* yang dilaksanakan secara berfasa.

Terdapat 10 buah persimpangan bertingkat yang menjadi keutamaan Kerajaan Negeri Sabah untuk dilaksanakan di sekitar Kota Kinabalu pada Rancangan Malaysia Kesebelas. Dua daripadanya telah pun diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini. Hal ini untuk menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Kinabalu yang ingin tahu berapakah jumlah keseluruhan persimpangan bertingkat yang akan dibina di bandar raya tersebut. Pada masa kini, kemajuan semasa kerja di tapak untuk dua buah persimpangan bertingkat yang telah diluluskan itu ialah sebanyak 10% dan projek dijangka akan disiapkan pada bulan Julai 2017. Fasa-fasa lain akan dipohon untuk kelulusan agensi pusat dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu di antara 2016 hingga 2020.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kluang pula ingin mengetahui di manakah 93,100 kilometer jalan-jalan baharu yang telah dibina oleh kerajaan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh iaitu di antara 2011 hinggalah 2015. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagaimana tertera di bab kelima muka surat 4, dokumen Rancangan Malaysia Kesebelas yang diterbitkan oleh Unit Perancang Ekonomi atau UPE JPM, panjang jalan raya di negara ini telah meningkat sebanyak 68% daripada 137,200 kilometer pada tahun 2010 kepada anggaran 230,300 kilometer pada tahun 2015 iaitu peningkatan 10.9% setahun.

Pertambahan jalan raya ini telah meningkatkan indeks pembangunan jalan kebangsaan daripada 1.42 pada tahun 2010 kepada anggaran 2.29 pada tahun 2015. Anggaran jarak 93,100 kilometer jalan baharu ini mengambil kira semua jalan-jalan yang dibina oleh semua agensi kerajaan iaitu Kementerian Kerja Raya untuk jalan persekutuan dan lebuhraya, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk jalan luar bandar, Unit Penyelarasan Pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri atau ICU di JPM untuk jalan di

bawah Projek Infrastruktur Asas atau PIAS, Kementerian Pertahanan untuk jalan di bawah Projek Jiwa Murni Angkatan Tentera Malaysia dan juga jalan-jalan negeri serta jalan perbandaran yang dibina oleh kerajaan negeri sendiri.

Ini boleh dirujuk melalui Buku Statistik Jalan, edisi 2014 yang diterbitkan oleh pihak Jabatan Kerja Raya iaitu di muka surat 11, Yang Berhormat ya. Tuan Yang di-Pertua, kementerian...

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Adakah kementerian akan beri senarai di mana jalan-jalan tersebut dibina dan yang pentingnya kerana yang tersirat, soalan yang tersirat ialah *is that work claim* kerana memang angka ini besar, 60% lebih jalan baharu dibina tetapi *show me the road where are the roads*, di mana dia. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini saya ingatkan Yang Berhormat ya, Speaker ada kat sini, tak bolehlah terus sahaja.

**Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin:** Yang Berhormat, seperti yang saya katakan, perkara tersebut boleh dirujuk kepada buku ini. Kalau Yang Berhormat perlukan, saya boleh bekalkan kepada Yang Berhormat ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, nak jawab semua sekali kawasan Yang Berhormat?

**Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin:** Saya, Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Nak jawab semua sekali?

**Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin:** Saya ada beberapa helai lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin:** Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tak, saya simpati Yang Berhormat Menteri tak sihat.

**Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin:** Tak apa, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bagan Serai kena prihatin.

**Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih. Bertuah saya pada hari ini... [*Dewan riu*] Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini, pencapaian Kementerian Kerja Raya hanyalah melibatkan segmen untuk Jalan Persekutuan dan lebuh raya sahaja. Dianggarkan sepanjang 500 kilometer untuk Jalan Persekutuan atau *trunk roads*, dengan izin, iaitu naik taraf laluan sedia ada dan membina jalan persekutuan yang baharu manakala 192 kilometer lagi untuk segmen lebuh raya telah dan sedang dibina oleh kementerian ini di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Misi dan fokus Kementerian Kerja Raya lebih tertumpu untuk menambah baik jaringan rangkaian jalan raya utama negara sebagaimana yang digariskan oleh Pelan Induk Rangkaian Jalan Raya atau *Highway Network Development Plan* (HNDP), dengan izin.

#### ■1620

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Sabak Bernam pula membangkitkan mengenai status Projek Lebuhraya Pantai Barat yang bakal memberikan akses lebih baik kepada penduduk Pantai Barat di Perak dan Selangor. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perjanjian Konsesi Lebuhraya Pantai Barat telah ditandatangani pada bulan Januari 2013 dan perjanjian konsesi ini telah berkuat kuasa mulai 20 Disember 2013. Pada masa kini, proses pengambilan balik tanah Projek Lebuhraya Pantai Barat sedang giat dijalankan.

Di samping itu, syarikat konsesi juga telah memulakan kerja-kerja awalan seperti penandaan dan pengukuran serta pembersihan tapak di kawasan yang telah selesai dibuat pengambilan tanah. Khususnya di jajaran Hutan Melintang ke Teluk Intan di Perak dan Klang ke Kapar di Selangor. Kerja-kerja pembinaan akan dijalankan secara serentak di

kedua-dua negeri tersebut. Pelaksanaan projek WCE ini mengambil masa lima tahun untuk disiapkan. Oleh itu, jika tiada sebarang halangan, keseluruhan Projek Lebuhraya Pantai Barat dari Taiping ke Banting ini dijangka akan disiapkan pada penghujung tahun 2019.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu pemilihan laluan dari Tanjong Karang ke Sabak Bernam pula. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Tanjong Karang dan juga Yang Berhormat Sabak Bernam, kerajaan sedang mengkaji pemilihan jajaran yang terbaik untuk segmen laluan berkenaan. Ini berikutan terdapat bantahan daripada pemimpin dan penduduk tempatan mengenai cadangan jajaran asal iaitu menaik taraf Jalan Persekutuan FT05 sedia ada. Justeru itu, kementerian ini telah melantik pihak juru perunding untuk menjalankan kajian kemungkinan untuk cadangan jajaran yang terbaru. Kajian tersebut telah disiapkan pada bulan Mac yang lalu dan kini sedang diperhalusi untuk semua pihak yang terlibat, termasuklah Kerajaan Negeri Selangor.

Masih lagi mengenai Lebuhraya Pantai Barat iaitu untuk menjawab persoalan Ahli Yang Berhormat Kota Melaka yang ingin mengetahui mengapa jajaran Lebuhraya Pantai Barat hanya melibatkan segmen laluan dari Taiping ke Banting sahaja. Sedangkan mengikut perancangan asal ia sepatutnya melibatkan juga negeri-negeri yang lain di bahagian selatan iaitu Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Memang benar mengikut Pelan Induk Rangkaian Jalanraya (HNDRP), jajaran asal Lebuhraya Pantai Barat yang dicadangkan oleh laporan tersebut akan berakhir di negeri Johor iaitu melalui Negeri Sembilan dan Melaka. Walau bagaimanapun, kerajaan memutuskan pelaksanaan Projek Lebuhraya Pantai Barat ini dibuat secara berfasa. Di mana fasa pertama yang akan dibina terlebih dahulu melibatkan segmen laluan dari Taiping ke Banting. Cadangan fasa seterusnya akan dipertimbangkan oleh kerajaan tertakluk kepada faktor daya maju atau *viability* projek berkenaan dengan mengambil kira aspek teknikal mahupun kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Hulu Langat telah membangkitkan mengenai isu inovasi kutipan tol elektronik yang dirancang oleh kerajaan untuk mengurangkan masalah kesesakan yang berlaku di plaza-plaza tol. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini sentiasa berusaha dari semasa ke semasa untuk mengurangkan masalah kesesakan di plaza-plaza tol. Untuk jangka masa pendek, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) telah mengarahkan syarikat-syarikat konsesi untuk mengambil tindakan segera seperti menempatkan kakitangan dan petugas tol di samping penggunaan *portable reader*, dengan izin, di lorong-lorong kutipan tol elektronik (ETC).

Di samping itu, pihak konsesi juga telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan kaedah pembayaran secara *mode* bercampur iaitu tunai dan ETC di lorong-lorong tunai sedia ada. Menambah bilangan lorong plaza tol secara sementara melalui konsep *fishbone*, dengan izin, di plaza-plaza utama. Untuk tempoh jangka panjang pula, Kementerian Kerja Raya pada masa kini sedang mengkaji beberapa alternatif kaedah pembayaran tol yang lebih efisien. Ini termasuklah cadangan penggunaan sistem pembayaran tol tanpa henti atau *multi-link free flow* (MLFF), dengan izin, dengan menggunakan sistem identifikasi frekuensi radio atau *radio frequency identification* (RFID) bagi menggantikan sistem pembayaran secara konvensional di plaza-plaza tol sedia ada. Pada masa kini, pihak LLM sedang memantau dan memperhalusi keberkesanan pelaksanaan sistem ini.

Untuk makluman, kementerian ini menyasarkan tahun 2018 untuk melaksanakan kutipan tol secara elektronik sepenuhnya di semua plaza tol di lebuhraya negara ini. Pada tahun 2014, penggunaan ETC secara keseluruhan telah mencapai tahap penggunaan sekitar 65%. Pada masa kini terdapat sembilan plaza tol yang telah melaksanakan kaedah ETC sepenuhnya iaitu:

- (i) Plaza Tol Bangunan Sultan Iskandar (BSI) Johor Bahru dan Plaza Tol Kempas;
- (ii) Plaza Tol Batu Tiga dan Plaza Tol Sungai Rasau di Lebuhraya Persekutuan 2;
- (iii) Plaza Tol Mambau dan Plaza Tol Lukut di Lebuhraya Seremban ke Port Dickson;
- (iv) Tiga lagi plaza tol di laluan Lebuhraya Link Kedua Malaysia ke Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Bukit Gantang telah membangkitkan mengenai isu peniaga R&R PLUS yang ditamatkan kontrak perniagaan kerana peniaga asal telah meninggal dunia. Mengapakah pihak PLUS tidak membenarkan waris untuk



meneruskan perniagaan tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2013 hingga kini, terdapat 13 orang penyewa gerai R&R di Lebuhraya PLUS yang telah meninggal dunia semasa dalam tempoh sewaan sedang beroperasi.

Pihak PLUS Malaysia Berhad sebagai operator R&R di Lebuhraya Utara Selatan telah menetapkan dasar bahawa sewaan R&R tidak boleh disambung atau diteruskan oleh pewaris jika penyewa asal itu telah meninggal dunia. Ini bertujuan untuk memberi peluang kepada pemohon yang baru untuk menjalankan perniagaan di gerai kawasan R&R berkenaan. Namun demikian, pewaris yang terlibat dibenarkan membuat permohonan untuk meneruskan sewaan dan ia tertakluk kepada pertimbangan pihak PLUS.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan dan Yang Berhormat Taiping telah membangkitkan mengenai asas pertimbangan yang digunakan oleh kerajaan untuk memberikan lanjutan tempoh konsesi kepada sebuah atau sesuatu syarikat konsesi lebuhraya. Sebagai contoh, syarikat konsesi PLUS Malaysia Berhad. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian tempoh lanjutan konsesi merupakan sebahagian daripada pakej rundingan di antara kerajaan dan syarikat konsesi. Ia dibuat secara *case-by-case basis* iaitu berikutan daripada keputusan kerajaan untuk tidak membenarkan atau mengurangkan kenaikan kadar tol berbanding dengan kadar tol sebenar dalam perjanjian konsesi asal. Oleh itu, kerajaan perlu menjelaskan pampasan kepada pihak konsesi berkenaan sama ada dalam bentuk tunai mahupun bukan tunai.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Ini termasuklah opsyen pemberian tempoh lanjutan konsesi berasaskan pengiraan formula yang kemudiannya akan disahkan oleh juruaudit kedua-dua belah pihak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pendek sahaja. Saya hendak tanya tentang beberapa perancangan kerajaan untuk mengupgrade FT092 Kota Tinggi ke Bandar Penawar dan juga FT213 daripada Desaru ke Tanjung Sedili. Terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, soalan pendek tapi jalan hendak panjang. Yang Berhormat Shah Alam.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** [Ketawa] Saya akan menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan selepas ini Yang Berhormat. Yang Berhormat Shah Alam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya nak tanya berhubung dengan kutipan tol di Lebuhraya Persekutuan Batu Tiga, dan juga Sungai Rasau. Di mana kalau mengikut kontrak yang asal kalau tidak silap saya telah pun ditamatkan. Akan tetapi diberitahu bahawa ia dilanjutkan lagi untuk tempoh selama 20 tahun. Saya pun hari itu bila berucap tidak sempat hendak tanya, maka ia merupakan soalan baru. Akan tetapi saya yakin bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri cukup mengetahui tentang isu ini. Saya hendak tahu mengapa diberikan pelanjutan itu dan atas dasar perkiraan apa? Walaupun kita tahu pemilikannya adalah hampir kesemuanya milik kerajaan, EPF dan sebagainya tetapi ia tetap merupakan satu bebanan ke atas pengguna. Terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam atas persoalan yang telah dibangkitkan.

■1630

Yang Berhormat, dalam isu ini saya ingin mengatakan di sini bahawa antara sebabnya Yang Berhormat, tujuannya adalah untuk mengurangkan kenaikan harga tol kepada orang awam, Yang Berhormat ya. Oleh daripada itulah kerajaan telah beberapa kali

menstrukturkan semula kadar tol PLUS dan ianya berlaku beberapa kali, Yang Berhormat ya. Saya mengetahui bahawa Yang Berhormat juga tahu mengenai isu ini. Di bawah penstrukturkan semula itu, antara opsyen adalah untuk memanjangkan lagi tempoh konsesi untuk memastikan bahawa tidak ada kenaikan tol di atas permintaan orang awam sendiri dalam beberapa kes seperti yang saya sebutkan, kes itu kes basis Yang Berhormat, antara sebabnya. Okey? Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, terima kasih. Walaupun jawapannya adalah sebegitu tetapi tidakkah pihak kerajaan mengambil kira bahawa pengutipan tol di Batu Tiga dan Sungai Rasau telah mendatangkan pulangan yang cukup lumayan kepada PLUS dan mengapa ianya perlu terus diberikan lanjutan selama 20 tahun lagi yang merupakan hampir sekali ganda tempoh kontrak yang asal? Saya merasakan semestinya kerajaan yang membawa dasar yang mengutamakan rakyat, berpaksikan rakyat dan sebagainya, sepatutnya lebih prihatin.

Lebih-lebih lagi, UMNO Shah Alam sendiri pun sudah siap buat memorandum minta persetujuan daripada kerajaan untuk mansuhkan sahaja kerana kita semua tahu sejarahnya yang tak perlulah saya ulangi. Bahawa ianya bukan jalan yang baru, jajaran yang baru ya. Syarikat itu telah datang dan telah mengambil alih satu laluan yang sedia ada, *upgradekan* sedikit, lebarkan sedikit dan jelas mencatatkan keuntungan yang berlipat kali ganda.

Maka apa masalah bila kita berunding, adakah oleh kerana kontrak yang asal itu memang berat sebelah dan hanya melihat kepada keuntungan yang dijamin oleh kerajaan tanpa mengambil kira beban yang akan dikenakan ke atas rakyat? Terima kasih.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Sambung sikit Yang Berhormat Menteri, sambung sikit. Kapar. Berkaitan dengan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila, sila.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kapar, saya ingin dapat pengesahan, ini perkara baru atau ditimbulkan dalam... [Disampuk] Perkara baru. Ini perkara baru.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya rasa ada ditimbulkan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tapi Yang Berhormat Timbalan Menteri bersedia untuk menjawab, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri bersedia tapi saya nasihatkan jawapan bertulis.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya *just* hendak tanya macam mana – boleh ya Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Penstrukturkan semula ialah untuk 20 tahun. Macam mana perincian dan penetapan 20 tahun ini telah ditetapkan? Padahal, macam Yang Berhormat Shah Alam telah terangkan tadi, kita telah dapati PLUS telah membuat keuntungan dan sebagainya. Tiba-tiba untuk mengurangkan kenaikan tol, kita pula kata hendak membuat penstrukturkan semula. Macam mana perincian dan pengiraan itu dilakukan sehingga 20 tahun? Minta penjelasan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Minta sikit.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Okey, untuk menjawab kedua-dua Ahli Yang Berhormat, sebenarnya dalam memanjangkan tempoh...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, Yang Berhormat. Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, perkara yang berkaitan?

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Berkaitan kah Yang Berhormat ?

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Ya, berkaitan. Soalan ini saya tanya di perbincangan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ringkas saja.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Saya rasa soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Shah Alam ini bukan perkara baru. Ini soalan yang saya tanya tentang kutipan lanjutan tol 20 tahun Sungai Rasau dan Batu Tiga. Saya hendak minta penjelasan, lanjutan ini untuk Jalan Persekutuan 2, apakah diguna pakai untuk Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) di mana saya dapati kalau ikut perjanjian, kontrak sepatutnya ditamatkan pada tahun 2015 dan ditambah lagi tujuh tahun kerana lebaran lorong dari Seremban ke Ayer Keroh dan juga dari Rawang ke Slim River dan sepatutnya tamat pada tahun 2022. Tapi sekarang saya difahamkan kerajaan membenarkan Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) untuk lanjutan masa sehingga tahun 2038. Juga tambah 20 tahun. Adakah benar? Saya hendak dapat penjelasan dari Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat. Ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan soal dasar ya. Jadi saya ingin menjawab. Segala peningkatan ataupun pelanjutan tempoh konsesi Yang Berhormat, tidak dibuat sembarangan ataupun secara sembarono tapi ianya dilaksanakan berdasarkan opsyen yang *available* ataupun pemilihan di mana disebabkan oleh kerana kita tidak mahu meningkatkan harga tol mengikut perjanjian. So, opsyennya adalah untuk memanjangkan tempohnya, antara satu Yang Berhormat ya. Akan tetapi Yang Berhormat, segala keputusan ini dibuat berasaskan kepada pengiraan formula yang kemudiannya akan disahkan oleh juruaudit kedua-dua pihak ya Yang Berhormat, dan soal sama ada berat sebelah atau tidak, itu tidak timbul.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon izin...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, tidakkah itu menunjukkan bahawa perjanjian itu telah ditandatangani secara sembarono?

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Saya tidak bersetuju Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sehingga akhirnya kerajaan terikat tangannya, tidak boleh membantu rakyat dalam keadaan dikenakan GST dan sebagainya, masih lagi hendak dikenakan tol.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Kalau Yang Berhormat...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kenapa perlu ada perjanjian yang begitu pada ketika yang pertama?

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Saya tahu Yang Berhormat Shah Alam ini dia tidak akan berhenti, Yang Berhormat ya. Dia akan pusing, pusing, pusing dan seterusnya pusing. Jadi saya memilih untuk tidak memusinglah hari ini. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya. Saya rasa kalau saya jawab pun, Yang Berhormat Shah Alam tidak akan berpuas hati dan dia akan meneruskan pusingan-pusingan beliau seperti biasa. Jadi saya...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Memang dari asal kita tidak puas hati pasal perjanjian itu memang daripada asal tidak betul.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Keputusan kerajaan untuk tidak menaikkan tol adalah atas permintaan rakyat, Yang Berhormat, pengguna jalan raya. Kita tidak buat keputusan secara...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Rakyat minta tol itu dimansuhkan. Itu permintaan rakyat lebih-lebih lagi Tol Batu Tiga dan Tol Sungai Rasau.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Banyak yang perlu dipertimbangkan sebelum pemansuhan tol-tol kita, Yang Berhormat ya. Yang Berhormat janganlah menggunakan rakyat kerana apabila isu yang berkaitan ini...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri yang menggunakan rakyat sebagai alasan, bukan saya.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Tidak, Yang Berhormat Shah Alam. Saya duduk sudah lama dekat Parlimen, dengar sentiasa Yang Berhormat Shah Alam gunakan rakyat dalam memusing-musingkan isu-isu yang cuba di...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tadi Yang Berhormat Menteri yang mula-mula gunakan rakyat sebagai alasan.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Tapi tidak apalah, tidak apa Yang Berhormat, tidak apalah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri ada buat banciah kah?

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Tidak apa Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat duduk. *This is my floor.* Saya memilih untuk...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ada buat banciah?

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Saya memilih untuk menjalankan tanggungjawab saya untuk menjawab, bukan untuk memuaskan hati Yang Berhormat Shah Alam. Saya nak meneruskan, Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** ...Dalam isu rumah kekal mangsa banjir. Isu pembinaan rumah kekal untuk mangsa banjir di Kelantan telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Kubang Kerian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah menubuhkan Unit Pemulihan Pasca Banjir, Jabatan Perdana Menteri bagi menguruskan selia pembinaan dan pembaikan rumah mangsa banjir. Unit Pemulihan Pasca Banjir ini dibantu oleh dua jawatankuasa kecil iaitu Jawatankuasa Rumah Kekal yang diterajui oleh Kementerian Kerja Raya dan Jawatankuasa Pembaikan Kerosakan Rumah yang diselaraskan bersama oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia atau CIDB.

Sehingga 1 Jun 2015, sebanyak 2,094 unit rumah kekal telah dikenal pasti bagi maksud pembinaan baru iaitu 1,827 unit di Kelantan, 224 unit di Pahang, 17 unit di Terengganu dan 26 unit lagi di Perak. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,415 unit rumah akan dibina oleh Kerajaan Pusat dan bakinya sebanyak 573 unit lagi dibina oleh kerajaan negeri. Pada masa kini, 33 unit rumah kekal yang baharu telah berjaya disiapkan oleh Kerajaan Pusat iaitu 11 unit di Kelantan, 14 unit di Pahang, dua unit di Terengganu dan enam unit lagi di Perak. Manakala 309 unit lagi sedang dibina iaitu 206 di Kelantan, 72 unit di Pahang, 11 unit di Terengganu dan 20 unit di Perak. Manakala rumah yang masih dalam peringkat pra bina pula ialah sebanyak 238 unit keseluruhan.

#### ■1640

Untuk kes mangsa yang tiada tanah pula ialah sebanyak 525 unit dan kes tanah ragu pula ialah sebanyak 310 unit di mana ia masih dalam semakan oleh Pejabat Tanah dan Jajahan Negeri Kelantan.

Pada masa kini, kerja-kerja membina semula rumah yang musnah atau *total loss* akibat banjir sedang berjalan di beberapa buah kawasan yang terjejas akibat banjir. Pihak kontraktor juga telah digesa untuk mempercepatkan kerja-kerja baik pulih dengan kadar segera untuk menyiapkan rumah berkenaan menjelang bulan Ramadhan dan selewat-lewatnya sebelum sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini. Adalah dijangkakan sebanyak 135 unit rumah kekal di Kelantan akan dapat disiapkan oleh Kerajaan Pusat sebelum 31 Julai 2015.

Ini bagi rumah bergeran milik yang telah disahkan oleh pejabat tanah dan jajahan negeri Kelantan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu pemilihan tapak yang sesuai merupakan isu utama yang sering dibincangkan antara pihak Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri Kelantan terutama melibatkan pembinaan rumah secara berkelompok untuk mangsa yang tiada tanah. Terdapat juga kes di mana kerajaan negeri memberikan tanah atau tapak yang tidak sesuai di mana ia memerlukan kos yang tinggi untuk menyediakan infrastruktur.

Oleh itu JKR perlu melaksanakan kerja-kerja ukur tanah dan urusan teknikal yang berkaitan bagi membolehkan kawasan berkenaan boleh didiami oleh penduduk. Ini kerana sesuatu kawasan penempatan yang baru memerlukan kemudahan asas yang berkaitan seperti jalan masuk, bekalan air, bekalan elektrik di mana ia perlu disediakan untuk kemudahan penduduk. Jangka masa untuk membangunkan kemudahan asas berkenaan bergantung pada keluasan kawasan pembangunan yang terlibat dan lokasi tanah yang diberikan oleh kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali Ahli Yang Berhormat dari Sik telah membangkitkan...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Menteri, Kuala Krai..

**Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]:** Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Ya, Yang Berhormat Kuala Krai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** ya, Yang Berhormat Menteri, ada tiga yang bangun. Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, kerana Kuala Krai yang banyak terkesan. Saya mendengar tadi bahawa Yang Berhormat Menteri menyebut mengenai penyediaan tapak baru yang katanya tidak sesuai dan tidak ada prasarana yang diperlukan oleh suatu-suatu penempatan. Memangnya Yang Berhormat Menteri bila kita hendak buka kawasan baru, itulah nama kawasan baru. Akan tetapi saya hendak bertanya, mana kawasan yang disebut agak jauh ataupun agak terpencilkah atau susah untuk dibangunkan kerana saya sudah bertanya dan memaklumkan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam Dewan ini juga bahawa dua tapak yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri adalah tanah-tanah yang cukup bagus di tepi jalan dan semestinya kawasan baru mesti dibawa bekalan api dan air.

Jadi itu tidak seharusnya menjadi alasan mengapa pembangunan ini dilewatkan. Sudah ada dua tanah yang boleh membina lebih 200 buah rumah dan Yang Berhormat Menteri memberi jaminan rumah boleh disiapkan dalam masa 30 hingga 45 hari. Jadi sepatutnya sejak April yang lalu, rumah-rumah ini sepatutnya sudah siap dibina. Bukannya tangguh lagi.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai.

**Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]:** Boleh saya sambung sikit?

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Saya ingin maklumkan di sini...

**Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]:** Saya yang bangkitkan berkaitan...

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Ya, Yang Berhormat ya.

**Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya berkaitan dengan kelewatan pembinaan rumah-rumah mangsa banjir ini yang telah disebut oleh pihak Yang Berhormat Menteri tadi hanya 11 buah rumah sehingga 1 Jun baru-baru ini. 11 buah rumah itu memang merupakan satu pencapaian yang saya rasakan sangat lambat dan alasan yang biasa diberikan ialah kerana tidak ada tanah tapak rumah yang memiliki geran. Apa yang saya persoalkan ialah kerana daripada 1,000 lebih mangsa banjir yang kehilangan rumah, 516 daripada mereka mempunyai geran. Kenapakah kerajaan tidak memilih mangsa-mangsa yang telah mempunyai geran ini untuk dibina terlebih dahulu rumah-rumah mereka berbanding yang tidak ada geran?

Kedua, berkaitan dengan tapak tanah yang diberikan oleh pihak kerajaan negeri. Sebenarnya pihak kerajaan negeri telah mencadangkan kepada pihak Kerajaan Persekutuan untuk menggunakan dahulu tanah yang telah diberikan kepada Kementerian Pendidikan yang sememangnya telah lama diluluskan dan tempatnya bagus, strategik tetapi kenapa tidak digunakan tanah itu dan kami boleh ganti dengan tanah-tanah yang lain kepada Kementerian Pendidikan selepas daripada itu. Terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai dan Yang Berhormat yang membangkitkan isu tadi. Saya ingin maklumkan

kepada Yang Berhormat Kuala Krai bahawa beberapa tanah yang telah dicadangkan itu antara sebab-sebab mengapa tapak tersebut kurang sesuai kerana antaranya adalah disebabkan tempat yang terlibat adalah merupakan kawasan yang rendah ataupun mudah ditenggelami air ataupun mudah banjir.

Ada kawasan tersebut yang saya difahamkan terletak 100 kilometer jauhnya. Jadi tidak dipersetujui oleh pemohon ataupun mangsa banjir sendiri. Yang Berhormat kena *engage*, Yang Berhormat. Jadi ini merupakan makluman dan Ahli Yang Berhormat pun merupakan Ahli Parlimen di sana. Saya rasa *consultancy* lah. Buatlah *consultancy* dengan pemilik-pemilik ataupun pemohon-pemohon ataupun mangsa-mangsa banjir kita kerana sebahagian besar daripada mereka menolak Yang Berhormat ya tapak yang telah dicadangkan.

**Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]:** Yang Berhormat Menteri, boleh, boleh tolong jelaskan yang 100 kilometer itu di mana lokasinya?

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Okey, saya akan dapatkan maklumat daripada...

**Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]:** Rasanya pelik sangat itu.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Tidak pelik Yang Berhormat. Ini bukan kali pertama kita menjawab di Dewan ini dan...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri..

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Dan – tak apalah Yang Berhormat Shah Alam duduklah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kerajaan negeri...

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Tak apa...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kerajaan negeri sudah bina 400 lebih rumah. Kenapa Kerajaan Pusat hanya bina tujuh?

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Tuan Yang di-Pertua, saya tak hendak bagi ruang kepada Yang Berhormat Shah Alam sebab Yang Berhormat Shah Alam sudah tak ada isu lain.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** [*Ketawa*] Kerajaan negeri, saya orang Kelantan juga. Hamba orang Kelantan juga. Saya dapat maklumat, kerajaan negeri sudah bina...

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Politik..

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...400 lebih rumah. Shah Alam sendiri pun sudah bina tujuh biji rumah. Kerajaan Pusat baru tujuh buah rumah. Apa masalah ini?

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Yang Berhormat Shah Alam, walaupun saya tak menjemput beliau, seperti biasa, bukan tujuh Yang Berhormat ya, 33 setakat hari ini dan terdapat 200 ataupun 309 unit lagi yang sedang dibina Yang Berhormat ya. Jadi janganlah memanipulasikan fakta seperti biasa. Jadi, Ahli Yang Berhormat Kuala Krai...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** [*Ketawa*] Yang sedang dibina itu apa dia? Baru korek lubangkah? [*Ketawa*]

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Tak apalah, kalau hendak buat lawak Yang Berhormat, kita ada Maharaja Lawak. Mungkin boleh *join* dekat sana ya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** [*Ketawa*] Yang buat lawak Timbalan Menteri.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Pasal fakta-faktanya ada.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Akhir sekali Yang Berhormat dari Sik telah membangkitkan mengenai isu cadangan pengasingan pentadbiran JKR daerah Sik dan Kuala Muda.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sebelum itu Yang Berhormat Parit Sulong bangun.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Okey, silakan Yang Berhormat.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Akan tetapi ini saya cuma hendak tanya Tuan Yang di-Pertua sebab saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada dia akan menjawab semua ataupun maklumat dalam Dewan sebab saya pun membangkitkan isu-isu. *[Disampuk]* Ya, tetapi daripada layan Yang Berhormat Shah Alam ini, lebih baik menjawab soalan-soalan kami ini. Kalau layan sahaja dia, dia memang tak pernah puas hati Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadinya bagi kami yang sentiasa menjadi juara kepada rakyat ini diharapkan dapatlah membantu memberi penjelasan kepada persoalan yang dibawa oleh termasuk daripada Parit Sulong.

Sebab Yang Berhormat sendiri dalam Dewan ini mengatakan akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas persoalan yang dibawa. Jadi saya hendak minta kepastiannya betul-betul ia ada dalam Rancangan Malaysia Kesebelas mengenai isu-isu yang saya bawa. Sebab ini Yang Berhormat Shah Alam kalau lalu ini, tumpang lalu hendak balik Johor Bahru, lalu kawasan saya habis menceceh mengata Barisan Nasional ini. Okey silakan. *[Ketawa]*

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]:** Yang Berhormat Parit Sulong. Saya terpaksa memohon maaf kepada Yang Berhormat kerana saya tidak dibekalkan dengan isu-isu tersebut tetapi saya berjanji kepada Yang Berhormat yang juga merupakan bekas Ketua Puteri saya, yang saya akan memberikan jawapan secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin teruskan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Kedah telah mengemukakan kertas cadangan penstrukturan semula Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada bulan Ogos 2014. Cadangan penstrukturan semula tersebut termasuklah mengasingkan pentadbiran antara JKR Daerah Kuala Muda dan Daerah Sik. Perkara ini masih sedang dalam peringkat pertimbangan pihak JPA.

#### ■1650

Kementerian ini menerusi Ibu Pejabat JKR bersedia untuk mengisi perjawatan pegawai dan kakitangan yang terlibat jika permohonan kerajaan negeri tersebut diluluskan oleh JPA. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah penjelasan-penjelasan yang dapat saya berikan. Mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan. Sekali lagi saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat kecuali Yang Berhormat Shah Alam *[Dewan riuh]* yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu yang berkaitan.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit lagi...

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Kementerian ini akan mengambil perhatian dan tindakan susulan ke atas perkara yang dibangkitkan sebentar tadi.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Sebab tadi Yang Berhormat mengatakan tadi bahawa semua soalan tetapi Yang Berhormat tidak menjawab semua soalan. Jadinya, sebahagian daripada soalan dan Parit Sulong punya pun harap dapat dibekalkan secara bertulis. Saya harap pegawai-pegawai dekat belakang sana sila ambil perhatian dan bekalkan soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Parit Sulong secara terperinci, secara bertulis. Terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** *Insya-Allah*, Yang Berhormat.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Kota Tinggi pun minta jawapan daripada kementerian. Terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Segala persoalan yang tidak sempat saya jawab, Tuan Yang di-Pertua kita akan bekalkan secara bertulis. Itu tanggungjawab kita. *Insyah-Allah.*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, yang saya punya soalan yang hendak jawab bertulis daripada sesi tahun lepas lagi tidak dapat-dapat. *[Ketawa]*

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Boleh bagi...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini bukan lawak, ini bukan lawak.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Boleh berikan bukti tidak? Boleh berikan bukti tidak?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Bukan saya tujukan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang ini yang khususnya. Akan tetapi ada juga yang mana yang saya tanya dahulu sampai sekarang tidak terima-terima lagi. Saya rasa Ahli Parlimen yang lain pun sama sahaja, lalu saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Parit Sulong jangan mengharap sangatlah. *[Ketawa]*

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Itu tidak relevan sebab itulah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey, Yang Berhormat Shah Alam. Terima kasih Yang Berhormat. Saya sengaja biarkan sebab sebelah petang ini nampak semua terlentok.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Jadi biarlah. *[Disampuk]* Apa Yang Berhormat Seputeh? Kalau saya terlentok macam mana saya hendak uruskan Dewan? Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih, Kementerian Kerja Raya kerana juga disebut kawasan Parlimen Kuala Krau tidak ketinggalan dalam pembangunan. Saya jemput Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

#### 4.52 ptg.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan juga mengutarakan isu-isu berkaitan dengan Kementerian ini semasa perbahasan Rancangan Malaysia Kesebelas untuk 2016 hingga 2020 yang lalu. Sepanjang perbahasan seramai tujuh orang Ahli Yang Berhormat telah membahaskan enam perkara yang akan saya jelaskan pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu pertama yang akan saya perjelaskan ialah mengenai dengan Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Parit Buntar. Program TUKAR diperkenalkan oleh kerajaan bagi membangunkan dan mentransformasikan kedai-kedai runcit tradisional kepada bentuk kedai runcit yang lebih moden dan berteknologi baru. Sasaran program ini adalah untuk mentransformasikan sebanyak 5,000 buah kedai runcit menjelang tahun 2020.

Sehingga 10 Jun 2015, sebanyak 1,994 buah kedai runcit telah ditransformasikan di seluruh negara. Sebanyak 84% iaitu 1,682 daripada peserta yang menyertai program ini dari golongan bumiputera manakala baki 16% iaitu 312 adalah bukan bumiputera. Bagi menilai keberkesanan program ini satu kajian impak Program TUKAR telah dijalankan dengan kerjasama Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan iaitu PEMANDU.

Berdasarkan kepada sejumlah 806 peserta TUKAR pada tahun 2013, hasil kajian menunjukkan bahawa sebanyak 628 bersamaan dengan 78% daripada 806 peserta yang menyertai Program TUKAR. Pada tahun tersebut telah mencatatkan peningkatan dalam jualan harian. Sebagai contoh, Kedai Runcit Aman dari Tok Jalai Kedah telah mencatatkan peningkatan jualan sebanyak 100% iaitu dari RM15,000 sebulan kepada RM30,000



sebulan. Kedai Runcit Xin Dong Li di Ipoh, Perak meningkat 200% iaitu daripada RM10,000 sebulan kepada RM30,000 sebulan. Manakala Pasar Mini Bandar Baru Merlimau dari Merlimau, Melaka meningkat 167% iaitu dari RM30,000 sebulan kepada RM80,000 sebulan. Ini menunjukkan bahawa kemudahan serta peluang yang disediakan melalui program ini telah berjaya membantu peningkatan nilai jualan peserta.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang kedua ialah mengenai cadangan Yang Berhormat Tasek Gelugor supaya diperbanyakkan inisiatif 1Malaysia untuk kemudahan orang ramai khususnya yang berpendapatan rendah. Syabas saya ucapkan kepada Yang Berhormat di atas keprihatinan mengenai dengan perkara ini. Kementerian sememangnya menyambut baik cadangan tersebut kerana sebagai sebuah kerajaan yang prihatin, kementerian sentiasa memikirkan kaedah dan pendekatan yang sesuai dilaksanakan bagi mengurangkan beban sara hidup rakyat.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini sebanyak 163 buah Kedai Rakyat 1Malaysia iaitu KR1M telah dibangunkan di seluruh negara. Bagi tahun 2015 ini kementerian telah merancang untuk membangunkan tambahan sebanyak 23 KR1M manakala bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas, kementerian akan memastikan bahawa setiap kawasan Parlimen akan mempunyai sekurang-kurangnya sebuah KR1M untuk kemudahan orang ramai. Di samping KR1M, kementerian dengan kerjasama syarikat swasta juga telah mewujudkan inisiatif-inisiatif 1Malaysia yang lain seperti Kedai Kain Rakyat 1Malaysia yang telah mempunyai sebanyak 24 cawangan. Kedai Optik 1Malaysia sebanyak 121 cawangan serta sebanyak 5,129 kedai makan yang terlibat menawarkan Menu Rakyat 1Malaysia iaitu MR1M.

Kementerian juga sentiasa membuka ruang kepada pihak swasta dan komuniti perdagangan untuk mengemukakan sebarang cadangan baru untuk memperluaskan lagi inisiatif-inisiatif 1Malaysia. Apa yang penting cadangan tersebut perlu memenuhi syarat yang utama iaitu menawarkan harga yang rendah, produk dan perkhidmatan yang berkualiti, dan bermanfaat untuk rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bintulu mengenai dengan turun naik harga barang sejak bermulanya pelaksanaan cukai barang dan juga perkhidmatan iaitu GST. Untuk makluman Yang Berhormat, jawapan saya pada 21 Mei 2015 adalah menyeluruh mengenai penurunan dan kenaikan harga barang berdasarkan kepada pemantauan dan analisa kementerian terhadap 446 jenis barangan yang dipantau secara harian, mingguan dan juga bulanan di Semenanjung dan juga Sabah dan Sarawak.

Izinkan saya mengemas kini jawapan saya sebelum ini berdasarkan analisis terkini harga barang di antara bulan Mac dan April 2015. Di Semenanjung, 122 item mengalami penurunan harga. Antaranya ialah barangan basah sebanyak 73 item, barangan berbungkus tujuh item, barangan kebersihan tiga item, barangan KR1M sebanyak 15 item, barangan rempah-ratus sebanyak 19 item dan barangan bayi lima item.

Bilangan item yang mengalami peningkatan harga pula ialah 288 item. Antara barangan tersebut ialah barangan basah sebanyak 81 item, barangan berbungkus sebanyak 123 item, barangan kebersihan sebanyak 21 item, barang kering sebanyak 24, barangan rempah-ratus 18 dan barang bayi 21 dan julat kenaikan harga ialah daripada 1 sen hingga RM4.44.

#### ■1700

Ada juga baki item yang tidak mengalami perubahan. Itu di Semenanjung Tuan Yang di-Pertua. Di Sabah jumlah penurunan harga ialah sebanyak 115 item. Antaranya ialah barangan basah - 64, barangan berbungkus - 28, barangan kebersihan - 2, barangan kering - 17, barangan rempah ratus - 3 dan barangan bayi - 1.

Manakala bilangan item yang mengalami peningkatan harga adalah sebanyak 265 item. Antara barangannya ialah barangan basah - 61, barangan berbungkus - 109, barangan kebersihan - 22, barangan kering - 20, barangan rempah ratus - 30 dan barangan bayi - 23 dan julat kenaikan harga ialah daripada 1 sen hingga RM3.45 dan ada juga 66 item yang tidak mengalami perubahan.

Di Sarawak, jumlah penurunan harga ialah sebanyak 130 item. Antaranya ialah barangan basah - 75, barangan berbungkus - 24, barangan kebersihan - 6, barangan kering - 10, barangan rempah ratus - 11 dan barangan bayi - 4.

Manakala barangan item yang mengalami peningkatan harga di Sarawak adalah sebanyak 267 item. Antara barangannya ialah basah - 63, barangan berbungkus - 122, barangan kebersihan - 18, barangan kering - 21, barangan rempah ratus - 25 dan barangan bayi - 18 dan julat kenaikan harga ialah dari 1 sen hingga RM12.19.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Sila.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita faham selalu kita jawab dalam Dewan ini memang kita banyak syor, patut rakyat pun banyak suka tetapi Tuan Yang di-Pertua sekarang di seluruh negara kita kenapa rakyat marah? Mengapakah rakyat marah? Kita ada pergi lihat atau tidak? Perkara ini kalau tidak dilihat dan jawab di Dewan ini kita syok sendiri, kongkalikung... *[Bercakap dalam bahasa Cina]* satu kali picit tidak ada susu tidak ada guna.

Rakyat marah. Pelaksanaan macam mana? Penguat kuasa kita mana pergi? Contoh macam saya cerita logistik subsidi minyak ada kontraktor semua tetapi kawasan luar bandar minyak tidak sampai. Kita mesti mahu tahu, kita jawab tidak ada guna. *We must face the issue.* Isu ini rakyat marah. Kalau you cakap begitu, kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri soal begitu banyak barangan turun harga, macam mana lagi rakyat marah? Fasal GST punya hal.

Kita jangan jawab syok sendiri. saya harap pegawai-pegawai daripada kementerian faham. Kita sekarang *must take it seriously* atas isu ini. Jangan kita cuma syok sendiri sahaja jawab dalam Parlimen ini. Macam contoh telekomunikasi, Timbalan Menteri Komunikasi turun padang hari itu jawab di sini saya tidak setuju. Dia sampai bila kita mesyuarat dia lagi pegawai masih syok lagi jawab. Atas kertas memang syok. Saya suruh Timbalan Menteri *you checklah* di seluruh kawasan beberapa tempat boleh ada internet servis. Baru sahaja mula dia jawab, "*Oh, mungkin kita ada silap sini sana*". Kalau tidak turun hari itu Timbalan Menteri saya sudah ucap terima kasih dia turun.

Inilah kita turun padang. Janganlah sebelum kita sampai, umum satu dunia mana satu kedai mahu pergi. Kedai itu kalau sudah umum mahu pergi, kedai itu memang turun harga semua. Itu yang saya kata sebelum you sampai Kuala Lumpur, harga sudah tukar. Yang Berhormat Timbalan Menteri faham tak? Tidak payahlah ulang barang semua turun harga, satu pun tidak ada turun. Semua naik.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** *[Bangun]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Timbalan Menteri, saya hendak sambung sedikit. Yang Berhormat Kapar.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Bintulu, saya sokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Terima kasih Timbalan Menteri. Saya hendak fokus kepada barangan bayi, *baby items* dengan izin. Tadi di Semenanjung dikatakan lima barang kurang harga dan 21 barang naik harga. Adakah kementerian telah membuat perincian mengapa berlakunya kenaikan harga? Apakah punca-punca berlakunya kenaikan harga untuk 21 barangan? Apakah kaedah-kaedah yang akan digunakan oleh kementerian untuk mengatasi suasana kenaikan barang ini? Penjelasan Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Timbalan Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Kluang sekali.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Timbalan Menteri sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Kluang.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Saya setuju apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bintulu tadi. Soal sekarang ialah memang GST adalah satu cukai baru yang akan menambah hasil kerajaan dan memang hasil yang dapat dari rakyat akan tambah. Rakyat perlu membayar cukai yang lebih banyak.

Isu sekarang ini bukan sahaja rakyat marah, peniaga pun dalam keadaan yang agak susah kerana pendekatan Kementerian apabila melaksanakan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011, gazet atau warta untuk akta ini terlalu spesifik dan tidak realistik. Peniaga diminta untuk ada margin yang sama, margin *absolute* dan bukan margin dalam peratusan untuk setiap item dan Kementerian akan semak setiap item dan bukan secara keseluruhan. Isu ini harga memang tentu sudah naik kerana ini cukai baru, tetapi apa yang Kementerian ingin buat di sini ialah untuk memaksa peniaga *to absorb* untuk menanggung penambahan itu tetapi cara atau pendekatan saya mintalah Kementerian untuk kaji balik. Kaji balik jangan guna margin *absolute*, guna peratusan kerana ini apa yang peniaga yang buat.

Dalam satu *hypermarket* dengan 10,000 item, 20,000 item bagaimana mereka pergi semak harga secara *itemized*, agak sukar. Jadi lebih baik saya mintalah Kementerian bincang dengan peniaga, bincang dengan para *economist* supaya kita ada satu pendekatan yang lebih realistik dan tidak menyusahkan peniaga, tidak menyusahkan rakyat.

Adalah penting untuk Kementerian dan juga kerajaan sedar bahawa kalau peniaga ini menghadapi kekurangan niaga, kalau tidak semua membeli belah maka walaupun mungkin GST akan tambah sedikit tetapi hasil kerajaan daripada cukai syarikat akan turun. *You are back to square one. So* saya mintak kerajaan menimbang bahawa warta Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan ditarik balik ataupun sekurang-kurangnya diberikan *grace period* untuk setengah tahun. Berikan *grace period* setengah tahun untuk peniaga supaya mereka menyesuaikan diri dalam sistem GST yang baru ini. *Don't be too harsh because otherwise it'll be difficult for everyone.* Terima kasih.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan ataupun pencerahan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Cuma Yang Berhormat Bintulu, saya pun ada sebut dalam penjelasan saya tadi memang kita akui ada penurunan harga dan ada peningkatan. Kalau di Sarawak umpamanya barang yang naik lebih daripada jumlah barang yang turun. Saya sebut tadi yang turun kalau di Sarawak cuma 130 item tetapi yang naik memang 267 item. Memang saya setuju apa Yang Berhormat sebut. Oleh sebab itu saya sebut jumlah yang sebenar hasil daripada tinjauan yang kita buat di atas 446 barang secara berkala harian, mingguan dan bulanan. Bukan saja di Semenanjung tetapi juga di Sabah dan juga di Sarawak. Yang lain nanti saya jawapan kemudian untuk Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

#### ■ 1710

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bintulu juga sebelum ini telah...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Sekejap, sekejap.

**Dato Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah:** Ya.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita tahu kita melaksanakan GST ini memang satu sistem yang baik. Kita pun tahu dalam negara ini saya sudah sentuh, dalam negara ini penduduk dekat 28 juta tetapi kurang daripada 2 juta orang bayar cukai. Pun banyak orang curi ayam juga. Tidak bayar. Kita satu lagi perkara mesti mahu ingat juga. Ini kita melaksanakan GST ini, hari itu Menteri Kewangan, Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah soal bagi tahu, dalam melaksanakan GST ini, barang-barangan akan murah. *Certain taxes will be taken away.* Gantikan GST.

Tadi ini jadi keliru. Sekarang Yang Berhormat Timbalan Menteri pun beritahu 100 lebih barang turun harga, 200 lebih barang naik harga. Masalahnya, sekarang isu sudah jadi keliru. Masalah ada barang turun pun jadi naik harga. Tadi saya soal, isu ini memang dalam atas kertas, Yang Berhormat Timbalan Menteri mesti faham. Atas kertas memang cantik tapi pelaksanaan macam mana, kawalan macam mana, *enforcement* mana pergi. Ini mustahak. *Coordination* tidak ada. Kadang-kadang orang tidak faham tanya. Tanya pegawai-pegawai pun tidak faham. Tanya Kastam, Kastam pun tidak faham.

Inilah kita minta, itulah saya cadang hari itu, kalau boleh kita berbincang, semua agensi terlibat ataupun kementerian terlibat, kita kurang *support*. Kita kasi turunkan 2% to 3%. Kasi rakyat faham, perlahan-lahan. Walaupun kita nampak hasil mungkin agak kurang separuh tetapi ada baik. Kita mesti mahu lihat sekarang rakyat banyak *income*, tidak boleh *adjust* kepada barang-barang ini semua naik harga, kuat tinggi. Kebajikan itu pun sama juga, dia mahu anjak kita punya *income*, baru boleh bayar gaji lebih. Kita mesti mahu ingat macam ini. Nanti kalau tidak, iaitu kita tekan habis-habis 6%, sampai bila rakyat kita terbang semua, tidak ada guna. Pembangkang ini tuduh sana, dia tunggu saja. Dia lagi kasi batu api kuat. Dia lagi kasi inanya sama kita. Kita faham ini sistem yang baik, ini GST bagus tapi kita pegawai-pegawai banyak lagi pun tidak faham.

So, macam mana kita mahu kawal barang ini. Kita mesti mahu ada satu penjelasan kepada rakyat, bagi peluang rakyat faham. Macam contoh saya kata, cuci kereta pun GST, mana itu ada orang kata. Isu kedua ini, bila kita, bila penguat kuasa ada sampai, contoh macam Kastam, sampai terus saman-saman buat apa. Orang rakyat belum faham lagi kita kasi didik sama dia, kita ajar sama dia, baru betul. Pegawai kalau ada kuasa jangan gila kuasa. Ajarlah sama rakyat macam mana. Rakyat macam itu baru tidak marah. Kalau semua gila kuasa, tunjuk dia punya kuasa, esok rakyat pun tunjuk sama kita kuasa, kita sama-sama terbang. Faham tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pasir Puteh.

**Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita sudah menjangka dan semua menjangka bahawa barang akan naik selepas GST. Di campur pula dengan *dollar* semakin mahal, ringgit kita semakin menurun sampai RM3.80 sekarang untuk USD1, maka menambahkan lagi kos pengeluaran dan menyebabkan harga barang naik. Jadi ini *compounded problem*. Saya ingin menambah sedikit lagi, bahawa sebenarnya kita agak keliru dengan SST 10%. Ini dikenakan di awal, maknanya di kilang tetapi GST pula dikenakan masa runcit, masa di jual. Maka harga itu berbeza. Jadi walaupun 10% di awal itu sedikit tapi harga masa jualan itu mahal kerana keuntungan dan sebagainya dan dicaj 6% pun tetapi 6% ini lebih tinggi daripada 10%.

Sebenarnya dia silap mata itu. 10% dengan 6% itu sebenarnya banyak yang 6% kerana kos atau harga itu ialah di hujung. Walau bagaimana pun kita tahu bahawa semua ini akan ditanggung oleh semua rakyatlah, semua kita. 100%, 28 juta rakyat Malaysia ini akan membayar GST walaupun dia anak kecil, yang tua, yang kaya, yang miskin. Jadi kita terpaksa menanggung kos ini. Jadi kita terpaksa menerima. Kita sebagai rakyat dan semua kita terpaksa menerima. Saya rasa Yang Berhormat Bintulu faham dan semua faham. Tidak payah kita marah kerana ini tidak boleh dielak kerana kita terpaksa laksanakan GST dan kita terpaksa tanggung beban harga dan kita berterima kasihlah kepada pihak kerajaan supaya mengawal jugalah, supaya jangan ada peniaga-peniaga yang menaikkan harga terlalu tinggi hingga tidak terkawal. Itulah yang kita boleh kawal sedikit-sedikit tetapi tidak mungkin kita kawal harga ini memandangkan isu-isu yang saya sebutkan tadi. Terima kasih.

**Dato Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Pasir Puteh. Tambahan daripada Yang Berhormat Bintulu. Mengenai dengan penguat kuasa ataupun mengenai dengan minyak. Jawapannya akan sampai sebentar nanti. Cuma saya ingin jelaskan Yang Berhormat Tapah mengenai dengan barang bayi. KPDNKK akan menjalankan pemeriksaan dan juga audit susulan ke atas produk-produk yang dikesan naik bagi menentukan punca yang menyebabkan punca kenaikan. Hanya barang yang boleh berubah bukan saja disebabkan oleh GST tapi ada faktor-faktor lain seperti *foreign exchange* umpamanya kerana susu tepung ini juga adalah merupakan barang yang diimport dan kita akan buat pemeriksaan dan juga audit susulan di atas perkara-perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bintulu sebelum ini telah juga bangkit mengenai dengan penggunaan tuala wanita di Bintulu. Untuk maklumat Yang Berhormat, semakan kementerian terhadap 56 item khusus mengenai dengan perkara tersebut telah kita buat. Di Bintulu saja dan kita mendapati sememangnya berlaku peningkatan harga. Bagi 44 item tuala wanita di antara 5% hingga 69%. Walau bagaimanapun, terdapat juga penurunan harga bagi 12 item tuala wanita. Di antara 2.45% sehingga 39%. Oleh yang demikian bukan saja terdapat harga yang naik malah ada juga turun begitu banyak sekali

dan tuala wanita bukanlah merupakan barang yang dikawal harganya oleh kerajaan. Jadi terpulanglah kepada pengguna untuk membuat perbandingan dan juga pilihan kerana ada tuala wanita ini yang naik dan ada juga yang turun sepanjang pemantauan yang kita buat.

Tuan Yang di-Pertua, isu keempat ialah mengenai dengan tindakan Kementerian bagi menangani peningkatan kos sara hidup rakyat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jelebu dan isu ini telah saya perelaskan semasa sesi soal jawab lisan terhadap pertanyaan Yang Berhormat Pasir Gudang dan Yang Berhormat Kubang Pasu pada pagi tadi yang Tuan Yang di-Pertua sendiri menjadi Tuan Yang di-Pertua pada sesi soal jawab lisan pada pagi tadi. Oleh itu saya tidak bercadang untuk menjelaskan secara *detail* lagi pada petang ini mengenai dengan perkara-perkara tersebut kerana saya sudah pun perelaskan pada pagi tadi dan itulah jawapannya dan saya mohon untuk beralih ke isu yang seterusnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kluang bangun.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Yang Berhormat soalan tadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kluang, Yang Berhormat Kluang.

■1720

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Soalan saya belum jawab lagi.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Belum. Nanti kita akan bagi.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Setiawangsa bangun.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Saya hendak tanya satu perkara mengenai harga baik tuala wanita, susu dan sebagainya. Boleh tidak Kementerian cari jalan di mana kita *printkan* harga runcit ini yang mesti dibayar oleh pengguna dekat tin itu, atau label itu supaya ia nampak? Bermakna, *manufacturer* ini siang-siang letak terus harga itu. Maka orang ramai akan tengok harga itu yang sudah tertera di situ, bagi mengelakkan pekedai mengambil kesempatan terhadap GST ini. Bagaimana pandangan Menteri?

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat Setiawangsa mengenai dengan cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat. Kita akan ambil perhatian dan saya rasa ini satu cadangan yang baik supaya kita letakkan harga di barang-barang yang Yang Berhormat Setiawangsa sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menjawab isu berkaitan dengan program penyeragaman harga petrol RON95 dan juga diesel yang juga dibangkitkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Bintulu. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan semakan rekod aduan di Pejabat KPDNKK Bintulu, sehingga tarikh 9 Jun 2015, Kementerian telah menerima sebanyak 54 aduan melalui sistem e-aduan, telefon dan juga e-mel. Namun, tiada sebarang aduan mengenai perbezaan harga petrol dan diesel seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Kementerian memandang serius perkara ini kerana telah membelanjakan sejumlah peruntukan yang besar bagi memastikan rakyat terutamanya di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak dapat menikmati barang keperluan pada harga yang sama seperti di Semenanjung.

Pada ketika ini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 53 *point of sale* bagi Projek Komuniti Drumming di bawah kawasan pentadbiran Pejabat KPDNKK Bintulu yang terlibat dengan program penyeragaman harga menjual petrol RON95 dan diesel pada harga pasaran iaitu RM2.05.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Bintulu bangun lagi.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Timbalan Menteri kalau tak percaya, marilah kita sama-sama turun padang masuk kawasan luar bandar. Kalau rakyat marah nanti *you* jangan cakap saya sengaja suruh rakyat marah. Cuba tanya. Itu hari saya cerita sama

Timbalan Menteri – ini contohlah, bukan saya kata apa. Yang Berhormat Timbalan Menteri Komunikasi pun sama juga, mula-mula pun kita berpangkah juga sini tetapi turun padang punya rasa macam mana?

*You* cakap berapa *point* ini semua, dahulu saya soal tetapi sampai hari ini tetap sama. Ada punya *point*, tak usah kata manusia duduk sana, hantu pun tidak ada duduk sana tetapi *you* punya hantar sana bagi sama siapa guna? Kita faham-fahamlah.

Kalau kelemahan tidak diperbaiki, jangan pusing balik sini sama saya. Saya turun padang punya MP, bukan saya tidur rumah punya MP. Saya tahulah. Ada punya kedai kita hantar itu minyak sana dia tidak ada lesen jual petrol sama diesel. Macam mana *you* kasi tulis situ kedai punya alamat? Ini semua 'kongkalikung', tipu punya kerja. Itu kontraktor dari mana? Mahu saya sebut? Saya boleh sebut siapa terlibat. Kalau *you* mahu saya sebut, saya boleh sebut. *[Disampuk]* *You* punya pegawai jangan lawan. Ada kelemahan, kita membaiki, kita...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Bintulu, sebutlah Yang Berhormat Bintulu. Sebutlah, jangan takut.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *You* diamlah! Bukan *you* punya fasal. Kita hendak selesai orang pedalaman punya hal, *you* hendak campur apa? *You* dari bandar. Kita hendak selesai. Kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri turun padang, tidak payah bagi tahu pegawai. Saya bawa Timbalan Menteri masuk kawasan luar bandar, dengar apa rakyat cakap. Baru itu masa *you* tengok saya temberangkah ataupun *you* punya pegawai temberang. Setujukah tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri? *[Disampuk]* *[Tepuk]*

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Setuju. Nanti saya turun bersama dengan Yang Berhormat untuk ke tempat ini tanpa bagi tahu kepada pegawai jabatan. Terima kasih Yang Berhormat Bintulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sudah puas hati, boleh minum teh.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jasin dan juga Yang Berhormat Lipis dan Yang Berhormat Hulu Rajang berhubung dengan tindakan penguatkuasaan pencatutan oleh kementerian semasa pelaksanaan GST. Ini mengenai dengan penguatkuasaan yang kita laksanakan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhasrat untuk mengulas terlalu panjang mengenai dengan perkara ini kerana perkara yang sama juga telah pun dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri pada 8 Jun yang lalu. Namun, saya mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan status sahaja mengenai dengan tindakan penguatkuasaan pencatutan yang dilaksanakan oleh kementerian seperti yang dibangkitkan oleh banyak Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai dengan penguatkuasaan di dalam hal ini.

Sejak 1 April 2015 yang lalu sehingga 10 Jun 2015, sebanyak 453,274 premis perniagaan di seluruh negara telah diperiksa dan daripada jumlah ini, sebanyak 1,296 kes telah dihasilkan dengan nilai rampasan sebanyak RM217,036.90 dan nilai kompaun sebanyak RM202,970. Manakala di bawah seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011, sebanyak 1,163 notis telah dikeluarkan terhadap peniaga yang menaikkan harga barangan.

Sehingga tarikh yang sama juga, sebanyak 55 kertas siasatan telah dihasilkan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 iaitu 27 kertas siasatan di bawah seksyen 14(1) kerana kesalahan mencatut, 27 kertas siasatan di bawah Seksyen 21(5) kerana enggan atau gagal memberi maklum balas kepada notis yang dikeluarkan dan satu kertas siasatan di bawah seksyen 53A kerana tidak menyimpan dan menyelenggarakan rekod.

Daripada jumlah tersebut, kes yang telah dituduh di mahkamah di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 ialah seperti berikut. Enam kes telah selesai di mahkamah iaitu dua kes di Melaka dan masing-masing satu kes di Negeri Sembilan, Kelantan, Kuala Lumpur dan Selangor. Kes yang telah dituduh dan masih belum selesai adalah sebanyak tiga kes iaitu masing-masing satu kes di Selangor, Pulau Pinang dan Johor dan tiga kes telah ditawarkan kompaun.

Tuan Yang di-Pertua, setiap kes yang telah dijatuhkan hukuman oleh mahkamah telah dan akan diuar-uarkan kepada orang ramai melalui media massa sebagai pengajaran kepada semua pihak. Perkara ini akan diteruskan bagi kes-kes yang dijatuhkan hukuman pada masa akan datang. Pada masa yang sama, kementerian menyeru pada pihak media massa untuk memberikan kerjasama kepada kementerian berkenaan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kluang bangun.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Adakah kementerian bersedia untuk bincang semula ataupun mencari penyelesaian ataupun sekurang-kurangnya kajikan apa impak gazet Akta Kawalan Harga ini terhadap peniaga-peniaga? Bagaimana *enforcement* atau penguatkuasaan boleh dijalankan dengan lebih baik supaya tidak membawa terlalu banyak masalah terhadap peniaga.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat Kluang. Mengenai dengan tindakan ataupun penguatkuasaan yang kita buat, memang kita buat pemantauan kita tidak ambil kira mana-mana tempat-tempat perniagaan. Semua kita pantau dan kita lihat sekiranya terdapat kesalahan yang telah dilakukan oleh peniaga-peniaga ini, tindakan kita ambil. Pertama sekali pada awalnya, kita tidak akan terus memberi saman, cuma kita bagikan notis. Sekiranya ada peniaga-peniaga yang melakukan kesalahan ataupun kita dapati bahawa mungkin kesalahan-kesalahan tertentu, umpamanya seperti harga barangan yang dijual oleh mereka adalah satu harga yang lebih daripada biasa ataupun harga yang tidak munasabah, kita memberikan notis pada awalnya.

#### ■1730

Kita tidak akan terus membuat saman dan sebagainya, kita bagi notis untuk diperjelaskan oleh peniaga-peniaga ini kepada kementerian dalam tempoh tiga hari. Itu tindakan awal yang kita ambil di semua peringkat, Yang Berhormat. Kita bukan terus ambil tindakan. Jadi, notis kita bagi supaya mereka perjelaskan kepada kita kenapa dan mengapa harga itu telah dikenakan terhadap pengguna. Jadi dia mesti jelas kenapa sekiranya kenaikan itu oleh sebab ini, ini, ini, dalam tempoh tiga hari dia mesti perjelaskan kepada kita. Sekiranya kita dapati penjelasan itu adalah munasabah dengan kenaikan yang diletakkan oleh peniaga-peniaga ini tiada masalah, kita terus tidak akan ambil apa-apa tindakan.

Jadi sebab itu notis ini perlu dipatuhi oleh peniaga-peniaga ini untuk memberi penjelasan kepada kita dalam tempoh tiga hari. Jadi lepas itu barulah tindakan-tindakan susulan yang saya sebut tadi diambil. Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Timbalan Menteri, soalnya formula dalam watak itu terlalu spesifik dan terlalu tidak munasabah. Saya nak minta kalau boleh kementerian kaji balik formula itu, formula dalam watak itu kata *basically* dia hanya siasatkan sehingga item margin. So, jawatan atau penjelasan yang diminta daripada kementerian ialah kenapa satu-satu barangan itu dia naik harga, naik berapa peratus dan margin dia tidak boleh tambah. So, ini formula yang diperkenalkan dalam watak dan saya rasa formula itu tidak munasabah. So, saya minta kalau boleh kementerian minta para peniaga dan juga minta pada *economist* untuk adakan perbincangan yang lebih mendalam.

Saya boleh bantu kalau kementerian ingin ada *feedback*, ada pandangan yang lain. Saya rasa cara itu akan menyusahkan peniaga dan tidak akan membawa apa-apa manfaat kepada kerajaan dan tidak mencapai tujuan-tujuan yang dikemukakan. Lebih baik adakah formula yang lebih longgar tetapi dengan pendekatan pendidikan untuk setengah tahun bagi *grace period* setengah tahun supaya mereka boleh menyesuaikan semua dan kita buat penguatkuasaan selepas satu tahun. Terima kasih.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat Kluang. Mengenai dengan perkara itu, kita akan beri perhatian dan pindaan akan dibuat sekiranya ada kewajaran dia daripada apa Yang Berhormat sebut tadi. Walau bagaimanapun pihak industri ataupun pihak perniagaan, mereka agak dan menyedari

perkara ini, sedar akan peruntukan tersebut dan ramai telah tampil untuk membuat *engagement* dengan Kementerian.

Ramailah daripada pihak industri dan pihak perniagaan seperti Yang Berhormat sebut tadi tampil berjumpa dengan pihak Kementerian untuk berbincang mengenai dengan perkara ini. Dari segi pematuhan kepada peraturan-peraturan margin keuntungan Yang Berhormat sebutkan tadi tapi macam saya sebutlah, perkara ini akan diberi perhatian dan pindaan ini akan dibuat sekiranya ada kewajarannya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Seputeh bangun.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, tentang *Anti Profiteering Act*, saya ada dengar ucapan daripada Yang Berhormat Kluang dan sebagainya. Sebenarnya kerana GST dilaksanakan jadi ramai bersungut. Jadi nampaknya macam Kementerian bagi saya, macam cari *scapegoat* lah, ini kambing hitam. Oh ini naik harga, itu naik harga.

Sebenarnya bagi *competitor*, mereka yang bersaing dengan sesuatu syarikat itu dia boleh mengadu dengan sewenang-wenangnya. Dia akan memantau. Oh syarikat yang menjual hampir sama jenis barangan itu dia *complain*. Dia *complain* kepada Kementerian dan Kementerian ambil tindakan lepas itu uar-uarkan dalam surat khabar untuk tunjuk Kementerian ada buat kerja.

Akan tetapi kadang-kadang bagi saya, macam tindakan yang diambil terhadap kedai mamak Kayu itu, roti canai naik harga daripada RM1.80 hingga RM2.50. Bila saya baca surat khabar itu yang kedai itu diambil tindakan oleh Kementerian, bagi saya, saya rasa dan jangan pergi makanlah, itu sahaja. Macam kopi yang dijual di sini, di khemah yang diminum oleh Ahli Parlimen RM3, di sebelah sana lebih murah. Jadi kalau saya tak suka bayar harga itu, saya pergi sebelahlah. Kenapa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Adakah Kementerian akan ambil tindakan kepada *cafe* Ahli Parlimen ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya, ya. Bagi saya ini menyalahgunakan kuasa menyelewengkan yang sebenarnya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, jika Menteri jawab kata tak nak bayar tol ikut jalan tak ada tol, pembangkang marah Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Kerana ini tak kaitan dengan tol, tol itu sudah lepas. Ini cerita *Anti Profiteering Act*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak, sama. Sama cerita itu.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Itu yang saya rasa saya tidak faham dan saya juga rasa macam kita cuba cari kambing hitam, memangsakan sesetengah syarikat. Saya nak minta...

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat Seputeh. Kita tidak cari kambing hitam tapi yang sebenarnya mana-mana kedai, pertama sekali kalau kita dapat aduan, itu pertama. Kalau kita dapat aduan, kita mesti mengambil tindakan ataupun kita mesti membuat tinjauan di kedai-kedai yang dibuat aduan oleh pengguna. Kalau tidak, mereka kata kita tidak ambil apa-apa tindakan. Itu mesti kita laksanakan tak kiralah sama ada restoran kedai mamak kah, kedai Melayu kah, mana-mana restoran besar kah, kecil kah, itu yang ada aduan kita mesti turun. Apatah lagi aduan itu diberi secara terperinci. Nama kedai itu, alamat dia dan sebagainya, kita turun membuat tinjauan.

Dari situlah yang saya sebut tadi kepada Yang Berhormat Kluang mengenai dengan bila kita turun, kita bukan terus buat saman ataupun tindakan yang agak keterlaluan tetapi apa yang kita buat, kita bagi notis kepada syarikat-syarikat atau restoran mamak atau warung-warung ke mana, dia tolong perjelaskan kepada kita kenapa ada aduan



mengatakan bahawa dia menaikkan harga yang tidak munasabah ataupun yang dirasai oleh pengguna tersebut yang kata sebelum ini dia memang *customer* yang sentiasa ke situ. Dia mendapat makanan, satu-satu benda makanan dengan harga yang sebelum ini tak sebegitu. Jadi dia kata kalau dulu murah kenapa sekarang ini lebih terlalu sangat maka dia buat aduan.

Jadi kita hendak supaya kedai-kedai makan, restoran ini bagi penjelasan, itu sahaja. Bagi penjelasan kepada kita kenapa harga ini kalau sebelum ini RM1.50, sekarang ini RM2.50 atau RM3. Jawab kepada kita kenapa dan mengapa harga itu diletakkan. Kalau jawapan itu munasabah, *fair and square*, selesai. Itu perlu kita buat kerana kalau tidak, kita tidak menjalankan tugas setelah aduan-aduan ini dibuat oleh pengguna.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** [Bangun].

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Setiawangsa bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah:** Itu jawapan kepada Yang Berhormat Seputeh.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya tahu apakah bentuk perniagaan atau premis yang terdapat masalah yang paling besar dalam erti kata tidak mengikut atau melanggar GST ini. Lagi satu, negeri manakah yang didapati banyak melanggar ketidakpatuhan GST ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat. Kalau secara terperinci kalau Yang Berhormat nak di kawasan-kawasan itu, saya boleh bagi secara bertulis. Memang terdapat di seluruh negara bukan sahaja di Kuala Lumpur ataupun Selangor tetapi juga di negeri-negeri yang lain. Akan tetapi kalau jumlah untuk tiap-tiap negeri, tiap kawasan memang kita ada. Saya akan bagi secara bertulis kepada Yang Berhormat. Itu terlalu spesifik dan terlalu *detail*, kita akan sampaikan kepada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan kes-kes yang kita ambil tadi yang saya perelaskan, bagi setiap kes yang telah dijatuhkan hukuman oleh mahkamah telah dan akan diuar-uarkan seperti permintaan daripada Yang Berhormat tadi supaya kita beritahu kepada orang ramai, tindakan-tindakan yang telah kita ambil. Jadi itu telah kita laksanakan dan kita harap pihak media juga akan memberi kerjasama kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan Yang Berhormat Hulu Rejang pula membangkitkan persoalan mengenai keberkesanan penguatkuasaan oleh Kementerian berikutan ketiadaan pejabat KPDNKK di Sungai Asap, Belaga dan juga Song. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian telah mewujudkan pejabat PDNKK daerah Kapit. Di sana kita mempunyai 12 orang pegawai untuk menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan di kawasan Kapit, Belaga dan Song dan penguatkuasaan di kawasan Sungai Asap pula dilaksanakan oleh Pejabat PDNKK Daerah Bintulu yang kita mempunyai 20 orang pegawai di situ.

#### ■1740

Kementerian akan terus melaksanakan tindakan penguatkuasaan di kawasan-kawasan yang dinyatakan tadi sama ada daripada aduan orang awam mahupun secara proaktif membuat pemeriksaan ke premis-premis perniagaan. Bagi tujuan aduan, pelbagai saluran telah disediakan oleh Kementerian untuk kemudahan orang ramai seperti eAduan, Ez-ADU KPDNKK, MyKira GST dan talian terus ke Pusat Gerakan Anti Pencatutan melalui talian bebas tol 1-800-88-6800.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang dapat saya sampaikan, penjelasan mengenai dengan persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh tujuh orang rakan-rakan Ahli Yang Berhormat terhadap KPDNKK.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Timbalan Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Langat bangun Yang Berhormat.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Sebelum tutup, sebelum tutup.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, belum tutup, belum.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Ya, belum lagi. Timbalan Menteri, jawapan-jawapan yang telah diberi atas penguatkuasaan itu saya nampak ada gerakan atau usaha untuk memastikan bahawa rakyat tidak teraniaya dengan *enforcement* ataupun *result* yang keluar kemudian. Apa yang saya hendak tanya ialah janji kementerian ini supaya rakyat tidak dibebankan dengan usaha-usaha yang dikenakan terhadap rakyat ini perlu diproaktifkan sentiasa. Jangan bila sampai balik *second round* dalam bajet nanti akan timbul masalah-masalah penguatkuasaan tidak diselenggarakan dengan baik.

Jadi, saya minta Timbalan Menteri dengan kementerian berjanji bahawa perkara yang dibangkitkan pada hari ini tidak berulang lagi soal itu di bulan Oktober nanti. Saya minta komitmen daripada Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Kuala Langat. Mengenai dengan penguatkuasaan, seperti yang saya sebutkan tadi kita sentiasa turun ke bawah. Jadi, kalau kata komitmen berlaku hari ini tidak berlaku kemudian itu bergantung kerana dari segi penguatkuasaan kita tahu memang peniaga-peniaga ini di mana-mana pun ada peniaga yang baik, ada peniaga yang mengambil kesempatan daripada pelaksanaan apa juga yang kerajaan lakukan, ada peniaga yang beretika dan ada peniaga yang tidak beretika.

Oleh sebab itu kalau kita berjanji kata tidak ada ini pun tidak akan berlaku sebab itu pemantauan ataupun pemeriksaan oleh penguat kuasa ini akan kita laksanakan dan tindakan-tindakan ini berterusan selagi ada peniaga-peniaga yang tidak beretika ini dalam hendak mengambil keuntungan tanpa mengambil kira pengguna ataupun pelanggan-pelanggan mereka. Jadi, kita akan berterusan mengambil tindakan Yang Berhormat. Kita tidak akan berhenti untuk memastikan bahawa mereka tidak mengambil kesempatan daripada isu-isu yang telah mereka bangkitkan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja dan sekali lagi saya hendak mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih pada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan pada kali ini. Saya percaya pandangan dan juga cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada di awal ataupun di penghujung pada hari ini, pandangan dan juga cadangan Ahli Yang Berhormat dapat membantu memperkukuhkan lagi polisi dan juga tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh kementerian ini untuk kita laksanakan. Jadi, sekali saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Sekarang giliran Kementerian Sumber Manusia. Sila Yang Berhormat Menteri.

#### 5.44 ptg.

**Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada 27 Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kesebelas yang menyentuh 19 isu yang berkaitan Kementerian Sumber Manusia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Pasir Gudang, Yang Berhormat Rompin, Yang Berhormat Tasek Gelugor, Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Kuala Terengganu, Yang Berhormat Setiu, dan Yang Berhormat Klang telah membangkitkan isu-isu berkaitan gaji minimum. Bagi makluman Dewan yang mulia ini, pelaksanaan gaji minimum sektor swasta meliputi semua sektor ekonomi termasuk pengawal keselamatan kecuali perkhidmatan domestik di sektor tidak formal atau pekerja domestik seperti pembantu rumah, pemandu persendirian, tukang kebun persendirian dan sebagainya.

Kadar gaji minimum bagi Semenanjung Malaysia telah ditetapkan pada kadar RM900 sebulan atau RM4.33 sejam. Sementara bagi Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan sebanyak RM800 sebulan atau RM3.85 sejam. Kementerian Sumber Manusia mengalu-alukan sebarang maklumat berkenaan ketidakpatuhan Perintah Gaji

Minimum ini dengan membuat laporan terus ke Jabatan Tenaga Kerja yang berhampiran untuk tindakan penguatkuasaan.

Tuan Yang di-Pertua, proses kajian semula Perintah Gaji Minimum 2012 telah selesai dijalankan oleh Jawatankuasa Teknikal Perundingan Gaji Negara (JTPGN) seperti mana yang diperuntukkan di bawah Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 [Akta 732] yang menetapkan supaya kajian semula perintah gaji minimum dibuat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh dua tahun.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memastikan kajian semula Perintah Gaji Minimum 2012 dapat menghasilkan dapatan yang wajar dan munasabah JTPGN telah membuat kajian berdasarkan dua kriteria iaitu bagi kriteria asas dua indikator ekonomi yang diguna pakai iaitu Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) atau dalam bahasa Inggerisnya *poverty line income* dan gaji penengah atau dalam bahasa Inggeris *minimum medium wage*. PGK atau PLI adalah sebagai indikator bagi menentukan keperluan asas pekerja dan keluarga pekerja dan gaji penengah sebagai indikator keupayaan majikan membayar gaji.

Kedua, bagi kriteria pelarasan atau dalam bahasa Inggerisnya *adjustment criteria indicator* yang diambil kira dalam penetapan kadar gaji minimum adalah perubahan Indeks Harga Pengguna atau *Consumer Price Index* (CPI), pertumbuhan-pertumbuhan produktiviti buruh dan kadar pengangguran. CPI menggambarkan perubahan kepada kos sara hidup, produktif buruh sebagai kriteria bagi menghargai produktiviti pekerja di mana gaji wajar ditingkatkan selaras dengan peningkatan produktiviti dan kadar pengangguran sebenar sebagai satu kawalan supaya peningkatan gaji tidak mengakibatkan peningkatan kadar pengangguran. Hasil kajian yang telah dijalankan oleh jawatankuasa teknikal akan dikemukakan untuk pertimbangan oleh kerajaan dalam masa terdekat. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sungai Petani...

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Timbalan Menteri, minta laluan. Terima kasih. Saya mendengar dengan begitu khusyuk ketika Timbalan Menteri membentangkan soal gaji minimum. Untuk memastikan semua kumpulan yang disasarkan seperti kesatuan sekerja organisasi yang terlibat dengan pekerja itu memahami dan di mengerti dengan secara *detail* berkenaan gaji minimum ini.

#### ■1750

Saya diberitahu oleh maklumat yang diterima, Kementerian Sumber Manusia ada mengesyorkan ataupun telah pun meluluskan organisasi yang terlibat dengan gaji minimum di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) untuk melibatkan organisasi yang boleh memberikan saluran maklumat dan juga kriteria gaji minimum ini kepada pekerja-pekerja. Jadi saya hendak cadangkan kepada kementerian, apakah boleh kiranya dikaitkan ataupun dibawa sekali kesatuan-kesatuan sekerja ini untuk mereka diberikan peluang untuk memaklumkan kepada pemimpin-pemimpin pekerja ini memahami dan menghadamkan maksud ataupun pencapaian gaji minimum, apa pandangan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Pertamanya dengan PSMB, perkataan PSMB Pembangunan Sumber Manusia Berhad. Pembangunan Sumber Manusia Berhad objektif utamanya adalah untuk *re-skill* atau *up-skill* pekerja-pekerja yang sedia ada. Jadi, mengenai cadangan itu sebenarnya dalam kita merangka melalui Jawatankuasa Teknikal ini kita sebenarnya iaitu *tripartite*, kerajaan, pihak majikan dan pihak pekerja memang diambil atau mereka *diengage* dalam Jawatankuasa Teknikal ini. Dan dalam perkara ini MTUC memang terlibat secara langsung dalam *engagement* yang kita adakan sebelum kita menentukan kadar gaji yang boleh atau bakal ditentukan dalam masa terdekat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi ke Yang Berhormat Sungai Petani dan Yang Berhormat Kota Raja yang telah membangkitkan isu cadangan gaji pembantu rumah Indonesia sebanyak RM1,200. Bagi makluman Dewan yang mulia ini, permintaan pihak Indonesia untuk menetapkan gaji pembantu rumah dari Indonesia kepada RM1,200 masih di peringkat cadangan. Walau bagaimanapun, pihak kerajaan pada dasarnya tidak setuju dengan permintaan ini kerana RM1,200 adalah jauh lebih tinggi dari kadar gaji minimum yang ditetapkan oleh kerajaan bagi pekerja-pekerja dalam sektor formal di negara ini. Pihak kerajaan merasakan gaji ini terlalu tinggi dan majikan di Malaysia secara umumnya masih belum bersedia dan tidak berkemampuan untuk membayar gaji sebegitu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kota Raja membangkitkan perihal diskriminasi gaji antara lelaki dan wanita. Walau bagaimanapun, dalam beberapa subsektor tertentu seperti dalam sektor pertanian dan pembinaan, gaji yang ditawarkan oleh majikan bagi lelaki adalah lebih tinggi sedikit berbanding wanita bagi jenis-jenis kerja yang melibatkan fizikal. *I stress, physical* di mana produktiviti lelaki biasanya lebih tinggi daripada wanita. Pada umumnya gaji yang ditawarkan di negara ini adalah sama tanpa mengira jantina sekiranya tidak berkait dengan keperluan fizikal.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pasir Gudang mencadangkan agar kerajaan membayar COLA terus kepada pekerja. Cadangan pemberian elaun kos sara hidup atau COLA secara terus daripada pihak kerajaan kepada pekerja-pekerja di syarikat swasta perlu diteliti dengan lebih mendalam lagi sebelum keputusan baik. Kementerian berpandangan pemberian COLA atau elaun kos sara hidup oleh majikan-majikan swasta adalah atas budi bicara majikan sendiri. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Titiwangsa...

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Yang Berhormat Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Psair Gudang.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya hendak mencelah sedikit pasal cadangan untuk pembayaran *cost of leaving allowance* atau kos sara hidup kepada pekerja swasta oleh pihak kerajaan. Jadi saya rasa tidak hendak dengar yang soal kuasa majikan. Kita tahu apa pun kalau di swasta ini memang kuasa majikan, dia untung macam mana pun dia hendak bagi naik gaji setahun berapa pun kuasa dia.

Apa yang kita minta sekarang ialah perhatian kerajaan kepada pekerja-pekerja di syarikat swasta kerana mereka ini terhimpit. Banyak perkara mereka terlepas. Contoh, kalau gaji mereka tinggi sedikit mereka terlepas dari dapat BR1M dan mereka dikenakan cukai. Jadi kita mintalah pihak Menteri, kementerian mengingati perkara ini secara spesifik. Saya tidak hendak dengar kalau boleh dikatakan secara teliti bila? Bila kita akan dengar perkara ini? Terima kasih.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Terima kasih Yang Berhormat, *will take note*, kita akan ambil perhatian terhadap cadangan itu. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Titiwangsa mencadangkan penetapan gaji *entry level* bagi graduan. Bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan memandang serius terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Titiwangsa. Sebagai langkah awal, indeks gaji akan diperkenalkan sebagai panduan kepada upah yang lebih adil dan telus. Indeks Gaji Nasional, National Wages Index akan diwujudkan sebagai panduan dan penanda aras kepada majikan dalam menetapkan aras gaji pekerja bersesuaian dengan kelayakan kemahiran dan produktiviti.

NWI akan dibangunkan oleh Kementerian Sumber Manusia dengan kerjasama agensi kerajaan berkaitan menerusi penggunaan data gaji yang dikumpulkan daripada pelbagai sumber. Kerajaan yakin bahawa NWI ini iaitu yang bakal dibangunkan akan membantu para graduan menerima upah yang setimpal dengan kelayakan dan kemahiran yang dimiliki.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kuala Langat dan Yang Berhormat Tanjong Karang telah membangkitkan isu berkaitan pengangguran. Berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran di Malaysia pada tahun 2014 adalah 2.9% sahaja. Manakala kadar pengangguran bagi suku pertama tahun ini adalah 3.1%. Berdasarkan definisi OECD atau Organization for Economic Co-operation and Development 1999. Negara yang mencatat kadar pengangguran di bawah di antara 4% hingga 6% dikategorikan sebagai *full employment*.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada saranan daripada Yang Berhormat Tasek Gelugor dan Yang Berhormat Setiu, kerajaan sangat prihatin dengan nasib dihadapi oleh segelintir graduan yang gagal mendapat pekerjaan walaupun telah keluar dari pusat-pusat pengajian tinggi bagi tempoh yang tertentu. Oleh itu Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja sentiasa mengambil langkah awal untuk menyedarkan para graduan dan bakal graduan tentang cabaran yang bakal mereka hadapi.

Pihak Jabatan Tenaga Kerja melalui sesi ceramah kerjaya dan kaunseling sentiasa menggalakkan pencari kerja terutamanya di kalangan graduan supaya merebut setiap peluang pekerjaan yang ditawarkan walaupun jawatan tersebut tidak setaraf dengan kelulusan atau berlainan dengan bidang mereka. Berdasarkan pengalaman pegawai-pegawai Jabatan Tenaga Kerja, pihak majikan sangat cenderung untuk mengambil pekerja yang sudah ada pengalaman kerja. Ini kerana mereka yang pernah bekerja bukan sahaja mudah untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja yang baharu tetapi sudah mempunyai pengalaman. Oleh itu...

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** [Bangun]

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** *Just a minute.* Oleh itu, pegawai-pegawai Jabatan Tenaga Kerja sentiasa memaklumkan kepada semua pencari kerja supaya tidak terlalu memilih kerja kerana peluang mendapatkan kerja yang dia kehendaki adalah lebih mudah melalui peningkatan kerja. Okey..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Sungai Petani.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, sedarkah Yang Berhormat Menteri bahawa kebanyakan pelajar di universiti kita apabila dia masuk ke dalam satu-satu kursus dan dia *graduate* daripada satu-satu kursus itu, dia mengharapkan dia dapat pekerjaan dalam bidang yang dia belajar. Contohnya, kalau dia buat *law*, dia *expect* hendak menjadi *lawyer*, kalau dia belajar dalam bidang ekonomi, dia mengharapkan dia bekerja dengan bank dan sebagainya. Maknanya sudah ada *mindset* di situ, di universiti itu. isu yang timbul sekarang ini ialah bila *graduate-graduate* ini keluar, dia tidak berani ataupun tidak mahu *venture* ke dalam bidang-bidang lain, itu yang pertama.

Jadi ini menyebabkan pengangguran itu terjadi kerana kadang-kadang dia rasa tak sesuai kerja itu dengan dia. Adakah kementerian dapat memikirkan bahawa harus ada satu paradigma yang baru di mana pelajar-pelajar ini kalau boleh kementerian anjurkan kursus-kursus bersama dengan kementerian pendidikan agar memberikan lontaran baru kepada para pelajar bahawa belajar universiti itu dan keluar universiti itu bukanlah sesuatu yang mesti dia bekerja dengan *degree* yang dia ada. Akan tetapi dia boleh *venture* dalam bidang lain, contohnya sebagai jadi usahawan. Saya tengok ini berlaku di universiti-universiti di US contohnya.

Maknanya pelajar masuk ke universiti untuk dapatkan ilmu dengan ilmu yang dia ada itu dia boleh membangunkan diri dia tanpa mendapatkan *employment* di luar, tanpa makan gaji tetapi boleh bangun secara sendiri dalam bidang-bidang yang tidak semestinya dia terikat dalam pengajian bidang tersebut. Jadi adakah kementerian dapat melihat bahawa bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan supaya isu ini dibangkitkan semasa mereka, semasa pelajar-pelajar di universiti agar *mindset* mereka terbuka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Richard Riot anak Jaem:** Terima kasih Yang Berhormat dari Sungai Petani. Saya telah menyebutkan tadi bahawa pihak para graduan ini mereka ada di antara mereka memang sudah mempunyai kemahiran tertentu bilamana dalam kursus-kursus bila mereka dalam universiti dan sebagainya. Kita memang setuju dengan pandangan Yang Berhormat Sungai Petani tentang perkara ini, akan tetapi apa yang terjadi pada hakikatnya, yang sebenarnya, mereka mempunyai mungkin katalah sebagai contoh bidang jurutera sebagainya, akan tetapi bila keluar ke pasaran, bilangan kerja atau jawatan yang sedia ada memang tidak mencukupi. Oleh yang demikian, maka apa jua tindakan yang di ambil oleh kerajaan iaitu untuk memastikan bahawa mereka sewaktu di pengajian, di institusi-institusi pengajian tinggi memang menjuruskan kepada bidang-bidang tertentu akan tetapi bila keluar sebagai graduan untuk mendapat pekerjaan tidak pasti mereka ini akan mendapat pekerjaan yang setimpal dengan kemahiran atau kursus atau latihan yang telah dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sentuh dengan pencari kerja ini. Kerajaan menyediakan satu perkhidmatan pencarian dan pepadanan pekerjaan secara atas talian yang dikenali sebagai *Portal Jobs Malaysia*. Para siswazah adalah digalakkan mendaftar sebagai pengguna *Portal Jobs Malaysia* supaya pelayang mereka memperoleh pekerjaan dapat dipertingkatkan. Melalui perkhidmatan ini, permohonan siswazah akan dipadankan dengan kekosongan jawatan yang didaftarkan oleh syarikat-syarikat mengikut kesesuaian kelayakan akademik dan pekerjaan dan pengalaman kerja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bagan mencadangkan supaya lebih banyak peluang diberikan kepada golongan OKU. Pelan tindakan orang kurang upaya Kementerian Pembangunan Keluarga dan Masyarakat akan menyokong pelaksanaan program-program di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas. Walaupun ia di bawah Kementerian Pembangunan Keluarga dan Masyarakat, tetapi pihak Kementerian Sumber Manusia juga terlibat dalam usaha ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Pengerang, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Silam, Yang Berhormat Gopeng dan Yang Berhormat Selayang telah membangkitkan isu pekerja asing. Dimaklumkan bahawa kerajaan telah menetapkan dasar yang jelas mengenai dengan penggajian pekerja asing iaitu sebagai langkah sementara bagi memenuhi keperluan industri di dalam beberapa sektor dan subsektor yang tertentu terutama dalam sektor yang dianggap sebagai tidak 3D. *You find out for yourself, what three D means.* Di mana tidak ramai pekerja tempatan yang berminat untuk bekerja seperti dalam sektor perladangan, pertanian dan pembinaan.

Walau bagaimanapun, pihak kerajaan khususnya Kementerian Sumber Manusia sentiasa berusaha dari semasa ke semasa memastikan pencari kerja tempatan terutamanya dari kategori bawahan dapat mengisi kekosongan jawatan yang diiklankan oleh pihak majikan melalui program penempatan pekerjaan atau program 3P.

Bagi makluman Yang Berhormat Silam, dasar dan kebenaran untuk kemasukan pekerja asing ke Sabah mengikut kewarganegaraan pekerja asing terbabit adalah menjadi kuasa budi bicara kerajaan negeri yang menentukan dari semasa ke semasa. *This is under the Localization Committee* bagi memastikan pada masa akan datang bilangan pekerja asing ini dapat dikurangkan, pihak kerajaan telah mengambil beberapa inisiatif seperti berikut:-

- (i) Menggalakkan majikan meningkatkan penggunaan teknologi berautomasi dan penyediaan persekitaran kerja yang kondusif bagi menarik minat pekerja tempatan;
- (ii) Memperkenalkan gaji minimum serta menggalakkan penglibatan pekerja tempatan;
- (iii) Memperkenalkan waktu kerja anjal dan peraturan kerja separuh masa;
- (iv) Meningkatkan penyertaan orang kurang upaya (OKU), para pesara, bekas banduan dan bekas penagih dadah;
- (v) Meningkatkan program penempatan pekerjaan seperti temu duga terbuka, karnival kerjaya dan sebagainya;
- (vi) Menyediakan dan meningkatkan perkhidmatan perhubungan pekerjaan secara *on-line* iaitu melalui portal Jobs Malaysia dan *Jobs Malaysia Center* di tempat-tempat yang strategik untuk menarik penduduk tempatan memasuki pasaran pekerjaan bagi memenuhi keperluan industri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jasin dan Yang Berhormat Kota Raja mencadangkan pelarian Myanmar, pelarian Bangladesh dan pelarian Rohingya diambil sebagai pekerja dan pembantu rumah.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut dasar kerajaan, golongan pelarian atau SUAKA politik, saya ulang, mengikut dasar kerajaan, golongan pelarian atau SUAKA politik tidak dibenarkan untuk bekerja di negara ini dan adalah menjadi satu kesalahan kepada mana-mana majikan yang menggajikan golongan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu bangun.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih. Saya hendak dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri kerana saya ingat sebelum saya jadi Ahli Parlimen, saya juga bergiat dalam kesatuan sekerja. Pada satu ketika dalam penghujung 90-an ada persetujuan di antara UNHCR dengan Kerajaan Malaysia untuk membenarkan

pelarian bekerja dalam bidang-bidang tertentu untuk mengurangkan kekurangan tenaga kerja di Malaysia.

■1810

Alasannya ialah kita tidak ada mereka yang ada di sini. Kita tidak memanfaatkan kehadiran mereka dan kita bawa lagi dari Bangladesh, kita bawa lagi dari Myanmar, kita bawa lagi dari Indonesia, itu nampaknya tidak berapa rasional dan ada juga kita tidak boleh secara tak realistik. Mereka pelarian, Kerajaan Malaysia bukan macam Australia atau di Switzerland di mana mereka dapat elaun bulanan dan diberi tempat duduk yang disediakan oleh kerajaan. Kita tidak ada kemampuan begitu.

Kita tidak boleh *assume* mereka boleh hidup tanpa pendapatan. Kalau kita secara dasar tidak membenarkan mereka bekerja, mereka sudah tentu akan bekerja secara *illegal* dan inilah satu perkara yang saya nampak kita membutuhkan diri sendiri bahawa kita berpura-pura bahawa mereka boleh duduk di sini untuk bertahun-tahun tetapi tidak mahu bekerja. Akan tetapi sebenarnya kita memaksa mereka untuk bekerja dalam pasaran gelap, *black market*. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Pandangan itu walaupun bunyi atau nampak baik Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bersetuju dengan mengambil mereka pelarian atau suaka politik ini untuk diambil sebagai pekerja. Sehingga kerajaan membuat dasar baru, ini adalah menjadi dasar kepada kerajaan sekarang.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ya, betul kita membincangkan Rancangan Malaysia Kesebelas. Kita harus ada jangka wawasan yang lebih panjang. Jadi so, kita tidak boleh ikut status quo dan jelas kita tahu ia tidak berkesan tetapi kita masih lagi ikut status quo. Itulah sebab kita harap Kementerian membuat pertimbangan supaya dan tambahan, saya juga harap Kementerian Tenaga Kerja ambil balik pengisuan *import labour* supaya ia diuruskan sebagai isu tenaga kerja, bukan lagi di bawah KDN.

KDN secara formaliti bagi mereka untuk meluluskan hak untuk berada di sini tetapi kita seru supaya kita kaji semula keseluruhan pengurusan tenaga kerja, *human resource management*, dengan *human resource development* ini harus sama ada mereka asing atau tempatan harus ditempatkan di bawah Kementerian Sumber Manusia. Ini yang saya seru supaya Menteri boleh bawa dalam Kabinet untuk menjayakan program kita sebagai negara maju. Itulah trend yang dilakukan oleh negara-negara lain. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Terima kasih, Yang Berhormat dari Batu.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Setiawangsa.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Yang Berhormat Menteri, saya tengok *line very thin. Quite a very thin* dalam erti kata mereka pelarian, tidak ada *identification* dan sebagainya dan mereka yang masuk secara haram yang kita telah putihkan, adakah ianya bersamaan dengan pelarian yang tidak ada dokumen. Akan tetapi yang masuk tanpa izin ini kita boleh putihkan, kita izinkan bekerja tetapi pelarian ini tidak ada ID, adakah rasionalnya kerana pelarian ini kita tidak mahu memberi gambaran kepada orang lain, kepada negara lain, pelarian boleh secara mudahnya dapat kerja dekat negara ini. Kalau itulah rasionalnya, bagaimana pula kita membuat pemutihan ini dengan mereka masuk secara haram, kita izinkan pula bekerja dan memberi dia punya permit kerja. Minta pandangan.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Terima kasih Yang Berhormat Batu. Terima kasih Yang Berhormat Setiawangsa. Pertamanya, saya menjawab kepada soalan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Setiawangsa dahulu iaitu beliau telah menyatakan Yang Berhormat Setiawangsa telah menyatakan bahawa kita telah mengambil pekerja asing tanpa izin sebagai pekerja.

Sebenarnya, kerajaan *if I may use the word English*, kita tidak pernah mengiktiraf pekerja asing tanpa izin ini sebagai pekerja yang diiktiraf sebagai pekerja. So, mengikut undang-undang, memang pekerja asing tanpa izin ini adalah pekerja asing tanpa izin dan sebenarnya kita tidak mempunyai angka sebenarnya, berapakah pekerja asing tanpa izin ini *because as the word says*, tanpa izin. So, kita tidak mempunyai statistik atau angka yang

menyatakan inilah jumlah pekerja asing tanpa izin di negara kita. Hanya anggaran yang kita buat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Jadi tentang soalan yang telah ditujukan - Yang Berhormat Seputeh tolong duduk dahulu. Mengapa kita mengambil pekerja asing tanpa izin dan iktiraf sebagai pekerja yang didaftarkan. Jawab soalannya tidak. Kita tidak pernah dan tidak akan mengiktiraf pekerja asing tanpa izin ini sebagai pekerja yang *legal* di Malaysia ini. Berlainan daripada golongan pelarian ini, kerajaan memang tekad dengan dasar atau polisi kerajaan bahawa kita tidak akan mengambil pekerja ini sebagai pekerja *legal*. Begitu juga dengan pekerja asing tanpa izin, perkataan *is* "tanpa izin", *they are illegals*.

Jadi berbalik kepada soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Batu sebentar tadi iaitu sama ada kita akan membuat kajian dan mencadangkan kepada Kabinet agar dasar baru dibuat, kita akan meneliti akan cadangan yang telah diajukan oleh Yang Berhormat Batu di bawah kementerian kita.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kepong bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Yang Berhormat Kepong ada mengambil bahagian?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat pergi ke pasar borong di Selayang dan melihat dengan sendiri ada itu pelariankah yang dianjurkan oleh Bangsa-bangsa Bersatu ataupun PATI daripada Myanmar, Rohingya dan sebagainya. Selepas itu memberi penerangan maklumat kepada Dewan yang mulia ini, apa sebenarnya yang berlaku dan mungkin PATI itu 8 juta, 9 juta di negara kita ini. Dengan dasar sekarang ini dia tidak iktiraf tetapi apa sebenarnya berlaku itu berlainan dengan dasar yang ditetapkan oleh kerajaan dan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Batu tadi itu betul juga. Kalau Rancangan Malaysia Kesebelas, kita mesti kaji dan membuat dasar yang membayangkan keadaan yang sebenar.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Terima kasih Yang Berhormat dari Kepong. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri telah pergi ke Selayang Baru tidak kurang dari dua kali iaitu menyamar, *I have been there twice*. Saya sendiri menyamar *and it is true*. Menyamar menggunakan *tracksuit because I'm a sportsman*. Menggunakan *tracksuit* dan melihat akan keadaan di situ. Memang benar bahawa kebanyakan mereka yang ada di situ adalah orang yang bukan rakyat Malaysia. *We will take note of your observation*.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada isu waktu kerja anjal yang dibangkitkan, saya akan terus menyebutkan di sini...

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir Gudang bangun lagi Yang Berhormat.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan pekerja asing ini dan kita berbincang soal RMKe-11 ini. Saya suka hendak mencadangkan kerana saya yakin kebanyakan rakyat Malaysia sebenarnya rasa bimbang dan rasa seolah-olah kita ini dekat negeri mana, fasal ada kawasan-kawasan tertentu yang kita pergi memang dipenuhi dengan pekerja-pekerja asing. Kadang-kadang ada rasa takut di hati kita.

Jadi, macam Yang Berhormat Menteri katakan tadi, saya faham dan kami semua faham antara *legal and illegal workers but* boleh tidak diberi sedikit pemikiran bagaimana kita hendak mengurangkan kemasukan pekerja yang baru ini kerana yang budak-budak baru masuk pekerja asing, *if you see at the market there*, dekat kilang kah atau dekat mana-mana, budak-budak muda, *very-very young*.



## ■1820

Jadi kita ada juga lambakan pekerja asing yang kita tidak tahu dua juta yang *illegal, may be more than that. Why not* kita fikirkan sesuatu macam mana dahulu kita pernah buat pemutihan. Kita fikirkan perkara ini dengan serius daripada kita bawa datang orang baru. Kita tidak tahu asal usul dia dan yang di sini ada. Jadi kalau yang legal kita ada tiga juta, *illegal*, kita *estimate two millions*. So kita sudah ada *five million*. Jadi minta kementerian *take note* perkara ini dan menjadi *champion* dalam hal ini. Saya menyokong tadi cadangan sahabat supaya proses kelulusan pekerja asing mestilah dikawal oleh Kementerian Sumber Manusia. Terima kasih.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Yang Berhormat Pasir Gudang, terima kasih di atas cadangan itu. *We'll take note of it* tetapi *correction* sedikit, pembetulan sedikit. Jumlah pekerja asing iaitu yang legal bukanlah tiga juta tetapi setakat ini adalah hanya 2.4 juta orang.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Silam membangkitkan perbandingan pampasan kerja di Malaysia dengan negara Korea Selatan. Bagi makluman Dewan yang mulia ini, terdapat dua jenis pampasan yang dilaksanakan di Malaysia iaitu Skim perlindungan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi pekerja tempatan dan Akta Pampasan Pekerja 1952 iaitu Skim Pampasan Pekerja Asing dan ini di bawah tanggungjawab Jabatan Tenaga Kerja. Mana-mana majikan yang menggaji pekerja asing wajib menginsuranskan pekerja asing mereka di bawah Skim Pampasan Pekerja Asing. Pekerja asing yang ditimpa kemalangan maut, waris pekerja faedah pampasan.

Kedua Tuan Yang di-Pertua sebab utama Korea Selatan boleh memberi pampasan yang lebih tinggi ialah kerana mereka mengenakan premium yang jauh lebih tinggi daripada negara kita. Kadar premium di Malaysia yang perlu dibayar oleh seseorang pekerja asing ialah RM72 sahaja dan ini ditanggung sepenuhnya oleh pihak majikan. Korea Selatan mengenakan premium yang tinggi kerana kadar gaji mereka sangat tinggi. Selain itu Tuan Yang di-Pertua, jumlah premium adalah berdasarkan kepada jenis perniagaan, sektor dan risiko setiap pekerjaan iaitu di Korea Selatan.

Yang Berhormat Rantau Panjang membangkitkan isu ini *I think is close to the heart of all of us*. Yang Berhormat Rantau Panjang membangkitkan isu pekerja penerbangan AirAsia, nanti kita pergi ke MAS yang tidak dibayar dan diberi hak untuk cuti bahkan perlu membayar RM250 sehari jika bercuti. Seksyen 59 dan seksyen 60E Akta Kerja 1955 memperuntukkan faedah hari rehat dan cuti tahunan bagi pekerja-pekerja yang dilindungi di bawah akta ini dan pekerja-pekerja yang ditakrifkan di bawah Jadual Pertama Akta Kerja 1955. Selain daripada kategori pekerja yang dilindungi di bawah akta ini, semua pekerja lain adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan atau perjanjian bersama, *collective agreement* yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Oleh itu sekiranya bayaran sebanyak RM250 sehari seperti mana yang dinyatakan memang ada dalam perjanjian bersama atau *collective agreement*, maka majikan berhak untuk mengambil tindakan ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini kementerian ini tiada dasar atau undang-undang khusus untuk menentukan tatacara berpakaian bekerja dan tiada peruntukan undang-undang yang menghalang majikan menetapkan syarat pekerjaan yang meminta pekerja mereka tidak bertudung atau memakai skirt atau apa-apa syarat selagi tidak menyalahi undang-undang atau dianggap melanggar etika dan moral masyarakat negara ini.

Syarat yang telah ditetapkan oleh AirAsia ini telah dimaklumkan lebih awal lagi kepada bakal pekerja mereka bagi membolehkan bakal pekerja mereka membuat pilihan. Etika pakaian adalah bergantung kepada kehendak perniagaan majikan yang telah ditetapkan dengan persetujuan kesatuan sekerja yang mewakili para pekerja. Situasi yang dihadapi oleh pekerja-pekerja syarikat penerbangan AirAsia ini hendaklah dipastikan terlebih dahulu sama ada mereka adalah pekerja yang dilindungi di bawah akta atau sebaliknya sebelum tindakan diambil.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Titiwangsa, Yang Berhormat Pengerang, Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Sepang dan Yang Berhormat Batu telah membangkitkan isu pekerja MAS. Bagi membantu 6,000 orang pekerja MAS yang akan diberhentikan, beberapa tindakan telah diambil melalui tindakan oleh Khazanah Nasional Berhad dan juga Kementerian Sumber Manusia.

Kementerian Sumber Manusia telah menubuhkan sebuah jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Isu-isu Perburuhan MAS yang memfokuskan kepada tiga bidang utama iaitu untuk membantu mereka mendapatkan pekerjaan baru, latihan semula atau *retraining*, termasuk meningkatkan kemahiran atau *up-skilling* dan membantu untuk mereka menceburi bidang keusahawanan.

Jawatankuasa ini Tuan Yang di-Pertua terdiri daripada pelbagai agensi. Antaranya Jobs Malaysia, Pembangunan Sumber Manusia Berhad, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Perbadanan Nasional Malaysia Berhad, Khazanah Nasional Berhad dan juga lain-lain agensi di bawah kementerian. Usaha-usaha yang dirancang ini adalah khusus untuk membantu pekerja-pekerja MAS yang diberhentikan supaya mereka diberi peluang sewajarnya. Kementerian Sumber Manusia akan memastikan pekerja-pekerja menerima pampasan yang sewajarnya. Tolonglah ikut *Utusan Malaysia* bertarikh 4 Jun 2015. Yang Berhormat Kuala Langat.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya meneliti jawapan daripada Menteri untuk membantu pekerja-pekerja ini dalam tiga perkara yang saya kira kewajipan yang telah kementerian komitedkan. Akan tetapi yang jelasnya Menteri, mereka ini dalam keadaan satu, pemimpin-pemimpin kesatuan di bawah NUFAM sebagai contoh dibuang. Kemudian orang yang mengandung, ibu tunggal, suami isteri, dalam *medical case*, *first come last go* tidak dibuat. Ini semua adalah *termination*, bukan *retrenchment*. *Compensation* yang dibayar itu tidak menepati kehendak undang-undang di bawah Akta Kerja ataupun perjanjian bersama.

Saranan saya ataupun permohonan saya merayu kepada Menteri supaya siasat perkara ini supaya tidak ada kebiadaban pihak Khazanah membuat sesuka hati mereka sehingga melupai bahawa tugas sebenarnya ialah menghormati undang-undang yang telah pun dimaktubkan dan telah pun dibuat di dalam Parlimen ini disebabkan oleh mengikut alunan Akta MAS yang telah diperakui baru-baru yang dipersetujui oleh kerajaan untuk dilaksanakan.

Jadi, saranan saya dan permohonan saya supaya kementerian ini menyiasat siapa dalang yang menyebabkan bahawa perkara ini boleh berlaku. Saya dapat panggilan Yang Berhormat Menteri, seorang pramugari bekerja 25 tahun dibayar pampasan lapan bulan sahaja gaji. Dia *landing* di darat dia dapat telefon *you will be dismissed and you will be out*. 25 tahun Menteri dia menyumbangkan baktinya, enam anugerah penerbangan terbaik dalam dunia. Inikah balasan yang diterima?

Saya minta kementerian boleh membuat siasatan dan memastikan bahawa tidak berlaku penganiayaan kepada 6,000 orang pekerja yang telah pun disifatkan sebagai telah dibuang kerja. Mohon Menteri memberikan perhatian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

#### ■1830

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri, boleh habis dalam 15 minit *or you want to continue on Monday?*

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Okey, saya akan cuba dengan sedaya upaya saya. Tuan Yang di-Pertua, mengenai prinsip *last in, first out*. *Principe last in, first out* atau LIFO ini dalam keadaan sekarang kita tidak boleh amal. Mengapakah kita tidak boleh mempraktikkan prinsip *last in first out* ini kerana ia melibatkan keseluruhan pekerja MAS yang berjumlah 20,000 orang. Itu jawapan kita. Mengenai isu spesifik yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Kuala Langat kita akan mengambil maklum tentang ini tetapi sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan di sini bahawa isu-isu yang sangat dekat di hati kiat sekarang ialah isu yang telah dibangkitkan oleh NUFAM.

Tuan Yang di-Pertua, NUFAM is *National Union of Flight Attendants Malaysia*. NUFAM tidak diiktiraf oleh MAS, mengapa? Ini kerana NUFAM ini sebenarnya saya telah sebutkan is *National Union of Flight Attendants Malaysia*. Mana juga *flight attendant* yang ada di negara ini sama ada MAS, Malindo, AirAsia dan MASwing boleh menjadi ahli kepada NUFAM ini.

Manakala MASEU atau *Malaysian Airlines System Employees Union* ini adalah kesatuan pekerja yang mewakili pekerja-pekerja MAS. Itu bezanya. Maka oleh yang demikian, oleh kerana dalam rundingan dengan pihak MAS dan MAS telah mengiktiraf MASEU sebagai kesatuan sekerja atau *trade union* yang mewakili para pekerja berbanding

dengan NUFAM yang ahlinya terdiri daripada pekerja-pekerja di syarikat yang lain. Maka MAS tidak boleh berurusan dengan NUFAM. Itu bezanya. Akan tetapi Yang Berhormat Kuala Langat, isu spesifik yang telah dibangkitkan itu kita akan mengambil maklum *and we will take note of it seriously*.

Tuan Yang di-Pertua, *just for the information for all, actually* MASEU mempunyai keahlian iaitu seramai 13,500 orang berbanding dengan NUFAM yang mempunyai 1,500 ahli. Seramai 1,500 *against* 13,500. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kuala Langat telah membangkitkan isu 800 orang pekerja daripada lima buah syarikat yang diberhentikan pekerjaan dan belum mendapat pampasan serta gaji bulan terakhir. Syarikat-syarikat ini adalah Dawama Sdn. Bhd., Utusan Printcorp Sdn. Bhd, Jaring Communication Sdn. Bhd dan Maju Steel Sdn. Bhd. Jadi jawapannya ia masih di bawah pentadbiran pemiutang atau *liquidator*.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Ipoh Barat membangkitkan isu skim khas pembiayaan perumahan pekerja ladang. Bagi makluman Dewan yang mulia ini semenjak pelaksanaan skim pembiayaan rumah pekerja estet pada tahun 2011 sehingga 24 April 2015 jumlah permohonan yang telah diproses oleh Bank Simpanan Nasional iaitu sebanyak 152. Daripada jumlah tersebut sebanyak 81 iaitu merupakan 53% permohonan telah berjaya mendapat kelulusan pinjaman, 70 kes atau 46% permohonan gagal dari 1 yang merupakan 1% permohonan masih dalam tindakan Bank Simpanan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pengerang, Yang Berhormat Kota Tinggi, Yang Berhormat Kota Melaka, Yang Berhormat Temerloh telah membangkitkan isu latihan teknikal dan vokasional atau TVET bagi memastikan tenaga kerja mahir negara ini menepati kehendak industri Kementerian Sumber Manusia menerusi Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah membangunkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan dalam bahasa Inggerisnya National Occupational Skill Standard atau NOSS dalam pelbagai sektor termasuklah sektor minyak dan gas, kejuruteraan, penerbangan, perkapalan dan automotif dengan kerjasama industri. Sehingga April 2015 sejumlah 1,652 NOSS telah siap dibangunkan yang mana ia merangkumi NOSS tahap satu hingga tahap lima dan kini ia dijadikan rujukan utama dalam membangunkan modul latihan kemahiran oleh institusi latihan kemahiran.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Permatang Pauh mendapati dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh sasaran 33% tenaga kerja terlatih telah tidak dicapai sepenuhnya dengan pencapaian sebenar iaitu hanya sebanyak 25%. Berdasarkan data kadar peratusan pekerja mahir bagi tahun 2014 adalah sebanyak 25%. Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas sasaran telah ditetapkan untuk meningkatkan tenaga kerja mahir kepada 35% daripada jumlah tenaga kerja negara menjelang tahun 2020.

Pengurangan pencapaian tersebut adalah berikutan kadar pertumbuhan ekonomi di Malaysia bagi tahun 2013 dan 2014. Masih tertumpu kepada aktiviti ekonomi di mana kadar penggunaan buruh separuh mahir dan tidak mahir agak tinggi. Keadaan ini telah mempengaruhi permintaan terhadap penawaran buruh. Keadaan ini disokong oleh kadar pertumbuhan pesat ekonomi dalam sektor perdagangan buruh dan runcit daripada 6.2% pada 2013 kepada 8.4% untuk tahun 2014.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pasir Gudang membangkitkan isu latihan dalam bidang *oil and gas*. Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) telah diperuntukkan sebanyak RM1 bilion iaitu tambahan sebanyak RM500 juta di bawah dana latihan berterusan untuk membiayai latihan kemahiran kepada belia dan beliawanis, PTPK menganggarkan sebanyak 66,700 orang pelatih atau peminjam akan dapat dibiayai sepanjang RMKe-11 ini.

Yang Berhormat Tenom membangkitkan isu mengenai permohonan tanah oleh para pekerja adan bekas pesara ladang Sapong dan ladang Melutok di Tenom, Sabah. Menurut pihak pengurusan ladang Melalap iaitu Sime Darby, isu permohonan tanah oleh bekas pekerja di ladang Sapong adalah di bawah bidang kuasa Pejabat Daerah Tenom dan setakat ini masih belum ada apa-apa maklum balas yang diterima daripada pihak berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kesebelas mengenai Kementerian Sumber Manusia, kementerian ini amat menghargai segala cadangan, teguran, komen dan yang telah dikemukakan. Kementerian akan terus bertekad dan

berusaha bagi memastikan kejayaan Rancangan Malaysia Kesebelas. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 16(3). Saya jemput Yang Berhormat Menteri.

### **MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

**Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Dato' Noriah binti Kasnon]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

### **UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN**

#### **Rancangan Pembangunan Infrastruktur Daerah Muar**

**6.40 ptg.**

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Selamat petang Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Bakri ingin mendapatkan penjelasan berhubung dengan rancangan mewujudkan kawasan industri baru bagi membina kilang-kilang haram. Kerajaan masih tidak lagi memberikan lokasi yang telah ditentukan untuk kawasan industri baru tetapi telah mula mengehadakan lesen perniagaan untuk kilang-kilang ini. Kerajaan seharusnya memberikan masa yang cukup untuk kilang terlibat berpindah ke kawasan yang dibenarkan dalam suasana ekonomi yang agak lembap ketika ini.

Dalam sesuatu rancangan pembangunan setiap kemudahan awam dan facility yang ingin dibina adalah berdasarkan kepada tahap kepadatan penduduk. Yang Berhormat Bakri ingin mendapat penjelasan kerajaan, adakah kerajaan berhasrat untuk mewujudkan kemudahan kompleks sukan serba lengkap yang baru di sekitar bandar Muar? Memandangkan sepanjang tempoh hampir 40 tahun ini hanya sebuah sahaja stadium terdapat di bandar ini.

Selain itu juga di kawasan bandar Muar hanya terdapat kawasan rekreasi Tanjung Emas dan Tanjung Ketapang yang sudah berusia setengah dekad. Apakah kerajaan tidak berhasrat untuk membangunkan satu lagi kawasan rekreasi baru? Apakah rancangan kerajaan bagi menyelesaikan masalah banjir kilat di Lorong 4 Jalan Salleh, Muar dan Jalan Utara, Bukit Bakri, Muar ekoran sistem perparitan yang tidak efektif. Selain itu adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk menaik taraf Jalan Muar ke Yong Peng dan Jalan Muar ke Pagoh kepada empat lorong memandangkan kedua-dua jalan ini semakin padat dengan kenderaan setiap hari.

Yang Berhormat Bakri ingin memohon penjelasan kerajaan berhubung dengan jumlah dan tujuan peruntukan yang telah disalurkan kepada Majlis Perbandaran Muar setiap tahun dari tahun 2010 hingga tahun 2015 mengikut pecahan peruntukan yang telah dibelanjakan, belum dibelanjakan, terlebih peruntukan dan tidak cukup peruntukan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya sila Yang Berhormat Menteri.

**6.43 ptg.**

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Bakri walaupun banyak perkara Yang Berhormat bangkitkan itu semua tugas dan tanggungjawab kerajaan negeri, tetapi tidak apalah saya jawabkanlah sebahagian. Tuan Yang di-Pertua... [Disampuk] Ya lah kita memberitahu. Ini asyik menjawab ini apa fasal ini? Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Bakri kerana telah pun membentangkan usul kepada kementerian, terima kasih Yang Berhormat.

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan kepada maklum balas yang kami terima daripada Majlis Perbandaran Muar dengan kerjasama Perbandaran Johor sedang dalam perancangan untuk memajukan sebuah kawasan perindustrian baru Yang Berhormat di kawasan Bukit Bakri. Ini bertujuan untuk menempatkan semula pengusaha-pengusaha industri luar zon dan luar zon industri tanpa izin yang sedang beroperasi di tanah-tanah pertanian dalam kawasan Yang Berhormat. Sebahagian daripadanya Tuan Yang di-Pertua, adalah industri yang terlibat dengan inisiatif pemutihan industri luar zon yang telah pun dilaksanakan oleh kerajaan negeri pada tahun 2010. Manakala sebahagian yang lain adalah industri-industri yang diusahakan oleh subkontraktor kepada kilang induk dalam satu rangkaian industri yang dipanggil 'servicization' dengan izin.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, Majlis Perbandaran Muar mengalami sedikit masalah dalam usaha pemutihan ini apabila ada industri-industri baru terutamanya yang diusahakan oleh subkontraktor ini menjalankan aktiviti secara berleluasa di atas tanah-tanah pertanian yang kebanyakannya disewa pemilik tanah kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa langkah telah pun diambil oleh pihak Majlis Perbandaran Muar untuk membanteras keadaan operasi industri sedemikian. Antaranya ialah tidak lagi mengeluarkan lesen sementara tahunan (LST) kepada semua premis-premis sementara. Ini kecuali jika pengusaha yang terlibat boleh membuktikan bahawa mereka serius untuk menempatkan semula operasi mereka dengan mengemukakan permohonan untuk mengubah syarat tanah bagi premis-premis yang terletak dalam zon perindustrian. Mengikut rancangan tempatan dan daerah Muar di bawah pengubahan yang telah pun diwartakan pada 16 Ogos 2012. Ataupun dokumen sewaan tanah yang terbabit dan mereka juga diberikan suatu tempoh yang tertentu sehingga berupaya untuk memperoleh penempatan yang sesuai bagi mematuhi peruntukan perundangan perancangan, ya Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu Majlis Perbandaran Muar juga sedang berusaha untuk mendapatkan peruntukan bagi menyediakan satu kawasan rancangan khas ataupun RKK kita sebut. Sebagai mekanisme perancangan untuk mereka kelompokkan semua industri tanpa izin ataupun industri haram ini di lokasi tertentu menjelang tahun 2016 tahun depan. Kawasan-kawasan ini memerlukan perancangan pemuliharaan susun atur infrastruktur, utiliti dan sebagainya. Majlis Perbandaran Muar sedang usahakan.

Berkait dengan kawasan rekreasi Yang Berhormat, adalah menjadi hasrat kerajaan amnya dan kepada Majlis Perbandaran Muar khasnya untuk mengadakan dan mewujudkan kemudahan-kemudahan rekreasi dan riadah yang mencukupi, lengkap, moden dan selesa untuk orang awam. Hasrat ini selaras dengan cadangan yang telah pun dinyatakan dalam rancangan tempatan daerah Muar bagi tahun 2002 hingga tahun 2015, Yang Berhormat sehingga tahun ini yang menyarankan peningkatan bilangan taraf prasarana rekreasi yang perlu disediakan bagi warga perbandaran.

Ini termasuklah naik taraf kemudahan stadium Yang Berhormat sebutkan sedia ada itu dan juga mengenal pasti lokasi-lokasi baru bagi cadangan-cadangan pembinaan taman-taman awam.

Untuk RKK Bandar Maharani Bandar Diraja pula mencadangkan sebuah taman awam yang bersepadu Yang Berhormat iaitu Maharani Royal Park dengan izin iaitu penambahbaikan terhadap kawasan rekreasi Tanjung Emas Yang Berhormat bangkitkan dengan Tanjung Ketapang yang sedia ada. Selain daripada itu kemudahan-kemudahan lain yang dicadangkan termasuklah cadangan pembangunan Dataran Maharani, Dataran Bentayan serta penambahbaikan terhadap laman Maharani yang sedia ada. Untuk tujuan ini Tuan Yang di-Pertua, Majlis Perbandaran Muar telah pun memohon peruntukan melalui Projek *Living River Integrated River Basin in Management* dengan izin lembangan sungai

Muar bagi negeri Johor dan Negeri Sembilan melalui Jabatan Pengairan dan Saliran di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Bagi pembangunan Bandar Universiti Pagoh Tuan Yang di-Pertua saya hendak memaklumkan kepada Yang Berhormat, dia membawa banyak kebaikan kepada warga perbandaran Muar di mana sebuah pembangunan pendidikan bertaraf dunia akan dibangunkan. Di situ akan berlaku banyak kemudahan rekreasi yang aktif dan sebagainya yang akan dibangunkan. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, semua yang saya sebutkan kepada Yang Berhormat ini, dia menjadi KPI kepada Kerajaan Negeri Johor, untuk mengadakan, menyebarkan luaskan pembinaan kemudahan-kemudahan rekreasi dan kesukan termasuklah gelanggang serba guna, gimnasium dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan banjir kilat. Isu ini dikenal pasti Yang Berhormat berpunca daripada masalah perparitan dan juga longkang yang tidak teratur. Ini longkang dan perparitan lama. Pada tahun 2020 kementerian saya melalui Jabatan Kerajaan Tempatan telah pun menyalurkan peruntukan sebanyak RM95,750 untuk melaksanakan projek bina semula sistem perparitan di Lorong Taib Muar di Johor. Manakala tahun 2012 KPKT juga telah pun meluluskan projek naik taraf sebahagian dari parit di Jalan Utara Bakri Muar Johor dengan peruntukan sebanyak RM194,580. Pembinaan kedua-dua projek ini Tuan Yang di-Pertua, diharapkan akan membantu mengurangkan masalah kejadian banjir di kawasan yang berkenaan.

#### ■1850

Pada masa ini Yang Berhormat, banjir kilat berlaku bukan dalam kawasan perbandaran tetapi akibat dari kawasan pedalaman yang mana sistem perparitan terutama kepada tanah-tanah persendirian yang sistem perparitannya tidak berada dalam keadaan yang baik.

Penyaluran peruntukan, yang terakhir sekali. Jumlah peruntukan BT1, bagi pelaksanaan projek-projek kecil yang telah pun disalurkan kepada Majlis Perbandaran Muar daripada 2010 hingga 2014 adalah sebanyak RM27,215,605.43. Nanti, saya bagi *detail* dekat Yang Berhormat daripada 2010 sampai 2014, saya ada tapi ambil masa untuk baca. Itu jumlah yang kita bagi dari tahun 2010 sampai 2014 ya Yang Berhormat.

Selain daripada itu, KPKT juga menyalurkan peruntukan lain kepada Majlis Perbandaran Muar dalam tempoh 2010 hingga 2015 iaitu geran tahunan sebanyak RM17,996,208 dan sumbangan membantu KADA yang kita berikan kepada Majlis Perbandaran Muar sebanyak RM4,348,658 dan juga peruntukan bagi bil elektrik sebanyak RM6,154,004.20.

Ini adalah merupakan peruntukan-peruntukan yang kita bekalkan dari 2010 sehinggalah kepada tahun ini Yang Berhormat. Yang *detail* bagi pecahan tahun-tahun saya bagi sekejap lagi, saya boleh bagi kerana ini panjang sangat kalau nak baca, mahu lima minit baru habis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Ya, sila Yang Berhormat Sungai Siput.

### Van Dilucut Hak Di Bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010

#### 6.52 ptg.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Encik Lee Ho Guan adalah seorang pesara dari Sungai Siput, Perak. Selepas bersara, beliau telah membeli sebuah van AJH 5482 dengan memakai nama anaknya dan telah membawa pelanggan ke Genting sekali-sekala untuk mencari sedikit pendapatan. Pada 16 April 2014, beliau telah ditahan oleh SPAD di bawah seksyen 16(1) Akta Pengangkutan Darat 2010. Beliau telah didakwa di mahkamah dan telah mewakili diri dan pada 20 Mei 2014 telah mengaku salah kerana beliau percaya hanya denda sebanyak RM1,000 akan dikenakan. Beliau tidak tahu wujudnya kemungkinan van beliau boleh dilucut hak. Vannya telah pun dilucut hak di bawah seksyen 80(4) Akta Pengangkutan Awam Darat 2010. Ini amat menyusahkan Encik Lee kerana beliau masih kena bayar balik pinjaman bank sebanyak RM1,100 sebulan.

Encik Lee telah menulis surat kepada SPAD dan juga kepada Yang Berhormat Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Pihak SPAD telah membalas suratnya pada Januari 2015 dengan mengatakan vannya akan ditawarkan kepada bekas pemilik asal mengikut kadar yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Aset SPAD tetapi sampai sekarang beliau belum menerima sebarang tawaran. Encik Lee bukan seorang yang kaya, dia juga bukan seorang ahli sindiket jenayah.

Kesalahannya adalah tidak memohon untuk permit pengangkutan dan sekarang beliau dibebani dengan pinjaman bank yang dia kena bayar. Apakah yang menghalang SPAD daripada membuat keputusan menjual balik van ini kepadanya dengan harga yang nominal. Saya harap Menteri boleh nasihatkan SPAD untuk kendalikan kes ini dengan prihatin supaya dapat meringankan beban pesara ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

#### **6.54 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Sungai Siput, Encik Lee Ho Guan telah mengaku salah di Mahkamah Majistret Kuala Kubu Bharu pada 20 Mei 2014 terhadap pertuduhan di bawah Seksyen 16(1) Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 iaitu Akta 715. Mahkamah yang sama juga telah memerintahkan agar kenderaan AJH 5482 dilucuthakkan atau dengan izin, *forfeited* kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat iaitu SPAD pada tarikh yang sama.

Untuk makluman juga, seksyen 16(1) Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 memperuntukkan bahawa tertakluk kepada seksyen 194 dan 195, tiada seorang pun boleh mengendalikan atau mengadakan sesuatu perkhidmatan kenderaan perkhidmatan awam dengan menggunakan suatu kelas kenderaan perkhidmatan awam melainkan jika dia memegang sesuatu lesen pengendali yang dikeluarkan di bawah bab ini.

Pihak SPAD telah menerima rayuan daripada Encik Lee Ho Guan agar kenderaan beliau dipulangkan. Dalam hal ini, SPAD melalui Jawatankuasa Pengurusan Aset telah memutuskan agar Encik Lee Ho Guan diberi tawaran untuk membeli kembali kenderaan tersebut pada kadar harga yang lebih rendah daripada penilaian harga semasa.

Tawaran untuk membeli kembali kenderaan tersebut telah dinyatakan melalui surat tawaran yang bertarikh 28 Mei 2015 kepada beliau. Beliau perlu memenuhi syarat-syarat tawaran dalam masa 14 hari dari tarikh surat tersebut diterima oleh beliau. Sekiranya beliau gagal memenuhi syarat-syarat tawaran tersebut, kenderaan tersebut akan dilupuskan mengikut budi bicara Jawatankuasa Pengurusan Aset SPAD.

Dalam hal ini, tidak timbul isu bahawa pihak SPAD tidak prihatin terhadap orang awam. Hakikat yang perlu diambil perhatian dalam perkara ini adalah Encik Lee Ho Guan telah melakukan kesalahan dan pada masa yang sama telah pun mengaku bersalah. SPAD sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam perkara ini telah melaksanakan kesemua prosedur dan penguatkuasaan dengan berlandaskan undang-undang. SPAD sentiasa komited dalam melaksanakan amanah yang telah diberikan oleh kerajaan untuk memastikan rakyat sentiasa dilindungi. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan hingga jam 10 pagi, hari Isnin, 15 Jun 2015.

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 6.57 petang]**